

**ANALISIS KISAH TERPILIH DALAM *366 CERITA RAKYAT TERKENAL*
SEBAGAI MEDIUM PENDIDIKAN: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
TEKSDEALISME**

AMIRUL HUSAINI BIN ROSLAN

C20A0933

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN

KELANJUTAN

2024

**ANALISIS KISAH TERPILIH DALAM *366 CERITA RAKYAT TERKENAL*
SEBAGAI MEDIUM PENDIDIKAN: SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
TEKSDEALISME**

AMIRUL HUSAINI BIN ROSLAN
C20A0933

**TESIS INI DIKEMUKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh..... sehingga.....



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.



Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Amirul Husaini bin Roslan
No. Matriks: C20A0933

Tarikh: 22 Februari 2024



Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman
Tarikh: 25 Februari 2024

PENGHARGAAN

Bismillahirahmannirahim,

Assalamualaikum,

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia-Nya, itulah perkataan pertama yang keluar daripada mulut saya sebaik sahaja kajian ini meletakkan titik noktah pada penamatnya. Pelbagai rasa berbaur saat ini, sedih, gembira, terharu dan semuanya ada.

Saya telah berjaya menyiapkan kajian yang bertajuk Analisis Kisah Terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* Sebagai Medium Pendidikan: Satu Pengaplikasian Teori Teksdealisme dengan lengkap. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini telah memberi sebuah pengalaman kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Saya Amirul Husaini bin Roslan ingin mengucapkan kepada pensyarah yang bertindak selaku penyelia saya dalam menyiapkan projek penyelidikan iaitu Ts. Dr. Mohd Saipuddin bin Suliman tanpa sokongan padunya kajian ini tidak akan mampu disiapkan. Semoga segala jasa baik yang telah dicurahkan kepada saya akan dibalas dengan ganjaran serta memperoleh hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT.

Saya ingin mengambil kesempatan bagi mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya atas sokongan dan dorongan kepada saya semasa menyiapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak membantu saya dari aspek masa dan tenaga bagi menyiapkan kajian ini. Setiap jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh mereka sangatlah saya hargai.

Akhir kata, saya berharap kajian ini dapat memberikan pendedahan serta manfaat kepada masyarakat supaya generasi masa hadapan boleh menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan ilmiah dan bermanfaat. Segala kelemahan dalam kajian ini datangnya daripada diri saya dan segala yang baik datang daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Amirul Husaini bin Roslan
No 689, Jalan BPJ 16/2,
Bandar Puteri Jaya,
08000 Sungai Petani,
Kedah.
011-51883934
C20a0933@siswa.umk.edu.my

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.6.1 Kepentingan Pengetahuan kepada Masyarakat	10
1.6.2 Kepentingan Rujukan kepada Pengkaji Lain	11
1.6.3 Kepentingan kepada Universiti	11
1.7 Batasan Kajian	12
1.8 Definisi Istilah dan Konsep	13
1.8.1 Cerita Rakyat	13
1.8.2 Pendidikan	15
1.8.3 Teori Teksdealisme	16
1.9 Organisasi Kajian	17
1.10 Kesimpulan	19
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Kajian Berkaitan Tokoh	21
2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Karya Pilihan	28
2.4 Kajian Sarjana Lain Tentang Teori Pilihan	33
2.5 Kajian Bidang Lain Yang Berkaitan	39
2.6 Kesimpulan	44
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Kaedah Kajian	47
3.3.1 Sumber Internet	48
3.3.2 Kaedah Kepustakaan	49
3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual	49
3.4 Teori Pilihan	50
3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Teksdealisme	51
3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme	51
3.4.2.1 Prinsip Indivualisme	52
3.4.2.3 Kaedah Pengaplikasian Teori	52

3.5	Kerangka Kajian	53
3.6	Kesimpulan	55
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	56
4.2	Nilai Pendidikan	57
4.2.1	Jasmani	58
4.2.2	Emosi	73
4.2.3	Rohani	92
4.2.4	Intelek	107
4.3	Mengangkat Keunggulan Teks	123
4.3.1	Gaya Individu	124
4.3.2	Tindakan Individu	134
4.4	Dapatan Kajian	144
4.4.1	Hasil Dapatan Kajian Nilai Pendidikan	144
4.4.2	Hasil Dapatan Kajian Mengangkat Keunggulan Teks	147
4.5	Kesimpulan	148
BAB 5 KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	150
5.2	Rumusan Kajian	150
5.3	Implikasi Kajian	152
5.4	Cadangan daripada Hasil Kajian	153
5.4.1	Orang Awam	154
5.4.2	Kerajaan	155
5.4.3	Industri	157
5.4.4	Pengkaji Lain	158
5.5	Kesimpulan	159
RUJUKAN		160

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.0	Kaedah Kajian Berdasarkan Pendekatan Kualitatif menerusi <i>366 Cerita Rakyat Terkenal</i>	48
Rajah 3.1	Kaedah Analisis Tekstual	50
Rajah 3.2	Kerangka Kajian	54
Rajah 4.0	Infografik Mengenai Kerangka Kajian Bab 4	57
Rajah 4.1	Nilai Pendidikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menggunakan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI)	58
Rajah 4.2	Pecahan Penggunaan Teori Teksdealisme dalam Kajian	124

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Analisis Kisah Terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* Sebagai Medium
Pendidikan: Satu Pengaplikasian Teori Teksdealisme

ABSTRAK

Cerita rakyat merupakan tradisi yang diperturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi yang baru dan ia merupakan khazanah yang sangat bernilai dalam sesebuah masyarakat. Perkara ini dapat dilihat bahawa cerita rakyat berkembang dengan pesat dalam kalangan masyarakat sejak zaman dahulu lagi untuk diberikan pengajaran kepada masyarakat melalui teladan-teladan berkenaan cerita rakyat yang telah disampaikan itu. Penyebaran cerita rakyat dituturkan secara lisan daripada generasi lama sehingga generasi masa kini. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti nilai pendidikan dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Selain itu, kajian ini juga untuk menganalisis *366 Cerita Rakyat* bagi mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif menerusi kaedah kajian iaitu sumber Internet, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual sebagai panduan untuk menjalankan kajian. Teori Teksdealisme iaitu prinsip individualisme melalui kriteria gaya individu dan tindakan individu yang digagaskan oleh Mana Sikana turut digunakan dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dalam mengenal pasti nilai pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebanyak 50 cerita rakyat dan sebanyak 20 cerita rakyat yang dianalisis dalam mengangkat keunggulan pengarang melalui gaya individu dan tindakan individu. Justeru itu, cerita rakyat yang dipilih mempunyai nilai pendidikan dan keunggulan pengarang.

Kata Kunci: *cerita rakyat, 366 Cerita Rakyat Terkenal, teori Teksdealisme, Falsafah Pendidikan Kebangsaan*

Analysis of Selected Stories in 366 Cerita Rakyat Terkenal as an Educational Medium:
An Application of Textdealism Theory

ABSTRACT

Folklore is a tradition handed down from the previous generation to the new generation and it is a very valuable treasure in a society. This can be seen that folk tales have been growing rapidly among the community since ancient times to give lessons to the community through the examples of the folk tales that have been presented. The spread of folklore is spoken orally from the old generation to the present generation. This study was conducted to identify the value of education in the text of *366 Cerita Rakyat Terkenal*. In addition, this study is also to analyze *366 Cerita Rayat Terkenal* to raise the superiority of the author using the theory of Textdealism. This study uses a qualitative research design through research methods that are Internet sources, library methods and textual analysis methods as a guide to conduct the study. Textdealism theory, which is the principle of individualism through the criteria of individual style and individual action, which was proposed by Mana Sikana, was also used in this study. The results of this study found that the National Philosophy of Education (FPK) which is physical, emotional, spiritual and intellectual (JERI) in identifying the value of education contained in the text of *366 Cerita Rakyat Terkenal* as many as 50 folktales and as many as 20 folktales that were analyzed in raising excellence author through individual style and individual actions. Therefore, the selected folk tales have educational value and the excellence of the author.

Keywords: *folklore*, *366 Cerita Rakyat Terkenal*, *Textdealism theory*, *National Philosophy of Education*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Cerita rakyat merupakan tradisi yang diperturunkan daripada generasi terdahulu kepada generasi yang baru dan ia merupakan khazanah yang sangat bernilai dalam sesebuah masyarakat. Perkara ini dapat dilihat bahawa cerita rakyat berkembang dengan pesat dalam kalangan masyarakat sejak zaman dahulu lagi untuk diberikan pengajaran kepada masyarakat melalui teladan-teladan berkenaan cerita rakyat yang telah disampaikan itu. Walau bagaimanapun, cerita rakyat kini kian luntur dalam kalangan masyarakat Melayu berikutan dengan aliran arus teknologi moden yang berkembang pesat menjadikan cerita rakyat itu sendiri ibarat ditelan zaman. Justeru itu, kajian ini bertujuan menganalisis cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan lebih khusus kajian ini memfokuskan menganalisis beberapa cerita rakyat yang ada di dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme. Pengkaji telah memilih beberapa cerita rakyat iaitu sebanyak 50 cerita rakyat di dalam kajian ini tersebut dengan mengambil daripada buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselanggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir telah diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd pada tahun 2023. Bagi menjelaskan lagi kajian bab satu ini, perbincangan berkenaan dengan pengenalan, latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah dan konsep.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai medium pendidikan berdasarkan pengaplikasian teori Teksdealisme. Pengkaji akan memfokuskan kepada cerita rakyat, teori Teksdealisme dan juga buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi latar belakang kajian. Umum mengetahui, sastera rakyat atau *folk literature* adalah suatu khazanah yang sangat berharga dalam sesebuah masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berpandangan bahawa penyebaran cerita rakyat adalah melalui pertuturan lisan oleh penutur professional atau amatur. Hal ini kerana zaman dahulu mempunyai penglipur lara yang menceritakan cerita-cerita rakyat bagi tujuan hiburan masyarakat setempat. Walau bagaimanapun zaman dahulu tiada penutur professional, maka ibu bapa boleh dijadikan sebagai penutur lisan yang amatur menceritakan sastera rakyat kepada anak-anak. Sebagai contoh, kebanyakan rumah-rumah di kampung mempunyai pondok atau anjung yang dijadikan tempat mereka meluangkan masa dan menceritakan cerita rakyat kepada anak-anak mereka. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa ibu bapa juga berperanan menjadi penutur lisan secara amatur. Penyebaran cerita rakyat juga dituturkan secara lisan daripada generasi lama sehingga generasi masa kini. Hal ini telah menyebabkan sastera rakyat telah berkembang dalam kalangan masyarakat yang memiliki sastera rakyat secara bersama. Sehubungan dengan itu, sastera rakyat atau sastera lisan ini boleh dikatakan sebagai karya yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu bagi dijadikan hiburkan dan medium pendidikan secara tidak formal dengan menghadirkan nilai-nilai murni di dalam setiap teks penceritaan.

Perkara ini turut disokong oleh kajian Muhammad Nur Al-Hakim et al. (2021) dengan menyatakan bahawa cerita rakyat adalah salah satu cabang yang terkandung dalam sastera rakyat. Hal ini kerana cerita rakyat telah disebarluaskan oleh masyarakat dahulu secara lisan sahaja iaitu melalui kaedah pertuturan. Sebagai contoh, seorang penglipur lara menyampaikan sesuatu cerita rakyat kepada masyarakat setempat kemudiannya disampaikan terus kepada masyarakat yang lain dari mulut ke satu mulut. Hal ini kerana penyebaran mulut ke mulut merupakan satu alat komunikasi yang pantas untuk disampaikan kepada masyarakat yang lain berikutan zaman dahulu, mereka tidak mempunyai alat komunikasi seperti telefon bimbit, komputer riba, televisyen dan apa jua alat komunikasi untuk berhubung seperti yang terdapat di zaman sekarang. Tambahan pula, sastera rakyat atau sastera lisan ini juga boleh diguna pakai oleh masyarakat masa kini sebagai wahana hiburan, sumber didaktik, menjadi medium pendidikan dan mempunyai nilai murni yang boleh memberi pengajaran kepada masyarakat (Fatimah Yassin, 1991). Perkara ini jelas diperlihatkan dalam cerita-cerita rakyat yang ada di dalam Malaysia sebagai sumber hiburan dan turut memberi pendidikan kepada masyarakat melalui cerita rakyat tersebut. Oleh itu, sastera rakyat ini boleh dikatakan sinomin dan dekat dengan kehidupan di dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu.

Seperti mana yang diulas oleh pengkaji sebelum ini, di mana cerita rakyat merupakan kesusastraan yang telah diwujudkan secara lisan dengan penyampaian dari mulut ke mulut. Perkara ini telah disokong oleh Fatimah Yassin (1991), cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang telah diperturunkan dari generasi ke generasi yang lain melalui secara lisan. Cerita rakyat menjadi salah satu hiburan kepada masyarakat dahulu yang bertujuan bagi memberi nasihat dan menghiburkan masyarakat. Cerita rakyat juga memberikan pendidikan yang tidak formal kepada masyarakat terdahulu melalui kisah-kisah jenaka, mitos, nasihat dan sebagainya. Sebagai contoh,

dalam cerita rakyat Mat Jenin telah memaparkan ragam seorang pemuda yang hanya kuat berangan sehingga menjadi mangsa kepada angan-angannya sendiri. Malahan, iktibar daripada cerita rakyat Mat Jenin ini sering kali diucap di bibir-bibir mulut masyarakat untuk dijadikan pengajaran dalam meneruskan kehidupan mereka. Justeru itu, masyarakat lebih terdedah dengan ragam-ragam manusia di dalam cerita lain melalui secara lisan dan menurukan cerita-cerita ini kepada generasi ke satu generasi yang lain.

Tegasnya, cerita rakyat Melayu merupakan warisan tradisi yang dipanjangkan kepada generasi kemudian dan masih popular serta diminati oleh masyarakat Melayu hingga kini (Mohd Firdaus Che Yaacob et al., 2017). Jika dilihat secara asasnya kepopularan cerita rakyat ini, cerita rakyat ini merupakan suatu kebudayaan dalam bentuk lisan yang dipertuturkan secara turun temurun oleh satu generasi ke satu generasi yang lain. Malahan, cerita rakyat ini juga merangkumi budaya dan sejarah masyarakat Melayu secara abadi. Sebagai contoh, cerita-cerita rakyat yang ada di dalam Malaysia ini telah menunjukkan sejarah serta kebudayaan masyarakat Melayu seperti kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang yang dikongsi oleh semua lapisan masyarakat mengenai sejarah Gunung Santubong dan Bukit Sejinjang di Sarawak. Umum mengetahui, setiap negeri mempunyai cerita rakyat yang tersendiri seperti yang dinyatakan oleh pengkaji di atas. Contoh lain dapat dilihat, kisah ‘Ditelan Ikan Yu’ dari negeri Kedah, kisah ‘Pengawal yang Bijaksana’ dari negeri Terengganu, kisah ‘Helang yang Setia’ dari negeri Melaka bahkan terdapat juga cerita rakyat yang popular di seluruh negara seperti kisah Mat Jenin, Sang Kancil Menolong Kerbau, Udang Galah Bongkok, Dendam Harimau kepada Kucing dan lain-lain. Oleh itu, perkara ini telah menjadikan cerita rakyat Melayu ini sebagai hak milik bersama masyarakat Melayu secara kolektif. Justeru, soal hak cipta dan milik cerita rakyat Melayu ini tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun.

Di samping itu, cerita rakyat juga disebut sebagai naratif lisan oleh beberapa orang pengkaji seperti Nur Samsiah Mazlan et al. (2021) berpandangan bahawa naratif lisan sememangnya amat rapat dengan kehidupan masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Hal ini kerana kesusasteraan telah lama wujud dalam masyarakat Melayu melalui dua bentuk iaitu dalam bentuk lisan dan juga bentuk tulisan. Kesusasteraan naratif lisan ini boleh dikatakan mempunyai kaitan dengan citra masyarakat dalam masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Perkara ini dapat diperlihatkan dalam cerita-cerita rakyat yang ada di dalam Malaysia yang menunjukkan gambaran keadaan masyarakat dalam sebuah cerita merangkumi bangsa, status, kehidupan sosial, ekonomi dan sebagainya yang bersesuaian dengan watak sebuah cerita rakyat atau naratif lisan ini. Perkara ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berpandangan bahawa terdapat hubungan sastera dengan citra masyarakat yang berfungsi untuk memahami tingkah laku dan kehidupannya sama ada melalui pancaindera dan kematangan berfikiran. Oleh itu, naratif lisan yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu ini dapat digambarkan melalui citra masyarakat.

Selain itu, dalam konteks sastera rakyat atau cerita rakyat sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia khususnya masyarakat Melayu memiliki pelbagai cerita rakyat yang tersendiri. Hal ini kerana cerita rakyat di dalam kalangan masyarakat Melayu sangat mewah dengan kepelbagaian budaya dan nilai-nilai murni yang berguna untuk masyarakat. Perkara ini boleh dilihatkan melalui aspek plot, teks dan watak cerita-cerita rakyat yang ada di dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu seperti Pak Pandir, Pak Kaduk atau Pak Belalang yang telah memberi nilai-nilai murni yang berguna kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi kisah Pak Pandir, perkataan “pandir” ini membawa maksud sebagai bodoh. Ada sesetengah pengkaji terdahulu telah menggolongkan cerita rakyat ini kepada tiga golongan mengikut sifat watak-watak

utamanya iaitu bodoh-sial, pintar-bodoh dan pintar. Bagi memperjelaskan klasifikasi golongan tersebut, dapat dilihat kisah Pak Kaduk termasuk dalam golongan watak-watak “bodoh-sial” di mana dia telah tersalah bertaruh dalam pertandingan sabung ayam ibarat yang dikejar tidak dapat, yang dikendong pula keciciran. Seterusnya, kisah Pak Pandir pula termasuk dalam golongan watak-watak “pintar-bodoh” di mana dia memahami arahan daripada isterinya untuk memandikan anak menggunakan air suam, pun begitu Pak Pandir memandikan anaknya dengan menggunakan air panas manakala, kisah Pak Belalang pula termasuk dalam golongan watak-watak pintar. Oleh itu, cerita rakyat memainkan peranan yang penting dalam usaha membentuk jati diri dan nilai moral sesebuah masyarakat di dalam sesebuah negara. Hal ini kerana dahulunya cerita rakyat ini disampaikan dengan tujuan menjadi satu penanda atau kawalan sosial yang boleh menyebarkan nilai murni dan membentuk jati diri dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu.

Pengkaji telah menggunakan teori Teksdealisme yang bersesuaian dengan kajian ini. Konsep teori Teksdealisme menyarankan setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai tahap sesebuah keunggulan. Teori Teksdealisme telah diasaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenarnya Abdul Rahman Napiah. Menurut Mana Sikana (2006) yang dipetik oleh Nur Muhammad Shahir (2019), Teksdealisme ialah rangkuman daripada kosa kata iaitu “teks” dan “idealisme” yang memberi makna teks atau karya yang unggul. Teori ini juga bermula daripada sesuatu penyataan yang dianggap benar bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat bagi mencapai suatu tahap keunggulan dalam penciptaan karya-karyanya. Hal ini kerana seseorang pengarang haruslah memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam usaha menghasilkan sebuah karya yang unggul. Justeru itu, keberanian dan kebijaksanaan ini membawa

maksud usaha pengarang dalam mengemukakan kepada masyarakat satu pemikiran dan idea yang baru.

Akhir sekali, dalam bahagian ini pengkaji memilih *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselanggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir telah diterbit oleh Edukid Publication Sdn Bhd pada tahun 2023. Buku ini merupakan sebuah buku yang menghimpunkan pelbagai cerita rakyat terkenal di Malaysia. Buku ini dipilih oleh pengkaji kerana struktur buku ini yang menarik di mana terdapat pembahagian bulan dan hari di bahagian senarai kandungan bagi setiap cerita rakyat yang ditulis untuk memudahkan pembaca bagi membaca sekurang-kurangnya sehari satu cerita. Tambahan pula, setiap cerita yang ditulis akan diselitkan dengan visual yang menarik bagi memudahkan pembaca berimajinasi sendiri mengenai cerita yang ingin disampaikan oleh penulis. Pengkaji berpendapat bahawa buku cerita rakyat ini akan menarik minat pembaca tidak kira umur berikutan kreativiti yang dihasilkan oleh penulis dan penerbit. Hal ini kerana buku-buku cerita yang tidak mempunyai visual yang menarik atau penulisan semata-mata akan menjadikan pembaca hilang rasa minat untuk meneruskan pembacaan. Justeru itu, buku ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja yang ingin mendalami warisan budaya dan mempelajari tentang moral dan nilai murni yang menyokong cerita-cerita rakyat ini. Buku ini sangat bersesuaian bagi para pembaca di semua peringkat umur dan khususnya kepada kanak-kanak yang akan membaca buku ini. Lebih-lebih lagi, cerita-cerita rakyat di dalam buku telah diselitkan dengan pengajaran hidup yang berharga dan ajaran moral yang boleh membantu pembaca mengembangkan watak mereka dan menjadi individu yang lebih empati dan belas kasihan. Cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam buku ini mengajar kita tentang kepentingan kebaikan, kejujuran, keberanian, ketabahan, dan lain-lain lagi. Oleh itu, *366 Cerita Rakyat Terkenal* adalah sebuah buku yang menyediakan koleksi cerita rakyat di mana cerita rakyat

merupakan sumber yang berharga untuk sesiapa sahaja yang berminat untuk mempelajari tentang budaya dan tradisi yang berbeza dan untuk ibu bapa dan pendidik yang ingin menerapkan nilai murni yang penting dalam anak-anak mereka.

1.3 Penyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa kajian yang dilakukan ini sememangnya didapati mempunyai permasalahan yang tersendiri. Kebanyakan pengkaji-pengkaji lepas telah memberi fokus mengenai cerita rakyat sebagai pendidikan bagi memperlihatkan moral dan nilai-nilai murni yang terdapat dalam sesebuah cerita rakyat sama ada dapat memberi tindak balas perangai seseorang individu. Walau bagaimanapun, pengkaji masih ingin memfokuskan cerita rakyat sebagai medium pendidikan melalui plot penceritaan cerita-cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa kajian seperti *Cerita Rakyat sebagai Medium Pendidikan kepada Kanak-kanak* oleh Lily Syazwani (2011) dan *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai-nilai Murni* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014).

Selain itu, permasalahan kajian yang didapati dalam kajian ini juga ialah pemikiran skeptikal masyarakat terhadap cerita rakyat. Hal ini kerana kebanyakan pemikiran masyarakat terhadap cerita rakyat adalah negatif serta tidak bersesuaian untuk kanak-kanak. Memang benar, terdapat banyak tokok-tambah di dalam proses penghasilan cerita rakyat ini sehingga melahirkan versi yang berbeza-beza bagi sebuah cerita yang sama meskipun plot penceritaan tidaklah jauh berbeza dengan yang asal. Hal ini kerana cerita rakyat ini tidak mempunyai nama pengarangnya berikutan setiap karya yang dihasilkan merupakan hak cipta bersama. Perkara ini turut ditulis oleh Azzah Arr (2010)

yang dinyatakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et al. (2017) mengatakan bahawa cerita rakyat tersebut memiliki nilai moral yang rendah dan menampakkan fizikal watak yang sangat hodoh. Oleh itu, kajian ini bakal mengubah pemikiran masyarakat terhadap cerita rakyat di mana menjadikan cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

Seterusnya, jika diteliti dengan lebih mendalam bagi sesetengah cerita rakyat, terdapat sindiran-sindiran yang ingin disampaikan terhadap golongan masyarakat tertentu. Hal ini kerana, masyarakat di zaman dahulu banyak beralas ketika memberi sindiran berbeza dengan zaman sekarang di mana manusia lebih bersifat “*straight to the point*” dalam memberi teguran sama ada teguran ke arah kebaikan atau sebaliknya. Justeru itu, dapat dilihat masyarakat zaman dahulu tinggi budi bahasa dan adabnya kerana menggunakan unsur kelucuan dan jenaka dalam memberikan sindiran secara beralas bagi menjaga hati orang yang disindir atau ditegur. Tidak dinafikan bahawa mereka banyak menggunakan pesanan, pepatah, bidalan, pantun dan menghasilkan cerita rakyat mengikut situasi sambil penekanan maksud itu jelas disampaikan (Aminuddin Mansor, 2020). Keadaan ini berbeza dengan fenomena kini di mana banyak daripada kalangan masyarakat sudah tidak menghormati orang lain buktinya mereka lebih gemar menjadi “*keyboard warriors*” di media baharu seperti Facebook, Twitter, Tik Tok dan Instagram dengan memberi komen dalam bentuk kecaman, kutuk dan memaki hamun orang lain.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini meneliti beberapa persoalan kajian iaitu:

- i) Adakah terdapat nilai pendidikan dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*?
- ii) Bagaimanakah *366 Cerita Rakyat Terkenal* dapat mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan bagi mencapai beberapa objektif iaitu:

- i) Untuk mengenal pasti nilai pendidikan dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.
- ii) Untuk menganalisis *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 Kepentingan Pengetahuan kepada Masyarakat

Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan berkaitan cerita rakyat yang menjadi salah satu sastera lisan atau sastera rakyat di Malaysia. Hal ini kerana kajian ini akan memberikan segala maklumat dan informasi yang mendalam tentang cerita rakyat sebagai medium pendidikan yang menggunakan teori Teksdealisme. Masyarakat boleh menjadikan kajian ini sebagai sumber pengetahuan kepada mereka mengenai cerita rakyat sebagai medium pendidikan yang boleh mendidik keluarga atau diri mereka sendiri. Cerita rakyat juga boleh mempengaruhi minda masyarakat melalui cerita-cerita rakyat yang diceritakan sejak mereka kecil lagi. Dengan adanya kajian cerita rakyat ini, masyarakat boleh mengetahui iktibar dan pengajaran yang terdapat dalam perlakuan watak serta plot penceritaan yang mempunyai unsur universal dan tidak lapuk dek zaman. Oleh itu, secara tidak langsung kajian ini akan dapat memberi pengetahuan cerita rakyat sebagai medium pendidikan dalam kehidupan mereka.

1.6.2 Kepentingan Rujukan kepada Pengkaji Lain

Kajian ini diharapkan juga dapat memberi rujukan kepada masyarakat dan pengkaji yang lain. Berdasarkan kajian ini, ia ibarat semakin dalam kita mengkaji sastera, semakin banyaklah butir-butir mutiara yang kita perolehi di mana pengkaji telah memberi penjelasan yang mendalam dengan fakta-fakta yang dihujahkan mengenai cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan menggunakan teori Teksdealisme. Kajian yang berkaitan cerita rakyat sebagai medium pendidikan ini agak terhad kerana tidak banyak kajian cerita rakyat yang membuat mengenai isu ini sebagai tajuk penyelidikan. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan bukan sahaja kepada pengkaji yang lain tetapi juga kepada pihak universiti mahupun sekolah dalam usaha mengangkat cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

1.6.3 Kepentingan kepada Universiti

Kajian ini juga dapat membantu pihak universiti terutamanya Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai satu landasan dan panduan untuk meningkatkan lagi pemahaman dan pengetahuan dalam bidang pendidikan kesusasteraan warisan khususnya dalam penggunaan cerita rakyat sebagai medium pendidikan. Kewujudan kajian ini dapat melihat cerita rakyat sebagai medium pendidikan berupaya menyumbang ke arah kejayaan akademik melalui sistem pendidikan bahasa Melayu serta kesusasteraan warisan. Pemahaman dan pengetahuan akan cerita-cerita rakyat yang dimiliki oleh mahasiswa pada masa kini cukup membanggakan khususnya mahasiswa kesusasteraan warisan itu sendiri. Hal ini kerana mereka telah didedahkan dengan cerita-cerita rakyat semasa sesi pembelajaran di dalam kuliah. Pihak universiti juga boleh melakukan aktiviti yang berunsurkan cerita rakyat seperti menjemput pakar-pakar dalam bidang cerita rakyat

atau sastera rakyat bagi memberikan pendedahan yang lebih meluas terhadap cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini telah mempunyai batasan yang tersendiri kerana pengkaji telah memilih tajuk cerita rakyat sebagai sumber kajian. Pengkaji telah memilih beberapa cerita rakyat iaitu sebanyak 50 cerita rakyat di dalam kajian ini. Cerita-cerita rakyat tersebut diambil daripada buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselanggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir telah diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd yang mengandungi 220 muka surat bercetak. Pemilihan buku ini adalah disebabkan oleh struktur buku ini yang menarik di mana terdapat pembahagian bulan dan hari di bahagian senarai kandungan bagi setiap cerita rakyat yang ditulis untuk memudahkan pembaca bagi membaca sekurang-kurangnya sehari satu cerita. Tambahan pula, setiap cerita yang ditulis akan diselitkan dengan visual yang menarik bagi memudahkan pembaca berimajinasi sendiri mengenai cerita yang ingin disampaikan oleh penulis. Buku ini turut mendedahkan dengan cerita rakyat Malaysia di mana ceritanya tidak pernah lapuk dek zaman dan diceritakan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Buku ini juga mengandungi cerita-cerita jenaka, mitos, lagenda, teladan, asal usul dan nasihat. Justeru itu, buku cerita rakyat ini mempunyai ciri-ciri yang dikaji oleh pengkaji dalam menjadikan cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

Selain itu, kajian ini telah memfokuskan kepada cerita rakyat sebagai medium pendidikan berdasarkan cerita-cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji di dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mengenal pasti dan membincangkan cerita rakyat yang boleh dijadikan sebagai medium pendidikan seperti

Badang, Kampung Rembau, Pokok Berdarah, Usaha Tangga Kejayaan, Hingan Pemuda Yang Berkuasa, Batu Belah Batu Bertangkup, Pak Pandir Memandikan Anak, Bukit dan Pokok, Pertengkar Dua Sahabat, Pandai Emas Pandai Besi, Kisah Cangkerang Kura-kura Retak, Bawang Putih Bawang Merah, Angsa Berbulu Emas, Kalimah Bismillah, Raja Kuyuk, Tuhan Maha Adil, Kaca Bertukar Emas, Pemilihan Pengganti, Pelanduk Yang Bijak, Si Luncai dengan Labunya, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Harimau Ditipu Kancil, Bulan Dua dan Rajin Berusaha. Hal ini dapat dilihat melalui pemilihan cerita-cerita rakyat yang dilakukan oleh pengkaji ini sangat bersesuaian dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kajian ini juga turut menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam menganalisis cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, pemilihan teori ini bersesuaian bagi mengkaji cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

1.8 Definisi Istilah dan Konsep

Istilah dan konsep adalah kata kunci bagi memberi gambaran terhadap tumpuan utama sesebuah kajian yang dijalankan supaya lebih teratur dan tidak melebihi asas tujuan kajian. Justeru itu, bagi mendapat kefahaman yang lebih jelas tentang istilah dan konsep yang digunakan oleh pengkaji dalam kajim ini seperti berikut:

1.8.1 Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan kesusasteraan yang telah diwujudkan secara lisan dengan penyampaian dari mulut ke mulut. Menurut Fatimah Yassin (1991) mengatakan bahawa cerita rakyat adalah sebahagian daripada sastera rakyat yang telah diperturunkan dari generasi ke generasi yang lain melalui secara lisan. Cerita rakyat menjadi salah satu

hiburan kepada masyarakat dahulu yang bertujuan bagi memberi nasihat dan menghiburkan masyarakat. Cerita rakyat juga memberikan pendidikan yang tidak formal kepada masyarakat terdahulu melalui kisah-kisah jenaka, mitos, nasihat dan sebagainya. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat lebih terdedah dengan ragam-ragam manusia di dalam cerita lain melalui secara lisan dan menurukan cerita-cerita ini kepada generasi ke satu generasi yang lain. Justeru itu, cerita rakyat boleh dikatakan sebagai sastera rakyat milik masyarakat Melayu.

Selain itu, cerita rakyat juga boleh disebut sebagai naratif lisan oleh beberapa orang pengkaji seperti Nur Samsiah Mazlan et al. (2021) berpandangan bahawa naratif lisan sememangnya amat rapat dengan kehidupan masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Hal ini kerana kesusasteraan telah lama wujud dalam masyarakat Melayu melalui dua bentuk iaitu dalam bentuk lisan dan juga bentuk tulisan. Kesusasteraan naratif lisan ini boleh dikatakan mempunyai kaitan dengan citra masyarakat dalam masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Perkara ini dapat diperlihatkan dalam cerita-cerita rakyat yang ada dalam Malaysia yang menunjukkan gambaran keadaan masyarakat dalam sesebuah cerita merangkumi bangsa, status, kehidupan sosial, ekonomi dan sebagainya yang bersesuaian dengan watak sesebuah cerita rakyat atau naratif lisan ini. Perkara ini turut disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) berpandangan bahawa terdapat hubungan sastera dengan citra masyarakat yang berfungsi untuk memahami tingkah laku dan kehidupannya sama ada melalui pancaindera dan kematangan berfikiran. Oleh itu, naratif lisan yang ada di dalam kalangan masyarakat Melayu ini dapat digambarkan melalui citra masyarakat.

1.8.2 Pendidikan

Pendidikan merupakan salah satu agenda utama dalam perancangan pembangunan negara (Akhmal Annas et al., 2011). Hal ini dikatakan demikian kerana bidang pendidikan telah mendapat peruntukan yang besar pada setiap tahun di dalam pembentangan Bajet Tahunan Malaysia yang disampaikan oleh Menteri Kewangan Malaysia. Bagi Bajet 2023, dapat dilihat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima peruntukan sebanyak RM55.6 bilion di mana ia menyaksikan peningkatan daripada peruntukan yang sedia ada di dalam Bajet 2022 iaitu sebanyak RM52.6 bilion (UmaVathi Ramayah, 2022). Perkara ini telah menunjukkan jelas bahawa pihak kerajaan memberikan komitmen dalam usaha meningkatkan bidang pendidikan agar negara Malaysia dapat membangun generasi minda kelas pertama setanding negara-negara maju yang lain. Hal ini kerana menerusi laporan PISA (Laporan Program Antarabangsa untuk Penilaian Pelajar) yang dikeluarkan oleh OECD setiap tiga tahun menunjukkan bahawa Korea Selatan, Jepun dan Finland antara negara-negara yang mempunyai sistem pendidikan yang terbaik. Walau bagaimanapun, laporan PISA pada tahun 2018 menunjukkan bahawa Malaysia masih berada di landasan yang betul dan menunjukkan peningkatan baik serta signifikan dalam ketiga-tiga literasi PISA (Mstar, 2019). Tambahan pula, masyarakat dalam sesebuah negara memerlukan pendidikan yang mencukupi dan bersesuaian bagi mewujudkan kesejahteraan hidup yang berkekalan. Menurut Tajul Ariffin (2010) mengatakan bahawa fokus akhir kepada sesebuah pendidikan yang mulia adalah untuk meneroka, membina dan melindungi kebenaran yang bersifat universal atau sejagat.

Pendek kata, pendidikan adalah suatu usaha yang dilakukan agar membangunakan potensi yang ada dalam diri manusia. Pendidikan dapat diuraikan melalui dua sudut pandangan (Hasan, 2003). Sudut pandangan pertama merupakan berkaitan dengan

masyarakat. Hal ini kerana masyarakat melihat pendidikan sebagai proses pewarisan atau penyaluran kebudayaan yang mengandungi nilai-nilai budaya oleh generasi lama kepada generasi baru secara berterusan agar kelangsungan hidup sesebuah masyarakat dapat berlaku. Sudut pandangan kedua pula adalah menjurus kepada individu. Hal ini kerana pendidikan ialah proses membangunkan dan menggilap potensi yang ada di dalam diri seseorang individu sehingga potensi tersebut dapat mewujudkan kemampuan tertentu untuk menjamin kehidupan seseorang individu stabil dan normal. Sering kali kita mendengar ungkapan, “*hanya pendidikan dapat mengubah kehidupan seseorang itu lebih baik dan jika anak-anak kita berjaya dalam pendidikan sudah pasti mereka boleh mengubah keadaan ekonomi keluarga*” (Melvin Joni, 2019). Ungkapan ini dapat ditafsirkan dalam konteks pendidikan yang menjadi aset penting dalam mengubah taraf kehidupan seseorang individu.

1.8.3 Teori Teksdealisme

Falsafah teori Teksdealisme menganjurkan supaya setiap pengarang mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya agar mencapai tahap sesebuah keunggulan. Teori Teksdealisme telah diasaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenarnya Abdul Rahman Napiah. Menurut Mana Sikana (2006) yang dipetik oleh Nur Muhammad Shahir (2019) mengatakan bahawa Teksdealisme ialah rangkuman daripada kosa kata iaitu “teks” dan “idealisme” yang memberi makna teks atau karya yang unggul. Teori ini juga bermula daripada sesuatu pernyataan yang dianggap benar bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat bagi mencapai suatu tahap keunggulan dalam penciptaan karya-karyanya. Hal ini kerana seseorang pengarang haruslah memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam usaha menghasilkan sebuah karya yang unggul. Justeru itu, keberanian dan

kebijaksanaan ini membawa maksud usaha pengarang dalam mengemukakan kepada masyarakat satu pemikiran dan idea yang baru.

Selain itu, teks-teks yang yang dihasilkan tidak akan berjaya untuk sampai ke taraf yang unggul jika sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan tidak dimiliki seseorang pengarang. Hal ini kerana teks-teks yang dihasilkan itu hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan dianggap sebagai teks-teks yang biasa sahaja. Menurut Mana Sikana (2006), teori Teksdealisme telah menyediakan empat prinsip sebagai garis panduan bagi mencapai tahap keunggulan sesuatu karya sastera yang dibuat oleh seseorang pengarang. Keempat-empat prinsip tersebut ialah kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Prinsip individualisme pula dapat dikesan melalui empat kriteria iaitu daripada sudut stail individu, rekacipta individu, kendirian individu dan tindakan individu. Oleh itu, teori Teksdealisme bersesuaian untuk digunakan di dalam kajian penyelidikan ini.

1.9 Organisasi Kajian

Pengkaji telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Hal ini kerana pembahagian organisasi kajian dilaksanakan supaya pengkajian berjalan dengan lancar secara kemas, tersusun dan teratur.

1.9.1 Bab Satu

Berdasarkan bab ini pengkaji telah merangkumi pendahuluan yang membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan kesimpulan.

1.9.2 Bab Dua

Kajian literatur yang merangkumi tinjaun sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang nyata seperti pengkajian berkaitan cerita rakyat sebagai medium pendidikan, pengkajian tentang teori Teksdealisme dan pengkajian terhadap teks-teks cerita rakyat serta kesimpulan yang akan dibincangkan di dalam bab ini.

1.9.3 Bab Tiga

Berdasarkan bab ini akan menjelaskan metodologi kajian seperti cara yang digunakan untuk melakukan kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis textual dan sumber internet. Kaedah analisis textual akan menggunakan buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn Bhd. Teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana akan digunakan bagi menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

1.9.4 Bab Empat

Analisis kajian dan hasil dapatan kajian telah dibuat oleh pengkaji dalam bab ini. Secara khususnya bab empat mengandungi nilai pendidikan sebagai medium pendidikan dengan menggunakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi jasmani, emosi, rohani dan intelek atau JERI. Bab ini juga menganalisis *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme.

1.9.5 Bab Lima

Berdasarkan bab ini akan mengandungi rumusan perbincangan dan dapatan kajian untuk menjawab segala persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji. Bab ini turut mendapati implikasi kajian dan cadangan kepada kerajaan, orang awam, industri dan pengkaji lain juga terkandung dalam bab ini.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengkaji telah menghuraikan secara terperinci dan jelas dalam bahagian latar belakang kajian mengenai sastera rakyat atau *folk literature* merupakan khazanah yang amat penting dan berharga kepada masyarakat di dalam Malaysia khususnya masyarakat Melayu. Pengkaji juga menerangkan secara jelas mengenai penyebaran cerita rakyat melalui kaedah pertuturan yang dituturkan dalam satu generasi ke satu generasi yang lain. Pengkaji turut membincangkan cerita rakyat, teori Teksdealisme dan buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* di dalam latar belakang kajian dengan merujuk beberapa pengkaji yang lain. Hal ini kerana setiap pengkaji yang lain mempunyai pandangan dan pengertian yang berbeza mengenai cerita rakyat itu sendiri. Bahagian ini juga turut menjelaskan objektif kajian yang perlu dicapai oleh pengkaji di mana pengkaji mempunyai dua objektif kajian dalam menjalankan kajian ini bagi menjawab kepada persoalan kajian. Dalam bahagian kepentingan kajian, pengkaji menerangkan kajian ini akan memberi kepentingan kepada masyarakat, kepentingan rujukan dan kepentingan kepada universiti. Batasan kajian yang diterangkan oleh pengkaji juga turut dibincangkan di dalam bab ini. Bahagian akhir bab ini, pengkaji telah memperlihatkan definisi istilah dan konsep bagi memastikan pembaca dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang makna dan pendefinisian kajian ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur amat penting di dalam sebuah kajian kerana pengkaji dapat menentukan jurang kajian atau *research gap* antara kajian pengkaji dengan pengkaji-pengkaji atau sarjana terdahulu. Justeru itu, pada bahagian bab dua ini, pengkaji melakukan satu penelitian terhadap artikel atau kajian lepas yang pernah dihasilkan oleh para pengkaji atau sarjana terdahulu. Bab ini juga pengkaji akan mengkaji kajian lepas yang berkaitan dengan cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme. Pengkaji melakukan proses penelitian ini bagi bertujuan untuk melihat sama ada kajian cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme ini pernah dikaji oleh pengkaji lepas atau masih mempunyai kelompongan (*gap*) dalam kajian tersebut. Bab dua yang dilakukan oleh pengkaji telah dibahagikan kepada empat bahagian bagi menjelaskan lagi kajian bab dua ini. Bahagian pertama memberi fokus terhadap kajian tentang tokoh iaitu Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Selain itu, bahagian kedua memberi fokus kepada kajian sarjana lain mengenai karya pilihan manakala bahagian ketiga pula merujuk kepada kajian sarjana lain tentang teori pilihan iaitu teori Teksdealisme. Bahagian terakhir adalah mengenai kajian bidang lain yang berkaitan seperti animasi, filem, budaya dan lain-lain lagi.

2.2 Kajian Berkaitan Tokoh

Sudah semestinya dalam penghasilan mana-mana karya, sering kali orang ramai ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai tokoh-tokoh karya yang telah pun menghasilkan sebuah karya yang bermanfaat untuk semua. Malahan, tokoh-tokoh ini sering diangkat oleh masyarakat jika penghasilan karya tersebut telah memberi impak yang mendalam sama ada kepada emosi, perasaan, tingkah laku dan sebagainya berdasarkan plot penceritaan, watak atau visual ilustrasi yang digunakan di dalam karya tersebut. Dapat dilihat, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 bertajuk Penemuan Nilai-nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak yang menggunakan buku yang telah ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab. Objektif kajian yang terdapat dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatkan kajian di dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa kajian ini telah menganalisis nilai-nilai Islam seperti nilai taat, pemaaf, bersyukur dan percaya kepada Allah SWT yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat yang dipilih sebagai bahan kajian. Justeru itu, perbezaan yang terdapat dalam kajian ini ialah penggunaan teori Takmilah sebagai teori utama dalam menganalisis kandungan teks cerita rakyat manakala pengkaji kajian menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam menganalisis kandungan teks. Pendek kata, pengkaji berpendapat bahawa kajian yang ditulis oleh pengkaji lepas ini sedikit sebanyak dapat membuka minda masyarakat betapa pentingnya nilai-nilai Islam yang perlu diterapkan kerana sememangnya agama Islam itu mengajar individu untuk sentiasa berusaha membina kebaikan dalam diri agar menjadi insan yang diredayai di dunia atau akhirat.

Begitu juga dengan kajian oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2020 telah menulis sebuah kajian mengenai Cerminan Nilai-nilai Islam dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*: Satu Pendekatan Takmilah buku yang telah dikarang oleh Zainariah Abdul Wahab sebagai sumber utama. Objektif kajian yang telah dikaji oleh pengkaji kajian lepas dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang boleh menjadi sebuah pendidikan kepada masyarakat. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian dan teori Takmilah diguna pakai sebagai deduktif kajian yang telah mengukuhkan lagi kajian ini. Dapatkan kajian yang diperoleh di dalam kajian ini ialah nilai-nilai Islam yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat yang seperti taat, pemaaf, bersyukur dan percaya kepada Allah SWT. Oleh itu, perbezaan kajian pengkaji dengan kajian lepas merupakan pengaplikasian pendekatan Takmilah bagi mengkaji cerminan nilai-nilai Islam di dalam cerita rakyat yang terpilih manakala pengkaji kajian mengaplikasikan teori Teksdealisme bagi mengkaji cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

Kajian yang selanjutnya bertajuk Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2020. Penulisan buku Zainariah Abdul Wahab telah digunakan dalam kajian ini. Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat Melayu terhadap pembentukan akhlak masyarakat Melayu. Metodologi kajian kualitatif telah digunakan dengan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dapatkan kajian yang diperoleh oleh pengkaji membuktikan bahawa masyarakat terdahulu menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat bagi membentuk sebuah masyarakat yang berakhhlak mulia. Secara rumusannya, perbezaan kajian lepas dengan kajian pengkaji adalah penggunaan teks

Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia sebagai sumber rujukan utama manakala kajian pengkaji menggunakan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai rujukan utama dalam menganalisis kajian akan tetapi kedua-dua teks ini ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab. Bagi pendapat pengkaji, kebanyakan pengkaji sering kali melakukan perkaitan antara nilai-nilai Islam dengan cerita-cerita rakyat kerana dalam pada sama, mereka ingin menyampaikan dakwah Islam dengan kandungan teks yang terdapat di dalam cerita rakyat di mana ia akan membentuk akhlak masyarakat sama ada kearah kebaikan atau sebaliknya. Tidak dinafikan bahawa manusia di bumi ini secara fitrahnya sukakan kebaikan. Meskipun ramai manusia yang ingin menjadi baik, tetapi tidak ramai manusia yang ingin membina kebaikan diri kerana mereka tidak tahu formula untuk menjadi insan yang benar-benar baik sama ada pada pandangan Allah SWT mahupun pada pandangan manusia. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang melakukan perkaitan dengan nilai-nilai Islam adalah sesuatu yang relevan dalam mengkaji cerita rakyat pada masa ini.

Di samping itu, Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah pada tahun 2021 menulis tajuk kajian mereka iaitu *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* yang menggunakan buku diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti dan menganalisis ritual sumpahan yang terkandung dalam cerita-cerita lisan Melayu. Metodologi kajian bagi kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks yang telah digunakan oleh pengkaji kajian lepas bagi mencapai tujuan kajian. Pengkaji kajian lepas juga menggunakan teori Budaya sebagai deduktif di dalam kajian ini. Dapatan kajian yang boleh didapati dalam kajian ini menunjukkan bahawa sesetengah cerita lisan Melayu sememangnya memiliki unsur spiritual iaitu sumpahan. Justeru itu, perbezaan kajian lepas ialah pengaplikasian teori Budaya sebagai deduktif dalam kajian ini berbanding kajian pengkaji yang

mengaplikasikan teori Teksdealisme sebagai deduktif dalam kajian ini. Pengkaji berpendapat bahawa unsur spiritual yang digunakan dalam mengkaji cerita rakyat ini dapat memastikan pembaca meneliti fungsi sebenar unsur sumpahan terhadap sindiran kepada mereka yang terlibat berdasarkan plot penceritaan serta teguran dan nasihat khususnya yang menyentuh perihal kehidupan sejagat.

Berbeza dengan kajian oleh Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob pada tahun 2021 telah menjalankan sebuah kajian mengenai cerita rakyat yang bertajuk Nilai-nilai Kemanusian dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. Penggunaan buku yang ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab di dalam kajian lepas ini merupakan persamaan dengan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusian yang terkandung dalam cerita lisan. Objektif lain yang dijalankan dalam kajian ini juga pengaplikasian teori Takmilah dalam mengenal pasti nilai-nilai kemanusian. Kajian ini bersifat kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan teks dalam metodologi kajian. Dapatkan kajian yang dicapai dalam kajian lepas ini, membuktikan cerita lisan penuh dengan nilai-nilai kemanusian yang boleh mendidik khalayak ke arah lebih baik dan bertamadun. Perbezaan yang dapat dilihat di dalam kajian lepas adalah pengaplikasian teori Takmilah sebagai teori utama dalam menganalisis kajian berbanding kajian pengkaji mengaplikasikan teori Teksdealisme sebagai teori utama bagi mengukuhkan lagi analisis kajian.

Pada tahun 2021, sebuah kajian telah dikaji oleh Muhammad Nur Al-Hakim et al. yang bertajuk Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral kepada Kanak-kanak yang turut menggunakan buku yang ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab. Tujuan kajian ini dikaji adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan polemik yang ada di dalam kandungan teks cerita rakyat terpilih kepada pembentukan

moral kanak-kanak. Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah perpustakaan dan analisis teks. Dapatkan kajian ini mendapati bahawa unsur polemik dalam cerita rakyat amat membentuk moral dalam diri kanak-kanak. Justeru itu, perbezaan kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah penggunaan polemik dalam cerita rakyat sebagai pendidikan moral sebagai fokus utama dalam menganalisis kajian manakala kajian pengkaji menggunakan cerita rakyat sebagai medium pendidikan sebagai tumpuan utama dalam menganalisis kajian.

Perkara yang sama yang dilakukan oleh Syarah Aqilah Zulfakar pada tahun 2023 telah membuat satu kajian yang bertajuk Polemik dalam Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah*. Kajian ini telah menggunakan buku yang ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab sebagai sokongan rujukan di dalam kajian ini. Objektif kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan polemik yang terkandung dalam cerita rakyat. Penggunaan teori Takmilah sebagai teori utama yang diguna dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa teks yang dikaji oleh pengkaji kajian lepas mempunyai unsur polemik di dalam cerita rakyat yang terpilih. Perbezaan kajian pengkaji dengan kajian lepas dari aspek polemik dalam cerita rakyat sebagai fokus utama dalam analisis kajian ini manakala kajian pengkaji memberikan fokus kepada cerita rakyat sebagai medium pendidikan biarpun menggunakan sumber rujukan yang sama dalam menganalisis teks. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa tidak dinafikan cerita rakyat sememangnya tidak terlepas dari unsur polemik berikutan kebanyakan cerita rakyat didominasi oleh unsur polemik yang menjadi tema utama bagi sesuatu plot penceritaan. Terdapat polemik tamak, hasad dengki, penderhakaan, pembohongan, dendam, pergaduhan dan sebagainya di mana unsur

polemik ini sedikit sebanyak telah membantu dalam pembentukan moral dan teladan dalam membentuk masyarakat yang insaniah.

Kajian lepas seterusnya bertajuk *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedah Melayu* yang dikaji oleh Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah pada tahun 2021. Kajian ini juga menggunakan buku yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab sebagai sumber utama kajian. Objektif kajian yang dijalankan ini untuk mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan. Metodologi yang dijalankan ini adalah bersifat kualitatif menerusi kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mengukuhkan lagi kajian ini. Dapatan kajian membuktikan bahawa naratif lisan sememangnya sarat dengan citra masyarakat yang dapat membentuk adat, nilai dan kebudayaan yang bertamadun dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh itu, perbezaan kajian lepas dengan kajian pengkaji adalah fokus utama kajian iaitu melihat gambaran masyarakat di dalam cerita rakyat dalam mengukuhkan lagi analisis kajian manakala kajian pengkaji fokus utama bagi memantapkan lagi analisis kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah cerita rakyat boleh dijadikan sebagai medium pendidikan kepada masyarakat.

Pada tahun 2020, Nur Shahirah Othman telah menulis tesis berkaitan cerita rakyat yang bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedah Melayu*. Tujuan kajian ini dikaji adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi orang Melayu di dalam cerita rakyat. Kajian ini juga dikaji bertujuan untuk merumuskan dan membincangkan pengaplikasian teori Pengkaedah Melayu dalam cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji kajian lepas. Kajian ini telah menggunakan teori Pengkaedah Melayu sebagai teori utama dalam menganalisis kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Metodologi kajian dianalisis

secara kualitatif bagi menjalankan kajian. Dapatkan kajian mendapati bahawa cerita rakyat memiliki nilai akal budi yang baik dan cerita rakyat Malaysia penuh dengan warisan kebudayaan yang menjadi titik tolak kepada pembangunan dalam masyarakat orang Melayu serta menjadi medium untuk memberikan kesan yang positif terhadap kehidupan seharian orang Melayu. Perbezaan kajian lepas dengan kajian pengkaji dapat dilihat melalui penggunaan teori iaitu teori Pengkaedah Melayu sebagai teori utama dalam mengukuhkan lagi analisis kajian manakala kajian pengkaji menggunakan teori Teksdealisme bagi memantapkan lagi analisis kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Akhir sekali, Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nur Samsiah Mazlan pada tahun 2021 telah membuat kajian bertajuk Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. Persamaan kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah penggunaan buku yang telah ditulis oleh Zainariah Abdul Wahab. Tujuan kajian ini ditulis untuk mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Metodologi kajian ini merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini turut menggunakan teori Pengkaedah Melayu menerusi pendekatan gunaan sebagai deduktif kajian. Dapatkan hasil kajian ini membuktikan bahawa media animasi merupakan salah satu medium yang berkesan dan sistematis untuk menjadikan cerita lisan dapat dipopularkan dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Perbezaan kajian lepas dengan kajian pengkaji adalah pemilihan cerita rakyat melalui media animasi sebagai fokus utama kajian manakala kajian pengkaji memilih cerita rakyat melalui teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai fokus utama kajian.

2.3 Kajian Sarjana Lain Mengenai Karya Pilihan

Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2020 telah menulis sebuah kajian mengenai Pengabsahan Mitos Kegagahan Badang Melalui Metafora: Analisis Teori Relevans. Objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji kajian lepas ini menganalisis makna metafora yang disampaikan oleh pengarang Melayu tradisional melalui kisah mitos kegagahan Badang. Metodologi kajian yang dijalankan dalam kajian lepas ini ialah kualitatif iaitu kaedah analisis teks *Sulalat al Salatin (SAS)* kajian Muhammad Haji Salleh (1997). Teori Relevans juga digunakan oleh pengkaji kajian lepas melalui Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep *ad hoc* sebagai metodologi kajian olehnya. Dapatan kajian memaparkan bahawa mitos kegagahan Badang membawa definisi pengabsahan terhadap kedaulatan, kemerdekaan dan pengiktirafan yang diterima oleh susur galur raja dan kerajaan Melayu. Justeru itu, perbezaan kajian lepas merupakan penggunaan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan konsep *ad hoc* sebagai metodologi kajian manakala pengkaji kajian tidak menggunakan metodologi kajian seperti pengkaji kajian lepas.

Kajian yang selanjutnya bertajuk Kisah Sang Kancil dan Harimau sebagai Penerapan Nilai Budaya Tinggi dalam Kalangan Kanak-Kanak oleh Nurmasitah Mat Hassan, Azyantee Mohd Zawawi & Nordiana Ab. Jabar pada tahun 2022. Kajian ini dilakukan bagi mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti nilai budaya tinggi yang terdapat di dalam cerita rakyat Sang Kancil dan Harimau. Objektif lain yang dikaji pula adalah menganalisis penerapan nilai budaya tinggi di dalam cerita Sang Kancil dan Harimau kepada kanak-kanak. Metodologi kajian ini dilakukan secara kualitatif iaitu analisis cerita rakyat animasi Sang Kancil dan Harimau serta penggunaan teori Pengkaedah Melayu melalui pendekatan moral sebagai pengukuhan analisis kajian. Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian lepas ini adalah cerita rakyat yang menjadikan haiwan sebagai watak utama yang memiliki akal yang bijak seperti

perwatakan seorang manusia boleh dijadikan pengajaran kepada masyarakat Melayu khususnya kepada kanak-kanak. Secara rumusannya, perbezaan kajian lepas adalah pemilihan cerita Sang Kancil melalui animasi manakala kajian pengkaji memilih cerita Sang Kancil daripada teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

Selain itu, Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar pada tahun 2020 menjalankan kajian mengenai cerita rakyat menerusi kajian yang bertajuk Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat serta Kebenarannya Berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti perspektif Barat mengenai ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ menerusi cerita jenaka Melayu. Objektif kajian lain pula adalah untuk menganalisis kebenaran perspektif tersebut berdasarkan cerita jenaka Melayu yang dipilih oleh pengkaji kajian lepas. Kajian ini telah menggunakan kaedah analisis teks menerusi cerita jenaka Melayu seperti Si Luncai, Pak Belalang, Pak Kaduk dan Pak Pandir. Dapatan kajian yang boleh didapati dalam kajian lepas ini adalah tomahan Barat dalam perspektif mereka terhadap masyarakat Melayu tidak dapat dibuktikan secara menyeluruh menerusi cerita jenaka Melayu ini. Oleh itu, perbezaan kajian lepas ini merupakan pemilihan cerita rakyat atau cerita jenaka iaitu Pak Pandir, Pak Kaduk, Pak Belalang dan Si Luncai sebagai perseptif “Melayu Malas” dan “Melayu Bodoh” manakala kajian pengkaji memilih cerita rakyat atau cerita jenaka iaitu Pak Pandir, Pak Kaduk, Pak Belalang dan Si Luncai sebagai medium pendidikan.

Di samping itu, Nordiana Ab Jabar pada tahun 2019 telah menulis kajian yang bertajuk Keunggulan Ikon Membawa Teladan dalam Seloka Melayu. Kajian ini bertujuan mengangkat tokoh dalam seloka Melayu yang boleh menjadi teladan kepada khalayak khususnya masyarakat Melayu. Kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk bahan-bahan bercetak artikel seperti jurnal, tesis-tesis dan laporan penyelidikan yang berkaitan dengan objektif kajian lepas ini. Kajian ini juga

menggunakan teori Sfera Fungsional yang memfokuskan kepada sfera faedah (V.I Braginsky) bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji kajian lepas. Dapatkan kajian telah memperlihatkan setiap ikon yang dipilih dalam seloka ini memberi kesan yang baik kepada pembentukkan tingkah laku sosial dan jati diri kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Secara rumusannya, perbezaan kajian lepas adalah penggunaan watak seperti Mat Jenin, Pak Kaduk, Si Luncai dan Pak Pandir di dalam seloka berbanding kajian pengkaji yang menggunakan watak tersebut di dalam cerita rakyat yang terkandung dalam teks 366 Cerita Rakyat Terkenal.

Kajian yang dijalankan oleh Ni Putu Candra Prastya Dewi & I Nengah Suastika pada tahun 2021 bertajuk Dekonstruksi Dongeng Bawang Merah Bawang Putih dalam Meningkatkan Karakter Anak Usia Sekolah Dasar. Tujuan kajian ini adalah mendekonstruksi cerita rakyat *Bawang Merah Bawang Putih* dalam meningkatkan keperibadian kanak-kanak dari sekolah rendah. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menghasilkan dalam bentuk perkataan, ayat atau gambar. Dapatkan kajian yang diperoleh dalam kajian lepas ini memaparkan cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* mempunyai pelbagai nilai keperibadian dalam penceritaannya sehingga menjadi pendidikan kepada kanak-kanak sejak bangku sekolah lagi. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah pemilihan cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* sebagai peningkatan karakter kanak-kanak manakala kajian pengkaji memilih cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* sebagai medium pendidikan.

Mohammad Nor Fahmi Adaha Che Ayub pada tahun 2022 telah melakukan sebuah kajian bertajuk Kearifan Lokal dalam Seloka Pak Kaduk & Pak Pandir: Aspek Sindiran dan Kenyataan. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kajian lepas untuk mengenal pasti fungsi seloka sebagai hiburan kepada masyarakat Melayu tradisi. Tujuan kajian yang lain adalah mengkaji aspek sindiran sebagai alat kawalan sosial masyarakat dalam

seloka Melayu. Tujuan kajian terakhir yang dikaji adalah menganalisis bentuk pengajaran yang boleh diambil daripada seloka tersebut. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu kepustakaan dan sumber-sumebr rujukan untuk melengkapkan kajian ini. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa penggunaan kearifan lokal dalam seloka terhadap masyarakat Melayu terdahulu sebagai alat komunikasi bagi menyedarkan dan memberi kesan yang positif kepada masyarakat dalam membina jati diri serta tingkah laku seseorang individu. Perbezaan kajian lepas adalah pemilihan teks Pak Kaduk & Pak Pandir melalui seloka berbanding kajian pengkaji menggunakan teks Pak Kaduk & Pak Pandir melalui cerita rakyat yang terkandung dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

Kajian yang seterusnya bertajuk Ikon Kepimpinan dalam Cerita Jenaka Melayu Menggunakan Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun 2021. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ikon kepimpinan pada cerita jenaka Melayu terpilih dan menganalisis kerelevenan cerita jenaka pada masa ini. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif bagi melengkapkan kajian yang dikaji oleh pengkaji kajian lepas. Kajian ini juga menggunakan teori Pengurusan Henry Fayol bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatkan kajian mendapati bahawa ikon kepimpinan yang ada pada setiap watak penceritaan cerita jenaka yang terpilih tidak kira watak utama atau sampingan. Justeru itu, perbezaan kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah penggunaan teori Pengurusan yang diasaskan oleh Henry Fayol sebagai teori utama dalam kajian ini manakala kajian pengkaji menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam kajian. Bagi pendapat pengkaji, pengkaji lepas yang telah pun mengupas berkenaan ikon kepimpinan yang terdapat dalam cerita rakyat ini seharusnya dipuji kerana sememangnya tidak dinafikan bahawa terdapat cerita rakyat yang mempamerkan ikon kepimpinan namun, tidak dinafikan juga bahawa terdapat juga cerita rakyat yang watak utamanya

tidak ada ciri-ciri menjadi seorang ikon kepimpinan yang sesuai dijadikan sebagai *role model* kepada masyarakat seperti watak Pak Pandir.

Muhammad Ridzuan Mohd Ahdil pada tahun 2021 menulis kajian yang bertajuk Teguran Masyarakat Melayu dalam Koleksi Seloka Terpilih: Satu Analisis Model SMCR oleh Wilbur Schramm. Tujuan kajian ini dikaji untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti konsep seloka secara umum. Objektif kajian yang kedua adalah menganalisis jenis-jenis teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih dengan mengaplikasikan Model SMCR oleh Wilbur Schramm. Objektif kajian yang lain adalah membincangkan kesan teguran kepada masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih. Metodologi kajian yang dikaji dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif menggunakan kaedah kepustakaan di mana bahan-bahan bertulis dan bercetak dalam menyiapkan kajian ini. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa setiap teguran yang disampaikan menerusi seloka merupakan keadaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu ketika kejadian itu. Perbezaannya adalah pengaplikasian Model SMCR oleh Wilbur Schramm di dalam kajian lepas manakala kajian pengkaji mengaplikasikan teori Teksdealisme di dalam kajian pengkaji.

Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali pada tahun 2021 telah melaksanakan sebuah kajian mengenai Pak Pandir dan Pak Kaduk yang betajuk Komunikasi Bahasa Sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisis proses komunikasi dalam seloka dan meneliti kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam berkomunikasi. Kajian ini telah menggunakan kaedah perpustakaan dan penelitian bahan seperti buku, artikel, majalah dan tesis sebagai panduan melaksanakan kajian ini. Kajian ini telah menggunakan teori *SPEAKING framework* oleh Dell Hymes agar memantapkan lagi analisis kajian. Hasil dapatkan kajian mendapati identiti masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu kritikan dalam

kalangan masyarakat Melayu adalah melalui kaedah komunikasi secara halus. Oleh itu, perbezaan kajian lepas adalah penggunaan teori *SPEAKING framework* oleh Dell Hymes sebagai teori utama dalam analisis perbincangan kajian manakala kajian pengkaji menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam analisis perbincangan kajian.

Akhir sekali, Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi pada tahun 2023 telah menjalankan sebuah kajian bertajuk Interpretasi Politik Tempatan dalam Ungkapan “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”: Analisis Pragmatik. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis baris seloka Pak Kaduk “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” dengan arena politik negara Malaysia. Kajian ini telah menggunakan sepenuhnya kaedah kajian kualitatif iaitu menganalisis teks seloka Pak Kaduk yang didapati dalam anatologi “Lukisan Zaman” oleh Shaari (1973). Kajian ini juga telah menggunakan teori Relevans pendekatan Pragmatik oleh Sperber dan Wilson (1986) sebagai teori utama dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati bahawa manifestasi kritikan terhadap baris seloka telah wujud melalui baris seloka seperti “kritikan terhadap golongan atasan menggunakan kuasa atau tipu helah bagi menipu orang bawahan”. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah penggunaan teori Relevans pendekatan Pragmatik bagi mengukuhkan lagi analisis kajian berbanding kajian pengkaji yang menggunakan teori Teksdealisme untuk memantapkan lagi analisis kajian.

2.4 Kajian Sarjana Lain Tentang Teori Pilihan

Kajian yang dilakukan oleh Nurul Sahirah Nazaini & Nur Afifah Vanitha Abdullah pada tahun 2020 bertajuk Keunggulan Hatta Azad Khan dalam Monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Objektif kajian yang dijalankan untuk menganalisis monodrama *Menunggu*

Lampu Hijau dengan pengaplikasian prinsip kehadiran dalam teori Teksdealisme. Data yang diperoleh dalam kajian ini menggunakan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan digunakan bagi mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa unsur prinsip kehadiran yang ditemui di dalam skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau. Oleh itu, perbezaan kajian pengkaji dalam dilihat melalui pengaplikasian prinsip kehadiran melalui monodrama manakala kajian pengkaji mengaplikasikan prinsip individualisme melalui teks cerita rakyat.

Selain itu, Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid pada tahun 2019 telah menulis kajian mengenai teori Teksdealisme bertajuk Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka: Suatu Pengenalan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengurusan identiti bangsa Melayu. Tujuan kajian lain pula adalah untuk melihat kesesuaian teori Teksdealisme dalam menganalisis pengurusan identiti bangsa yang terdapat dalam trilogi novel Hamka. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan. Penggunaan dua teori iaitu teori Teksdealisme sebagai teori utama dan 14 prinsip Pengurusan Henry Fayol sebagai teori sokongan telah digunakan dalam kajian lepas ini. Dapatkan kajian yang diperoleh membuktikan bahawa watak dan perwatakan dalam trilogi novel Hamka telah memainkan peranan yang amat berpengaruh dalam memberi kesan yang besar kepada penceritaan yang ditulis oleh Hamka. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah penggunaan 14 prinsip Pengurusan Henry Fayol sebagai teori sokongan dalam membuat analisis kajian manakala kajian pengkaji tidak mempunyai teori sokongan dalam melaksanakan analisis kajian.

Di samping itu, Sara Beden pada tahun 2019 telah membuat kajian bertajuk Prinsip Kehadiran dalam Novel-novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. Kajian ini

dijalankan bagi mencapai objektif kajian iaitu menganalisis prinsip kehadiran dalam tiga buah novel karya Jong Chian Lai berdasarkan teori Teksdealisme. Metodologi kajian yang dijalankan secara kualitatif dengan melakukan pembacaan novel secara teliti berdasarkan objektif kajian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian memaparkan bahawa Jong Chian Lai selalu membuat inovasi dalam ketiga-tiga novel yang dikaji oleh pengkaji kajian lepas iaitu Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga (1986), Pemberontakan (1994) dan Ensara Marga Timur dari St Anthony (2009) dalam usaha menghadirkan kepelbagaian idea dan sumber yang segar menerusi pengalaman peribadi dan penyelidikan yang dilakukan oleh pengarang. Dapat dilihat bahawa perbezaan dengan kajian lepas ini dari aspek pemilihan prinsip kehadiran di dalam ketiga-tiga novel Jong Chian Lai bagi menganalisis kajian secara menyeluruh berbanding memilih prinsip individualisme yang terkandung di dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

Kajian yang seterusnya bertajuk Naluri Kemasyarakatan Mengangkat Keunggulan Kepengarangan Muhammad Hj Salleh Terhadap Pembangunan Minda Bangsa Melayu yang ditulis oleh Ghazali Din & A. Halim Ali pada tahun 2020. Objektif kajian adalah bertujuan untuk mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh sebagai seorang penyair yang telah mengangkat martabat jati diri Melayu. Kajian ini berbentuk kepustakaan dan kualitatif yang menggunakan Model Proses Kreatif Teksnaluri menggabungkan teori Teksdealisme dan teori Tipa Induk sebagai tumpuan analisis. Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini memperlihatkan bahawa sumbangan Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan minda dan peradaban orang Melayu menerusi puisi-puisi yang telah dikarang oleh dirinya. Justeru itu, kajian lepas ini mempunyai perbezaan iaitu penggunaan Model Proses Kreatif Teksnaluri iaitu menggabungkan teori Teksdealisme dan teori Tipa Induk

di dalam kajian yang dijalankan berbanding kajian pengkaji hanya menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama di dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae pada tahun 2020 telah menulis kajian yang bertajuk Keunggulan Kepengarangan Novel-novel Terpilih Anwar Ridhwan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis keunggulan novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan* yang menjadi kekuatan kepada kepengarangan Anwar Ridhwan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kepengarangan Anwar Ridhwan telah berada dalam landasan dan sejajar dengan keempat-empat prinsip dalam teori Teksdealisme merangkumi prinsip kehadiran, prinsip pelanggaran, prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Dengan itu, kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji dari aspek pemilihan teori Teksdealisme yang memfokuskan empat prinsip sebagai teori yang dikaji di dalam novel-novel terpilih Anwar Ridhwan manakala kajian pengkaji tidak mengambil empat prinsip yang terkandung dalam teori Teksdealisme sebagai fokus kajian yang dilakukan oleh pengkaji kajian.

Kajian yang selanjutnya bertajuk Drama KOMSAS: Satu Kajian Impak, Pemahaman dan Penerimaan Murid SMK Malim Nawar, Perak Menerusi Teks Kumpulan Drama KOMSAS 2018 Menggunakan Teori Teksdealisme yang ditulis oleh Elavarassan Suppiah pada tahun 2019. Tujuan kajian ini dikaji adalah untuk menunjukkan pemahaman dan penerimaan murid menerusi lima teks drama KOMSAS melalui prinsip kehadiran. Tujuan kajian yang kedua adalah untuk menganalisis proses pengekalan dan perubahan tema membuktikan teks drama KOMSAS bersesuaian dan relevan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Tujuan kajian yang lain adalah bagi mengenal pasti kesan drama KOMSAS terhadap pembinaan teks terhadap murid. Kaedah kualitatif

digunakan iaitu mengkaji teks-teks KOMSAS yang terlibat dengan mengaplikasikan teori Teksdealisme. Hasil kajian mendapat bahawa pemilihan teks drama KOMSAS yang bersesuaian dengan aspirasi dan minat murid yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah kajian ini menggunakan sebanyak 110 orang murid sebagai responden bagi memantapkan lagi analisis kajian manakala kajian pengkaji tidak mempunyai sebarang responden dalam membuat analisis kajian.

Ku Nur Asmida Ku Mohd Shahabudin pada tahun 2022 telah melaksanakan kajian mengenai teori Teksdealisme bertajuk Transkripsi Keupayaan Teksdealisme dalam Mengangkat Keunggulan Karya-karya Thriller Ramlee Awang Murshid. Objektif kajian yang dicapai oleh pengkaji kajian lepas adalah mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepenggaran Ramlee Awang Murshid dengan menggunakan teori Teksdealisme. Objektif kajian yang lain adalah untuk menganalisis aspek-aspek keunggulan kepenggarangan Ramlee Awang Murshid berdasarkan novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* dan *Ungu Karmila* melalui teori Teksdealisme. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu kaedah analisis teks-teks novel yang terpilih. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa keunggulan Ramlee Awang Murshid dalam prinsip kehadiran telah berjaya menghadirkan pengalaman melalui kehidupan masyarakat dan pengalaman melalui pengembaraan. Justeru itu, perbezaan kajian pengkaji dengan kajian lepas adalah penggunaan teks-teks novel Ramlee Awang Murshid untuk melihat keunggulan teks yang ada dalam kajian ini berbanding kajian lepas menggunakan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi melihat keunggulan pengarang.

Muhammad Izzuddin Ramli pada tahun 2022 telah menjalankan kajian yang bertajuk Kepenggarangan Shamsuddin Othman dalam Kumpulan Puisi Taman Insaniah Menerusi Aspek Intrinsik dan Pengaruh Retorik dengan Pengaplikasian Teori Teksdealisme. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan mengenal pasti pemikiran

kepengarangan Shamsuddin Othman dalam Kumpulan Puisi Taman Insaniah melalui aspek intrinstik dari aspek tema dan gaya bahasa. Tujuan kajian yang lain adalah untuk menganalisis unsur retorik yang terdapat di dalam setiap makna penulisan puisi tersebut. Kajian ini juga menggunakan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah bersifat kualitatif iaitu melalui kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan, kaedah pengumpulan data dan sumber internet. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa dapat membantu pengkaji-pengkaji baru bagi mengkaji berkaitan kepengarangan puisi. Perbezaan kajian lepas dapat dilihat menerusi penggunaan teks di dalam Kumpulan Puisi Taman Insaniah sebagai pengukuh analisis kajian ini manakala kajian pengkaji menggunakan teks yang terkandung dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi memantapkan lagi analisis kajian.

Kajian selanjutnya bertajuk Tahap Kebolehan Pelajar Mendefinisikan Patriotisme Melalui Pengajaran Novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* yang dikaji oleh Saripah Dora Ismail & Azhar Wahid pada tahun 2020. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi menilai penjelasan pelajar tentang patriotisme menerusi pembacaan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Tujuan kajian yang lain adalah menjelaskan definisi patriotisme berdasarkan kajian terhadap kebolehan pelajar mendefinisikan patriotisme menerusi pengajaran novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*. Kajian ini telah dilakukan melalui kaedah kajian kualitatif yang memberi fokus kepada Model Penilaian Formatif Tessmer yang melibatkan empat peringkat utama. Hasil kajian memperlihatkan pelajar boleh mendefinisikan patriotisme dengan lebih tepat setelah mempelajari novel tersebut. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah kajian ini telah melibatkan 35 responden daripada pelajar tingkatan empat bagi memantapkan lagi analisis kajian ini berbanding kajian pengkaji yang tidak melibatkan sebarang responden untuk mengukuhkan lagi analisis kajian.

Akhir sekali, Ruziwati Abu Samah pada tahun 2019 telah menulis kajian bertajuk Gaya Keibubapaan dalam Novel KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme. Tujuan kajian ini dikaji adalah untuk meneliti gaya keibubapaan dalam novel KOMSAS sebagai satu saluran mendidik yang berkesan serta dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah remaja. Kajian ini juga telah mengaplikasi teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam membuat analisis kajian. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan pembacaan rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Dapatkan kajian mendapati bahawa gaya asuhan yang bersifat penolakan daripada ibu bapa mereka akan menyebabkan remaja terabai dan terjebak dengan delinkuensi. Oleh itu, perbezaan kajian lepas dapat dilihat melalui penggunaan teori Teksdealisme di dalam novel KOMSAS Sukar Membawa Tuah dan Merenang Gelora sebagai teori utama dalam mengukuhkan lagi analisis kajian ini manakala kajian pengkaji menggunakan teori Teksdealisme di dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai teori utama dalam memantapkan lagi analisis kajian.

2.5 Kajian Bidang Lain Yang Berkaitan

Hazrul Mazran Rusli & Abdul Aziz Zali @ Zalay pada tahun 2020 telah menulis kajian yang bertajuk Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (*Cerita Si Luncai*) dalam Karya Seni Cetakan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sama ada pelukis boleh mentafsir, mengupas dan membaca sesebuah hasil kesusasteraan dan menterjemahkan dalam bentuk imej visual. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian adalah pendekatan ekplorasi visual yang diperkenalkan oleh O'grady J&K (2009). Kajian ini juga menggunakan pendekatan Adaptasi longgar yang digagaskan oleh Desmond & Hawkes (2006) berdasarkan teori Adaptasi. Hasil kajian ini telah memperlihatkan bahan

kesusasteraan rakyat Melayu mampu diterjemah semula secara visual dan amat berpotensi untuk dijadikan sebagai subjek atau tema didalam penghasilan karya seni visual. Justeru itu, perbezaan kajian lepas dapat dilihat menerusi pemilihan kaedah kajian iaitu pendekatan ekplorasi visual manakala kajian pengkaji hanya menggunakan kaedah kepustakaan, sumber internet dan analisis teks sebagai kaedah kajian.

Kajian yang selanjutnya bertajuk Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa pada tahun 2019. Objektif kajian ini adalah untuk menyelidik judul cerita rakyat yang diterbitkan melalui media digital dan menganalisis format yang digunakan oleh para penerbit tempatan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis judul buku seperti portal eSentral dan Google Play. Dapatan kajian yang didapati dalam kajian ini adalah ekosistem cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang dengan perkembangan teknologi. Dapat dilihat bahawa perbezaan kajian lepas ini dari aspek kaedah analisis judul buku di platform digital sebagai fokus utama bagi menganalisis kajian secara menyeluruh manakala kajian pengkaji menggunakan analisis teks atau buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai fokus utama untuk menganalisis kajian secara menyeluruh.

Kajian bertajuk Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang Mempertalikan Politik Tempatan: Analisis Pragmatik oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet pada tahun 2021. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis struktur politik tempatan menerusi naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan analisis teks sebagai pengukuhan data kajian. Hasil dapatan kajian mendapati kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang memiliki elemen dalam memperkuuhkan pentadbiran sesebuah negeri mahupun masyarakat setempat. Perbezaan kajian lepas dapat dilihat melalui penggunaan

teori Pragmatik sebagai deduktif kajian yang kukuh manakala kajian pengkaji dapat dilihat melalui penggunaan teori Teksdealisme sebagai teori utama dalam kajian.

Pada tahun 2021, sebuah kajian yang bertajuk Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya oleh Muhammad Irfan Waqiuuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan & Muhd Norizam Jamian. Objektif kajian yang dikaji adalah menganalisis latar budaya dalam cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah di Malaysia dan Indonesia. Objektif kajian lain yang turut dikaji adalah membuat perbandingan latar budaya yang terkandung dalam kedua-dua versi cerita rakyat tersebut. Kajian ini dijalankan melalui kajian kepustakaan yang berteraskan kaedah kualitatif. Dapatan kajian dapat memperlihatkan bahawa cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah turut mencerminkan latar budaya sesebuah masyarakat biarpun negara berbeza. Secara rumusnya, perbezaan kajian lepas adalah menggunakan konsep kebudayaan yang diasaskan oleh Koenjaraningrat (2000) sebagai pengkuhan kepada kajian yang dibuat oleh pengkaji kajian lepas manakala kajian pengkaji menggunakan teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana bagi memantapkan lagi kajian yang dibuat oleh pengkaji kajian.

Selain itu, Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin pada tahun 2021 telah menulis sebuah kajian mengenai persembahan teater yang bertajuk Dokumentasi Tradisi Lisan dalam Cerita Rakyat di Sarawak untuk Persembahan Teater. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpeluang cerah dijadikan sebuah karya teater dan menghasilkan dokumentasi kajian. Kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan iaitu kualitatif dan menemu bual penduduk berbangsa Melayu Sarawak iaitu kuantitatif. Hasil dapatan kajian mendapati cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji lepas memiliki nilai teaterikal yang bertepatan bagi diangkat dan mempunyai banyak elemen mengenai sinografi

melalui pementasan ini. Perbezaan kajian lepas adalah penggunaan kaedah kuantitatif dalam mengukuhkan lagi analisis perbincangan kajian manakala kajian pengkaji hanya menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisis kajian.

Muhammad Zakin Haziq Mohamad Zamberi pada tahun 2022 menulis sebuah tesis yang bertajuk Pendigitalan Sastera: Suatu Proses Pemeliharaan Sastera Rakyat. Objektif kajian yang dicapai di dalam kajian ini adalah mengenal pasti cerita rakyat yang telah melalui proses pendigitalan. Objektif lain yang dikaji dalam kajian ini adalah menghuraikan proses pendigitalan cerita rakyat terpilih dan menjelaskan kepentingan pendigitalan sastera rakyat kepada masyarakat. Metodologi kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah gabungan iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif agar mencapai ketiga-tiga objektif yang dikaji oleh pengkaji kajian lepas. Dapatkan kajian mendapati bahawa pengiat-pengiat filem harus memberi perhatian kepada cerita rakyat supaya tidak dilupakan oleh masyarakat. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah penggunaan kaedah gabungan di dalam kajian bagi mencapai objektif kajian yang dikaji oleh pengkaji kajian lepas berbanding kajian pengkaji yang hanya menggunakan kaedah kualitatif dalam usaha mencapai objektif kajian.

Kajian yang seterusnya bertajuk Kajian Adaptasi Hikayat ke Filem: Analisis Berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dikaji oleh Mizan Qistina Wan Ibrahim pada tahun 2021. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor proses pendaptasian Hikayat Merong Mahawangsa ke filem. Objektif lain yang dikaji adalah membincangkan perkaitan teori Adaptasi yang digunakan dalam filem tersebut dan mengenal pasti kepentingan proses Adaptasi Hikayat Merong Mahawangsa ke filem. Kajian ini telah menggunakan kaedah kajian kualitatif sebagai kaedah yang ingin dikaji di dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa Adaptasi filem ini dapat memberikan pendedahan baru kepada masyarakat. Oleh itu, perbezaan kajian lepas dapat dilihat

menerusi penggunaan teori Adaptasi oleh Linda Hucheon untuk mengukuhkan lagi kajian yang dikaji oleh pengkaji lepas manakala perbezaan kajian pengkaji dapat dilihat menerusi penggunaan teori Teksdealisme oleh Mana Sikana bagi memantapkan lagi kajian yang dikaji oleh pengkaji kajian.

Shafwan Hadi Umry, Siti Zubaidah & Tri Wahyuni pada tahun 2019 melakukan sebuah kajian yang bertajuk Penelitian Folklor Bercorak Cerita Jenaka dalam Pengembangan Sastra Siber. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk membina dan mengembangkan sastera rakyat yang bercorak cerita jenaka dalam media siber. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif bagi memantapkan lagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji kajian lepas. Dapatan kajian mendapati bahawa asperasi sastera Indonesia dalam dunia literasi menggunakan media siber dapat dipupuk dan berkembang di kalangan masyarakat Indonesia. Penggunaan kaedah kajian kuantitatif adalah perbezaan kajian lepas yang dapat dilihat di dalam kajian ini manakala penggunaan kaedah kajian kualitatif adalah perbezaan kajian pengkaji yang dapat dilihat di dalam kajian pengkaji.

Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa pada tahun 2021 telah menulis kajian mengenai cerita rakyat yang bertajuk Fungsi Makanan dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. Kajian ini dikaji oleh pengkaji lepas untuk melihat jenis makanan yang tercatat dalam cerita rakyat yang terpilih iaitu Musang Berjanggut. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan analisis teks bagi mengenal pasti jenis makanan yang terdapat dalam cerita rakyat terpilih. Hasil kajian dapat dilihat menerusi fungsi makanan dimanfaatkan dalam menjelaskan kedudukan sosial masyarakat, status ekonomi dan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat Melayu. Perbezaan kajian lepas adalah menggunakan cerita

rakyat sebagai fungsi makanan manakala kajian pengkaji adalah menggunakan cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

Akhir sekali, Dilah Tuah pada tahun 2022 telah melakukan kajian bertajuk Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan data terkini potensi cerita rakyat daripada perspektif kearifan tempatan terhadap industri pelancongan budaya di Sarawak. Kajian ini juga telah menggunakan kaedah kajian kualitatif berdasarkan analisis teks bagi memantapkan lagi analisis kajian ini. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa nilai kearifan tempatan yang didapat di dalam cerita-cerita rakyat Sarawak sememangnya memiliki nilai komersial yang tinggi malah boleh dipasarkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Justeru itu, perbezaan kajian lepas adalah memberi fokus kepada cerita rakyat Sarawak sahaja manakala kajian pengkaji adalah tidak memberi fokus kepada cerita rakyat sesebuah negeri sahaja tetapi merangkumi semua negeri.

2.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pengkaji telah menghuraikan secara terperinci dan jelas dalam bab dua mengenai kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji lain. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa masih kurang kajian berkaitan cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme dan kebanyakannya hanyalah berfokuskan terhadap teori Pengkaedad Melayu mahupun teori Takmilah. Hal ini kerana pengkaji berpendapat bahawa mungkin para pengkaji terdahulu hanya ingin mengaitkan cerita rakyat dengan sentimen-sentimen Islam yang dapat membentuk kepada akhlak seseorang individu daripada memfokuskan kepada teks dan plot penceritaan tersebut. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak

menafikan bahawa sememangnya plot penceritaan ini boleh dikaji mengikut kesesuaian cita rasa pengkaji sama ada ingin memfokuskan kepada pengajaran, sindiran, nasihat atau teladan, mahupun nilai-nilai kemanusiaan, Islam dan sebagainya bergantung kepada kepakaran seseorang pengkaji. Sejajar dengan itu, dapat dilihat kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini mempunyai sedikit perbezaan iaitu pengkaji menganalisis cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme berbeza dengan kajian-kajian lepas lain di mana kebanyakan mereka memfokuskan kepada cerita rakyat akan mempengaruhi akhlak atau tingkah laku seseorang dengan penerapan nilai-nilai Islam atau kemanusiaan di samping dikaitkan dengan teori mengikut kesesuaian. Ini jelaslah bahawa kajian lepas ini penting untuk pengkaji mencari lompangan dalam sesuatu kajian yang sebelum ini dilaksanakan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini adalah berkenaan dengan metodologi kajian yang digunakan bagi mengumpul maklumat dan infomasi tentang tajuk kajian Kisah Terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* Sebagai Medium Pendidikan: Satu Pengaplikasian Teori Teksdealisme yang akan dibincangkan secara lebih terperinci dan mendalam. Menurut Ang Kean Hua (2016) mengatakan bahawa metodologi kajian adalah kaedah yang diguna pakai bagi mengumpul dan mengutip data melalui tatacara efektif bagi menjawab permasalahan kajian. Metodologi kajian adalah salah satu konsep yang penting dalam memastikan pencapaian kajian tersebut kerana pengumpulan data-data ini memerlukan kaedah yang benar dan tepat berdasarkan fakta-fakta yang dikumpul sepanjang penyelidikan berlangsung dalam sesuatu kajian.

Secara umumnya, bab ini akan membincangkan tentang bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini. Bab ini bertujuan bagi menjelaskan lagi bagaimana hasil kajian ini dilaksanakan serta maklumat-maklumat yang diperoleh seperti data dan sumber kajian yang lebih tepat. Pengkaji akan mengemukakan beberapa bahagian yang memainkan peranan yang penting dalam melengkapkan bab ini. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam bab ini telah dibahagikan kepada empat bahagian utama yang terdiri daripada reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori pilihan dan kerangka teoritikal.


3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian dijalankan bertujuan bagi mendapatkan ketepatan data dan maklumat yang dijalankan oleh pengkaji supaya data dan maklumat didapati adalah benar dan tepat. Menurut Cohen et al. (2018) yang dinyatakan oleh Sukor Beram et al. (2020) mengatakan bahawa reka bentuk kajian adalah perancangan dan strategi utama dalam menjawab persoalan kajian yang dikemukakan menerusi prosedur pengumpulan dan analisis data. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan maklumat yang tepat dalam memudahkan proses kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan kualitatif ini dikatakan lebih sesuai digunakan dalam kajian pengkaji kerana ianya tertumpu kepada penelitian terhadap maklumat daripada sumber-sumber yang sahih. Justeru itu, reka bentuk kajian ini dijalankan bagi menggambarkan secara ringkas proses kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

3.3 Kaedah Kajian

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif bagi menghasilkan maklumat yang benar dan tepat. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini adalah kajian mengenai *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah bertujuan untuk mengumpul dan memperolehi maklumat dan data berkaitan dan bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu Analisis Kisah Terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* Sebagai Medium Pendidikan: Satu Pengaplikasian Teori Teksdealisme supaya dapat menghasilkan satu kajian yang berilmiah. Kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan sumber Internet juga diguna pakai bagi memperkuatkan lagi kajian yang

dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, kaedah kualitatif akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan oleh pengkaji.



Rajah 3.0: Kaedah Kajian Berdasarkan Pendekatan Kualitatif menerusi *366 Cerita Rakyat Terkenal*

3.3.1 Sumber Internet

Pengkaji telah menggunakan kaedah Internet bagi mencari bahan sumber kajian dengan mendalam dan meluas. Sumber Internet ini dapat memberi kemudahan untuk menyelusuri dan menganalisis pelbagai laman sesawang kepada pengkaji. Bahan-bahan yang didapati melalui laman sesawang seperti tesis, artikel, jurnal dan sebagainya. Pengkaji juga menggunakan platform laman sesawang *Myto*, *Google Scholar*, *Researchgate*, UMK Repository dan sebagainya untuk mencari sumber-sumber kajian lepas yang dijalankan oleh para pengkaji lepas di negara ini. Sehubungan itu, penggunaan sumber Internet ini dapat mempercepatkan dan memudahkan lagi proses pencarian maklumat bagi melaksanakan kajian yang mencapai objektif kajian ini.


3.3.2 Kaedah Kepustakaan

Bahagian ini memperlihatkan pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk memfokuskan kepada segala maklumat dan informasi mengenai bahan-bahan berkaitan kajian di perpustakaan. Pengkaji juga menggunakan sumber lain bagi menghasilkan kajian yang mantap dengan rujukan daripada teks, artikel akhbar, tesis, jurnal, laman sesawang serta dapatan daripada teks bertulis yang lain. Pengkaji juga mengaplikasikan penggunaan daripada sumber perpustakaan bagi memperoleh sumber-sumber tambahan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian. Pengkaji juga berkunjung ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok bagi mendapatkan buku ilmiah yang berpotensi memudahkan pengkaji untuk mengetahui info berkaitan kajian. Oleh itu, sumber-sumber yang diperoleh tersebut dapat membantu pengkaji bagi mengumpulkan data-data untuk melengkapkan kajian ini.

3.3.3 Kaedah Analisis Tekstual

Menurut Joubish et al. (2011) yang dinyatakan oleh Nik Murshidah Nik Din et al. (2018) mengatakan bahawa analisis tekstual adalah metodologi yang penting. Hal ini kerana teks yang dikaji berpandukan makna yang terkandung dalam teks, ketepatan teks dan pengkaryaannya. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tekstual yang dikaji dengan pembacaan yang teliti terhadap buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Buku ini telah diterbitkan oleh Edukid Publication Sdn. Bhd. yang mengandungi 220 halaman yang bercetak Berdasarkan kajian ini, penentuan teks yang dipilih oleh pengkaji memainkan peranan yang penting dalam mencapai objektif kajian. Pemilihan buku ini adalah disebabkan oleh struktur buku ini yang menarik di mana terdapat pembahagian

bulan dan hari di bahagian senarai kandungan bagi setiap cerita rakyat yang ditulis untuk memudahkan pembaca bagi membaca sekurang-kurangnya sehari satu cerita. Justeru itu, teks yang terkandung dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* bersesuaian digunakan oleh pengkaji kerana cerita-cerita rakyat menerusi buku tersebut boleh menjadi medium pendidikan.



Rajah 3.1: Kaedah Analisis Tekstual

3.4 Teori Pilihan

Kajian ini menggunakan teori Teksdealisme untuk menganalisis pengaplikasian teori ini dalam mengangkat keunggulan cerita rakyat sebagai medium pendidikan menerusi teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Menurut Mana Sikana (2006) yang dipetik oleh Nur Muhammad Shahir (2019) menyatakan bahawa teksdealisme ialah rangkuman daripada kosa kata iaitu “teks” dan “idealisme” yang memberi makna teks atau karya yang unggul. Falsafah teori teksdealisme menganjurkan supaya setiap pengarang memiliki hasrat bagi

meletakkan teksnya agar mencapai tahap sesebuah keunggulan. Hal ini kerana sifat-sifat keunggulan ini disebut sebagai idealism dan sifat-sifat ini perlu ada dalam sesebuah teks karya kreatif. Teks yang unggul memberi makna teks yang memiliki mutu dan nilai yang tinggi. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa teori Teksdealisme ini dapat membantu dalam memantapkan lagi kajian ini kerana teori ini bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

3.4.1 Sejarah Ringkas Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme telah diasaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenarnya Abdul Rahman Napiah. Beliau merupakan mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Menurut Mana Sikana (2001) yang dipetik oleh Hajijah Jais (2004) mengatakan bahawa perencanaan awal teori atau gagasan ini sudah bermula sejak 1980-an lagi tetapi penulisan mengenai teori bermula dari tahun 1993 sehingga tahun 1995. Mana Sikana telah berbicara tentang beberapa gagasan akan pentingnya teori sastera yang bersifat mandiri mengenai teori dan pendekatan kritikan, lebih-lebih lagi yang berhubung dengan dunia pascamoden. Mana Sikana sudah mengumpul segala tulisan dan kerja kertas mengenai teori Teksdealisme dalam sebuah buku yang bertajuk *Teori Sastera Teksdealisme* yang diterbitkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada tahun 1996.

3.4.2 Prinsip-prinsip Teori Teksdealisme

Teori Teksdealisme menyediakan empat prinsip sebagai garis panduan bagi mencapai tahap keunggulan sesuatu teks akan tetapi pengkaji menggunakan prinsip pengukuhan

dan individualism dalam kajian ini. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Teksdealisme ini dijadikan sebagai panduan bagi menganalisis sesebuah karya untuk menentukan tahap keunggulan penghasilan karya dan pengarangnya.

3.4.2.1 Prinsip Individualisme

Prinsip individualisme atau keperibadian adalah prinsip yang terakhir dalam teori Teksdealisme. Mana Sikana (1998) berpandangan bahawa falsafah teori Teksdealisme dalam prinsip keperibadian ini menegaskan setiap pengarang haruslah berusaha bagi menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian masing-masing. Hal ini kerana setiap pengarang sudah semestinya tidak mahu dibayangi oleh pengarang lain dalam setiap penulisan mereka biarpun ada sedikit unsur pengaruh kepenggarangan sebagai sumber rujukan. Berdasarkan konteks mencari keperibadian atau individualisme, pengarang perlu cuba mencipta identiti atau keperibadian mereka sendiri agar boleh keluar daripada kepompong pengaruh pengarang lain semasa menghasilkan karya. Pengarang boleh menghasilkan sebuah karya yang menekankan aspek seperti tema, gaya bahasa, teknik penulisan dan sebagainya bagi mencipta keperibadian diri dalam teks yang dihasilkan oleh pengarang.

3.4.3 Kaedah Pengaplikasian Teori


Kaedah pengaplikasian teori ini berperanan bagi menjadikan kajian berada di landasan yang tepat dan benar. Kaedah pengaplikasian ini amat penting agar kajian yang dijalankan oleh pengkaji mempunyai asas dalam mengaitkan teori semasa menganalisis kajian. Pendekatan yang dikemukakan dan digunakan dalam setiap kajian yang dilakukan perlu mempunyai tujuan yang tersendiri serta matlamat yang ingin dicapai dalam kajian

tersebut. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengaplikasian teori menggunakan pendekatan analisis kandungan. Analisis kandungan adalah alat kajian yang digunakan untuk menentukan kehadiran sesuatu perkataan dalam teks atau kumpulan teks, tema atau konsep yang membenarkan pengkaji mengukur dan menganalisis kehadiran makna, hubungan perkataan, tema atau konsep tertentu. Sebagai contoh, pengkaji menilai bahasa yang digunakan dalam sesuatu penulisan dalam cerita rakyat untuk mencari sama ada penulis mempunyai makna yang tersirat atau sebaliknya.

Pengkaji kemudian membuat kesimpulan mengenai makna mesej dalam teks tersebut. Teks boleh didefinisikan secara meluas merangkumi buku, bab buku, karangan, temu ramah, perbincangan, tajuk utama akhbar dan artikel, dokumen-dokumen, ucapan, perbualan, iklan, percakapan tidak rasmi dan apa-apa bentuk komunikasi bukan lisan. Sehubungan itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan melihat dan menganalisis teks dalam buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai medium pendidikan. Oleh itu, kegunaan analisis kandungan ini sememangnya penting dalam sesuatu kajian untuk mengesan wujudnya propaganda, kenal pasti niat, fokus atau trend komunikasi seseorang, kumpulan atau institusi, menghuraikan tindak balas sikap atau tingkah laku seseorang dan menentukan keadaan psikologi atau emosi seseorang.

3.5 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dapat memberi gambaran secara keseluruhan dan kaedah untuk mencapai objektif kajian yang telah dirancang oleh pengkaji.



Rajah 3.2: Kerangka Kajian Gambaran Keseluruhan dan Kaedah untuk Mencapai Objektif dalam Kajian

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab tiga merangkumi pengenalan, reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori pilihan dan kerangka teoritikal. Ringkasnya, perbincangan ini adalah meliputi metodologi kajian di mana pengkaji telah mencari dan mengumpul beberapa maklumat berdasarkan fakta yang benar dan tepat serta data-data dalam bentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah analisis tekstual serta sumber Internet. Hal ini untuk memastikan bahawa kesemua maklumat, data dan sumber yang dikumpulkan adalah tepat dan fakta supaya dapat mengukuhkan lagi hasil kajian ini. Sekiranya tiada perancangan dalam kaedah kajian yang sesuai, ia akan mengakibatkan kesukaran kepada pengkaji untuk mendapatkan data yang tepat.

Tambahan pula, dengan adanya pelbagai kaedah kajian seperti sumber primer dan sekunder, ia membantu memudahkan pengkaji dalam memperolehi maklumat yang diperlukan bagi memahami secara lebih mendalam tentang sesuatu penyelidikan. Di samping itu, teori pilihan iaitu teori teksdealisme yang dipilih oleh pengkaji juga adalah bagi memastikan kejituhan instrumen kajian dapat diperkuuhkan daripada terdedah kepada kecacatan dengan menggunakan pendekatan prinsip pengukuhan dan prinsip individualisme. Akhir sekali, pengkaji telah berusaha bagi menjalankan kajian dalam bab ini dengan mengikut metodologi yang telah digariskan dengan sebaik mungkin bagi memastikan hasil kajian dalam kajian ini mencapai objektif utama.


BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Secara umumnya, bab ini pengkaji akan menganalisis kajian dengan lebih terperinci menerusi kaedah kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Analisis kajian ini merupakan bahagian yang penting bagi menjalankan sebuah kajian yang berkualiti di samping objektif kajian juga dapat dicapai dalam kajian ini. Pengkaji akan menerangkan dan menghuraikan mengenai nilai pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Pengkaji juga menganalisis teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana. Bagi menjelaskan lagi kajian bab empat ini, perbincangan berkenaan dengan analisis objektif pertama, analisis objektif kedua, dapatan objektif pertama, dapatan objektif kedua dan kesimpulan untuk bab empat ini akan dianalisis dengan lebih lanjut.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 4.0: Infografik Mengenai Kerangka Kajian Bab 4

4.2 Nilai Pendidikan

Umum mengetahui, pendidikan merupakan asas utama dalam pembinaan sesebuah tamadun (Noor Aziera Mohamad Rohana et al., 2017). Namun begitu, sebagai tonggak negara bangsa, mentransformasikan sistem pendidikan agak mencabar berikutan kemunculan perisian kecerdasan buatan (AI), di samping sistem pendidikan kita haruslah menjadi lebih progresif, holistik, mampan dan produktif selaras dengan standard pendidikan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengenal pasti aspek pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* dalam bahagian ini. Pengkaji akan memberi fokus kepada nilai pendidikan dengan menggunakan aspek-aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dalam menganalisis nilai pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Oleh itu, pengkaji telah memilih sebanyak 50 cerita rakyat yang terkandung

dalam teks ini bagi mencapai objektif kajian. Malahan, penerapan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dapat dilihat melalui cerita-cerita rakyat yang dikenal pasti oleh pengkaji.



Rajah 4.1: Nilai Pendidikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menggunakan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI)

4.2.1 Jasmani

Nilai pendidikan melalui aspek jasmani merupakan salah satu aspek penting dalam FPK. Menurut Saharia Ismail (2015) menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran tidak akan berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya kesihatan tubuh badan kurang memuaskan. Secara amnya, pendidikan jasmani merupakan suatu proses yang bertujuan meningkatkan prestasi manusia melalui aktiviti fizikal yang berkait rapat dengan pemilikan dan penghalusan kemahiran-kemahiran motor; pembangunan dan pemeliharaan kecergasan untuk kesihatan yang optimum dan keadaan baik agar dapat

memperoleh pengetahuan dan melahirkan sikap-sikap positif terhadap aktiviti fizikal. Dengan kata lain, aspek jasmani lebih menekankan kepada kesihatan tubuh badan individu supaya individu tersebut menyedari tentang kepentingan kesihatan fizikal yang sihat. Perkara ini turut disokong oleh Setiyawan (2017) berpandangan bahawa pembelajaran pergerakan atau aktiviti jasmani sebenarnya sangat penting untuk kualiti hidup manusia.

Jika dahulu, orang kerap mentafsirkan perkaitan antara aspek jasmani dengan kesihatan tubuh badan. Namun kini, pengkaji membuat tafsiran bahawa aspek jasmani bukan sahaja dikaitkan dengan fizikal tubuh badan tetapi juga kesihatan mental berikutan kini, manusia berada di zaman peredaran masa dan pembangunan yang pesat yang mana tahap tekanan mereka dalam melakukan kerja-kerja harian semakin meningkat. Tidak dinafikan bahawa teknologi turut menyumbang kepada peningkatan kes kemerosotan kesihatan mental. Masalah ini dianggap serius pada era globalisasi ini kerana kesihatan fizikal sama penting dengan kesihatan mental berikutan ia membabitkan aspek kesejahteraan tingkah laku, emosi dan spiritual seseorang (Muhamad Razis Ismail, 2022). Oleh itu, pengkaji telah memilih cerita-cerita rakyat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* seperti Badang, Kampung Rembau, Pokok Berdarah, Usaha Tangga Kejayaan, Saudagar dan Abdul, Nasib Raja Donan, Pemuda Iban, Awang Parang Besar, Leman, Si Penambang, Bawi dan Kepala Ikan dan Hingan Pemuda Yang Berkusa yang mempunyai perkaitan dengan aspek jasmani.

Dapat dilihat aspek jasmani yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Badang. Hal ini jelas diperlihatkan dalam petikan 1 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Badang ragu-ragu namun lembaga itu menyatakan bahawa dia berkata benar. Akhirnya Badang bersetuju untuk memakan muntah lembaga itu. Selepas itu, <u>Badang betul-betul menjadi gagah. Dia pergi ke sebuah hutan dan mencabut pokok-pokok besar di situ.</u> Sekejap sahaja hutan itu menjadi terang. Berita tentang kegagahan Badang tersebar luas sehingga sampai ke pengetahuan raja. Raja pun melantik Badang menjadi hulubalangnya....

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 7)

Berdasarkan petikan 1, watak Badang tidak yakin dengan kata-kata lembaga tersebut akan tetapi Badang tetap gagahkan dirinya untuk memakan muntah lembaga tersebut. Setelah Badang menjadi gagah, dia mempunyai keupayaan untuk mencabut pokok-pokok yang besar di hutan. Perkhabaran mengenai kecerdasan fizikal dan kegagahan Badang diketahui oleh raja lalu Badang telah dilantik menjadi hulubalang raja. Petikan ini juga menerangkan mengenai aspek jasmani Badang yang sihat tubuh badan serta mental yang sihat setelah memakan muntah lembaga tersebut. Hal ini sangat bertepatan dengan aspek jasmani yang terdapat dalam FPK bahawa kecerdasan fizikal dan kesihatan diri yang sihat dapat memberikan sesuatu faedah atau kesan kepada diri kita sendiri. Sebagai contoh, Badang menjadi hulubalang setelah dirinya menjadi gagah perkasa. Bagi perkaitan dengan aspek pembelajaran, seseorang pelajar yang cemerlang perlu mempunyai jasmani yang sihat agar dapat memanfaatkan kelebihan tubuh badannya walaupun ia tidaklah segagah perkasa seperti Badang. Hal ini kerana dengan adanya aspek jasmani yang sihat, seseorang pelajar dapat menyelamatkan dirinya daripada apa-apa musibah seperti dibuli, dirompak dan diragut. Dapat dilihat data daripada Kementerian Pendidikan (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah semakin meningkat iaitu sebanyak 4,994 kes direkodkan berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak 3,887 kes (Latifah Arifin, 2023). Bagi mengelakkan perkara ini terjadi, mereka boleh

memasuki seni pertahanan diri seperti pencak silat, taekwondo, karate dan lain-lain lagi supaya dapat memiliki tubuh badan yang sihat di samping dapat memberi manfaat kepada diri sendiri.

Selain itu, Kampung Rembau turut memperlihatkan aspek jasmani dalam petikan 2 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Ketika sedang berehat, mereka terpandang sebatang pokok kayu merbau yang tinggi dan kuat. <u>Batin mencadangkan agar mereka menebang pokok itu dan dijadikan sebagai negeri di situ. Mereka pun mula berganding bahu menebang pokok merbau itu.</u> Namun pokok itu tetap kukuh di situ. Akhirnya mereka memohon pertolongan Yang Maha Kuasa. Dengan kehendak-Nya, pokok itu tumbang juga. Kemudian, kawasan yang dirata itu dibina negeri. Mereka menamakan negeri itu Kampung Merbau Tua. Lama-kelamaan, nama kampung itu bertukar menjadi Kampung Rembau...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 19)

Berdasarkan petikan 2 di atas, cerita rakyat menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek jasmani yang dimiliki oleh Batin dan pengikut-pengikutnya iaitu sekumpulan pemuda. Watak Batin sebagai ketua kepada sekumpulan pemuda ini mencadangkan bahawa pokok kayu merbau yang dipandang olehnya boleh dijadikan sebagai sebuah negeri. Batin mengajak semua orang untuk menebang pokok tersebut bersama-sama berikutan pokok tersebut terlalu kukuh dan kuat. Walau bagaimanapun, mereka tetap tidak berputus asa. Hal ini bersesuaian dengan aspek jasmani yang ditunjukkan dalam cerita rakyat Kampung Rembau di mana Batin dan sekumpulan pemuda mempunyai tubuh badan yang sihat serta kesihatan mental yang stabil sehingga boleh menjatuhkan pokok tersebut biarpun tidak berjaya pada awalnya. Bagi pelajar yang

masih belajar pada zaman sekarang, cerita rakyat ini boleh dijadikan nilai pendidikan melalui aspek jasmani di mana seorang pelajar bukan sahaja harus memiliki tubuh badan yang sihat tetapi juga kekuatan mental yang kuat agar boleh melakukan sesuatu perkara tanpa berputus asa dengan mudah walaupun telah mencuba berkali-kali. Hal ini kerana pengkaji membuat tafsiran bahawa usaha tidak akan mengkhianati hasil meskipun ia mengambil masa yang lama untuk mencapai sesuatu yang mereka ingini. Ini dapat dilihat dari situasi ketika pasca pandemik di mana pelajar-pelajar dari kawasan pedalaman susah mengakses rangkaian Internet sehingga ada beberapa video viral menunjukkan kegigihan pelajar mencari di tempat yang tinggi seperti di atas pokok. Sehinggakan video tersebut mendapat perhatian daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan menggesa pihak Telekomunikasi Malaysia untuk mempercepat pemasangan rangkaian Unifi di kawasan luar bandar. Justeru itu, seorang pelajar perlulah mempunyai tubuh badan yang sihat serta kesihatan mental yang kuat supaya diri mereka sentiasa bersedia menghadapi pelbagai cabaran.

Seterusnya, aspek jasmani juga dapat dilihat berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Usaha Tangga Kejayaan seperti petikan 3 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Lelaki kaya berkata, “Saya tidak berdendam dengannya tetapi ia mesti menggantikan semua harta saya yang telah diambil.” <u>Sejak itu, lelaki muda bekerja bersungguh-sungguh dan menggantikan semua harta lelaki kaya.</u> Apabila selesai, lelaki kaya berkata, “Saya kagum dengan kerajinanmu. Simpanlah separuh harta saya ini. Saya sedekahkan kepada kamu.” Lelaki muda sangat gembira dan berjanji untuk berusaha lebih gigih...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 35)

Petikan 3 menerangkan mengenai seorang lelaki yang terus berusaha untuk menggantikan kesemua harta yang diambil olehnya kepada lelaki kaya tersebut. Setelah berjaya menggantikan kesemua harta tersebut, lelaki kaya menyuruh dia menyimpan separuh hartanya kepada lelaki muda tersebut. Petikan ini bertepatan dengan nilai pendidikan menerusi aspek jasmani kerana tanpa kecergasan fizikal dan kesihatan diri yang sihat sudah pasti seseorang itu tidak boleh membuat sesuatu perkara sehingga selesai. Watak lelaki muda tersebut jelas menunjukkan bahawa sekiranya kita memiliki jasmani yang sihat secara tidak langsung kita akan bekerja dengan bersungguh-sungguh tanpa sebarang alasan dan membuatkan kita lebih mahu mencapai sesuatu dengan lebih gigih. Pengkaji mengambil contoh lain berdasarkan cerita benar kisah seorang pelajar cemerlang di Malaysia. Beliau adalah Nik Nur Madihah, seorang pelajar cemerlang SPM 2008 yang pernah menggemparkan Malaysia selain daripada Dr Amalina Bakri pada tahun 2004. Kedua-dua berasal dari negeri Kelantan, namun berbeza dengan Dr Amalina Bakri yang mana seorang anak Jurutera (ayahnya) dan Pengetua sekolah (emaknya), Nik Nur Madihah ini hanyalah merupakan seorang anak nelayan yang hidup dalam keadaan serba kekurangan. Berkat kegigihannya yang ingin mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kemiskinan bukanlah menjadi penghalang buatnya namun lebih kepada penguat untuk mengubah kehidupannya ke arah lebih baik. Justeru itu, beliau membuktikan bahawa beliau mempunyai kesihatan fizikal yang sihat di samping kesihatan mental yang kuat kerana mampu mencabar dirinya dengan meraih keputusan yang cemerlang iaitu 20A.

Aspek jasmani turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Saudagar dan Abdul berdasarkan petikan 4 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Abdul mengikut saudagar pulang ke bandar. Di bandar, saudagar mengajar Abdul berdagang. Saudagar kemudiannya memberi modal dan menyuruh Abdul berdagang. Namun Abdul lebih suka berpoya-poya daripada berdagang. Akibatnya, saudagar kerugian. Ia menghalau Abdul dari rumahnya. <u>Abdul malu untuk pulang ke kampung sehelai sepinggang lalu bekerja sebagai hamba. Wang yang diperolehinya dikumpul. Sekali lagi Abdul cuba berdagang.</u> Berkat kesungguhannya, dagangannya bertambah maju. Abdul menjadi terkenal dan tidak lama selepas itu berkahwin dengan puteri raja...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 40)

Berdasarkan petikan cerita tersebut, pengarang menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek jasmani di antara watak Abdul. Watak Abdul ini menunjukkan dia diusir keluar oleh saudagar disebabkan oleh perangainya yang terlalu mengejar kemahanan diri sendiri. Abdul kembali sedar akan kesalahannya lalu cuba untuk memperbaiki dirinya semula. Kehidupan Abdul sekali gus berubah setelah menjadi saudagar yang terkenal dan dagangannya bertambah maju. Hal ini dapat dilihat apabila kita memiliki tubuh badan yang sihat serta kesihatan mental yang kuat dan kita akan berusaha keras untuk mengubah status kehidupan kita. Berdasarkan situasi masa kini, para pelajar perlu menjadi seperti Abdul yang berusaha mengubah nasib dirinya dengan bekerja keras kerana usaha tidak akan mengkhianati hasil. Perkara ini akan menyebabkan para pelajar menjadi lebih yakin untuk mencapai kejayaan di mana mereka mempunyai jasmani yang sihat dan kuat untuk meneruskan kejayaan mereka. Seperti dijelaskan oleh pengkaji dengan contoh cerita benar kisah pelajar cemerlang SPM, pengkaji tidak menafikan bahawa sepatutnya setiap individu haruslah mempunyai semangat dan niat untuk mengubah kehidupan mereka kerana semakin jauh perjalanan seseorang, semakin luas pemikiran dan pandangan

mereka terhadap sesuatu perkara. Malahan, meskipun pengkaji merasakan bahawa zaman sekarang susah untuk mencari pekerjaan berdasarkan pengkhususan yang mereka ambil sewaktu di universiti, namun begitu, pengkaji berharap agar ramai pelajar lepasan SPM masih mempunyai niat untuk terus sambung pengajian sehingga ke negara China kerana dengan pembelajaran yang hanya dapat mengubah status kehidupan mereka. Isu ini turut dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud di mana beliau berkata bahawa terdapat kira-kira 300,000 pelajar lepasan SPM yang tidak mahu menyambung pengajian yang mana ia akan memberi kesan kepada sumber manusia negara khususnya terhadap usaha mencapai 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor ekonomi menjelang 2030 (Bernama, 2023).

Di samping itu, cerita rakyat yang bertajuk Nasib Raja Donan memaparkan aspek jasmani dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 5 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Apabila meningkat remaja, Awang Donan bekerja memukat ikan di sungai. <u>Selepas memukat dia menuntut ilmu persilatan.</u> <u>Akhirnya Awang Donan menjadi seorang lelaki yang gagah perkasa.</u> Ketika negeri Mandi Angin diserang musuh, Awang Donan datang untuk menyelamatkan negeri itu...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 51)

Berdasarkan petikan cerita rakyat Nasib Raja Donan memaparkan watak Awang Donan membesar dengan sihat serta menjadi remaja yang sangat kuat. Setelah mencapai usia remaja, Awang Donan telah mempelajari ilmu seni persilatan sebagai salah satu ilmu pertahanan diri. Dengan menjadi seorang lelaki yang mempunyai kekuatan yang hebat, Awang Donan telah datang untuk menyelematkan negeri Mandi Angin apabila diserang oleh pihak musuh. Petikan ini telah menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek jasmani

bahawa Awang Donan mempunyai tubuh badan yang kuat dan mental yang sihat setelah meningkat usia remaja. Hal ini sangat bersesuaian dengan aspek jasmani yang ditekankan dalam FPK kecergasan fizikal dan kesihatan diri yang dapat memberikan manfaat kepada diri sendiri atau masyarakat. Melalui cerita rakyat ini, pelajar-pelajar dapat mencontohi tindakan yang dilakukan oleh watak Awang Donan seperti mempelajari ilmu persilatan agar dapat menyelamatkan diri daripada ancaman musuh. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak dinafikan meskipun kita berada di zaman yang teknologinya sudah canggih, namun masih banyak kes-kes berunsurkan jenayah yang melibatkan budak sekolah masih berleluasa di Malaysia. Acap kali kes-kes ini dipaparkan di dada-dada akhbar yang menjadikan para ibu bapa paranoid dan berada dalam keadaan berjaga-jaga terhadap anak-anak mereka. Justeru itu, pelajar-pelajar haruslah mempunyai sekurang-kurangnya satu atau dua ilmu pertahanan diri seperti silat dan taekwondo di mana kedua-duanya boleh didapati di dalam aktiviti kokurikulum sekolah masing-masing. Oleh itu, pelajar haruslah mempunyai kualiti bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi kokurikulum kerana apabila memiliki jasmani yang sihat secara tidak langsung ia memanfaatkan tubuh badan serta minda mereka kepada diri sendiri mahupun masyarakat seperti Awang Donan.

Cerita rakyat bertajuk Pemuda Iban juga memperlihatkan aspek jasmani dalam petikan 6 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Dalam kalangan orang Iban, <u>seorang pemuda bernama Keling amat disegani kerana dia sangat gagah perkasa. Keling berperang dengan gagah sekali. Tiada perang yang disertainya kalah.</u> Keling juga disegani kerana kepakarannya menganyam bubu, bangkat, tambok dan berhuma...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 81)

Petikan 6 melalui cerita rakyat Pemuda Iban telah memaparkan nilai pendidikan menerusi aspek jasmani. Hal ini kerana watak pemuda Iban yang bernama Keling ini amat dikenali serta disegani oleh masyarakat orang Iban disebabkan oleh kegagahan dirinya yang tidak pernah kalah ketika menyertai perang. Petikan di atas juga menerangkan mengenai aspek jasmani yang dipaparkan oleh watak Keling di mana dirinya sememangnya gagah perkasa ketika berperang dengan pihak musuh. Perkara ini sangat bersesuaian dengan aspek jasmani yang terkandung dalam FPK bahawa jasmani yang sihat dapat memberikan kesan yang baik kepada diri sendiri atau orang lain. Bagi mengambil contoh melalui watak Keling ini, kini kita sudah beralih di zaman permodenan di mana teknologi sudah canggih dan maklumat juga mudah didapati di hujung jari. Meskipun Malaysia berada dalam keadaan aman dan damai serta tiada berlakunya perang namun terdapat beberapa negara luar seperti Palestin dan Israel serta Rusia dan Ukraine yang sedang berperang sehingga mengancam nyawa. Justeru itu, sebagai seorang pelajar dengan mengambil contoh perang antara saudara Islam kita di Palestin, perang ini bukanlah melibatkan tindakan fizikal semata-mata namun perang di dalam media sosial juga termasuk salah satu untuk kita bersolidariti bersama saudara Islam kita di sana. Ini bermaksud, kita haruslah membuktikan keunggulan Islam di mata dunia sekali gus kempen boikot barang-barang Israel sedang giat dijalankan. Para pelajar boleh menjadikan pemuda Iban ini sebagai salah satu contoh bukan sahaja mempunyai fizikal yang kuat malah perlu juga mempunyai mentaliti yang sihat. Hal ini dikatakan demikian kerana watak Keling ini tidak pernah kalah sekalipun dalam perang yang disertai oleh dirinya. Perkara ini telah membuktikan bahawa sekiranya mempunyai tubuh badan yang sihat tetapi tidak mempunyai mental yang kuat sudah pasti tidak dapat menggapai kemenangan dengan sempurna.

Aspek jasmani turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Awang Parang

Besar berdasarkan petikan 7 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Dahulu, di Kampung Hulu, tinggal Awang bersama ibu dan bapanya. Sejak kecil lagi, <u>Awang seorang yang gagah. Ia pernah membunuh buaya.</u> Suatu hari Awang meminta izin daripada orang tuanya untuk pergi mengembara. Sebelum itu, ia menempah sebilah parang besar dengan tukang besi. Apabila parangnya siap, ia pun berangkat. Awang mengembara hingga tiba di sebuah negeri yang sunyi sepi. Puas Awang berteriak memanggil penduduknya tetapi tiada seorang pun menyahut. Tiba-tiba kedengaran suara dari sebuah gendang raya. "Beta adalah raja negeri ini. Beta bersembunyi kerana negeri ini telah diserang seekor garuda besar yang ganas. Habis semua rakyat beta dimakannya. Yang tinggal hanyalah beta, permaisuri, puteri dan dua orang menteri. Pergilah kamu dari sini jika mahu selamat," kata raja. Awang tidak mahu beredar selagi ia tidak menewaskan garuda itu. Awang meminta izin raja untuk berlawan dengan garuda. Raja menyuruh Awang memalu gendang raya kerana garuda akan datang jika gendang dipalu. Awang pun memalu gendang. Tidak lama kemudian, muncullah garuda itu. <u>Garuda cuba menerkam Awang tetapi Awang pantas mengelak. Dengan parang besarnya, Awang menikam Garuda. Matilah garuda itu akhirnya...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 178)

Berdasarkan petikan 7 dalam cerita rakyat Awang Parang Besar, watak Awang dapat dilihat sememangnya sudah gagah perkasa pada usia yang kecil. Hal ini dikatakan demikian kerana Awang pernah membunuh buaya biarpun dirinya masih kecil. Setelah meningkat usia, Awang meminta izin kepada ibubapanya untuk mengembara ke luar negeri dan membawa parang besar yang ditempah khas oleh Awang bagi membuktikan

kekuatan dirinya. Watak Awang juga dilihat berlawan dengan seekor burung Garuda yang telah memusnahkan sebuah negeri lalu Awang membunuh dengan menikam Garuda yang ganas tersebut menggunakan parang besarnya. Petikan ini telah menerangkan bahawa aspek jasmani Awang yang sihat tubuh badan sejak dari lahir kerana pernah membunuh buaya sehingga usia dewasa yang berjaya menumpaskan seekor burung Garuda yang ganas. Perkara ini bertepatan dengan elemen yang terkandung dalam FPK bahawa ketika kecil lagi kita seharusnya memastikan anak-anak mempunyai tubuh badan yang sihat. Malahan, anak-anak yang masih kecil seharusnya sudah dihantar ke tempat seni pertahanan diri seperti silat, karate dan taekwondo supaya mereka boleh belajar cara untuk pertahankan diri apabila diancam musuh, membina kecergasan dan meningkatkan disiplin diri serta kemahiran sosial mereka. Bukan itu sahaja, umur yang sesuai untuk anak-anak memasuki kelas ini adalah seawal tujuh tahun kerana mereka sudah mempunyai otot dan kemahiran motor yang secukupnya bagi mengawal semua teknik yang akan dipelajari kelak. Oleh itu, seseorang pelajar yang mempunyai aspek jasmani ini perlu menggunakan kearah kebaikan seperti yang dipaparkan pada watak Awang yang menyelamatkan negeri yang diserang oleh burung Garuda yang ganas tersebut.

Cerita rakyat yang bertajuk Leman, Si Penambang memaparkan aspek jasmani dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 8 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Leman hidup seorang diri. Ibu bapanya sudah lama meninggal dunia. <u>Demi menyara hidupnya, Leman bekerja sebagai penambang.</u> Leman seorang budak yang baik hati. Jika orang miskin menumpang perahu tambangnya, Leman tidak akan meminta tambang. Disebabkan itu, orang ramai mengasihinya. Suatu hari, seorang lelaki segak menaiki perahunya. Lelaki itu kelihatan seperti seorang yang arif. Di

	tengah sungai, lelaki itu bertanya kepada Leman, “Mengapa kamu menjadi penambang?” “Ini sahaja yang saya mampu lakukan. Saya tidak pandai membaca dan menulis,” balas Leman. “Rugilah kamu kerana tidak tahu membaca dan menulis,” kata lelaki itu. Leman mengagak lelaki itu seperti memandang rendah kepadanya...
--	--

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 180)

Petikan 8 menerangkan mengenai seorang lelaki muda yang kehilangan orang tuanya dan hidup sendirian. Watak Si Leman ini digambarkan lelaki muda yang bekerja demi menyara dirinya sebagai seorang penambang iaitu orang yang mengangkut penumpang dengan perahu tambang. Walaupun dirinya seorang yang miskin tetapi Si Leman tetap menolong orang yang lagi miskin darinya dengan memberikan perkhidmatan percuma tanpa mengenakan sebarang bayaran. Petikan ini bertepatan dengan nilai pendidikan menerusi aspek jasmani disebabkan tanpa kesihatan tubuh badan dan kecergasan diri yang sihat sudah pasti seseorang itu akan berputus asa dengan lebih cepat. Watak yang digambarkan pada Si Leman jelas menunjukkan bahawa walaupun diri kita miskin akan tetapi sekiranya kita masih mempunyai kudrat yang kuat secara tidak langsung kita akan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh tanpa merungut penat. Bagi pelajar yang masih belajar pada zaman sekarang, watak yang digambarkan pada Si Leman ini boleh dijadikan nilai pendidikan kepada para pelajar supaya sentiasa mencari rezeki yang halal kerana kita tidak tahu perubahan nasib kita pada masa akan datang. Perkara yang penting sekali, kita haruslah rajin berusaha untuk mengubah kehidupan kita menjadi lebih baik kerana zaman sekarang terdapat banyak bidang yang boleh diceburi oleh para pelajar meskipun ketika masih belajar misalnya mereka boleh bermiaga secara atas talian untuk mendapatkan ‘duit poket’.

Aspek jasmani juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Bawi dan Kepala Ikan berdasarkan petikan 9 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	<p><u>...Bawi seorang pemuda yang gagah lagi perkasa. Ia pernah membunuh seekor gajah kerana gajah itu makan padi-padinya.</u></p> <p>Suatu hari, Bawi meminta izin daripada ibunya untuk mengembara.</p> <p>Ibunya mengizinkannya. Pergilah Bawi meredah hutan belantara dan paya hingga akhirnya tiba di sebuah pantai. Bawi mandi sepuas-puasnya. Tidak lama selepas itu, ia kelaparan lalu menangkap seekor ikan sebesar tongkang. Bawi tinggal di tepi pantai berhari-hari. Setiap hari ia makan nasi berlaukkan ikan itu. Selepas sekian lamanya, habislah semua isi ikan. Yang tinggal hanyalah kepala ikan. "Jika kepala ikan ini dibiarkan, habis busuklah pantai ini," gumam Bawi. Dengan sekuat tenaga, ia pun menyepak kepala ikan itu hingga terpelanting ke negeri Inderalela...</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 200)

Berdasarkan petikan cerita rakyat Bawi dan Kepala Ikan memaparkan seorang pemuda gagah perkasa yang diberi nama Bawi. Watak Bawi yang dikatakan gagah perkasa ini disebabkan oleh Bawi pernah membunuh seekor gajah yang telah memakan padi-padi ditanam oleh dirinya. Bawi telah menggembara dengan meredah hutan belantara dan paya sehingga Bawi menemui sebuah pantai. Petikan ini turut menerangkan mengenai aspek Jasmani Bawi yang sihat tubuh badan serta mental yang sihat setelah menggembara ke luar negeri. Hal ini sangat bertepatan dengan aspek jasmani yang terdapat dalam FPK bahawa kecerdasan fizikal dan kesihatan diri yang sihat serta mental yang kuat dapat memberikan manfaat kepada diri sendiri. Sebagai contoh, watak Bawi yang sememang gagah perkasa kerana pernah membunuh seekor gajah. Bagi perkaitan dengan aspek pembelajaran, seseorang pelajar haruslah mempunyai keberanian yang

tinggi apabila menegakkan sesuatu keadilan. Di dalam konteks ini, Bawi bukan sengaja membunuh seekor gajah tanpa sebab, malahan dia bertindak demikian kerana gajah tersebut memakan hasil tuaianya. Misalnya, di setiap universiti akan terdapat satu komuniti dipanggil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di mana mereka bertindak untuk menjaga kebijakan pelajar-pelajar di dalam universiti. Suara pelajar-pelajar inilah yang akan mengubah dasar dan polisi sesuatu sekiranya mereka merasakan ketidakadilan sesuatu perkara yang membolehkan para pelajar lain terkesan.

Akhir sekali, Hingan Pemuda Yang Berkuasa juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 10 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Jasmani	...Pada zaman dahulu, <u>ada seorang pemuda yang yang gagah perkasa bernama Hingan. Suatu pagi, Hingan bersedia mendaki bukit-bukit ke arah gua yang menjadi tempat tinggal seekor naga buas.</u> Ibu Hingan memberi anaknya sebatang lembing, sebuah perisai dan sebilah parang bagi melawan naga yang buas itu. Apabila naga itu muncul di pintu gua, Hingan mengacah agar naga itu keluar. Apabila naga membuka mulutnya luas, <u>Hingan terus memacangkan perisai ke dalam mulut naga dan melompat masuk ke dalam mulut naga lalu menikam jantung naga yang buas itu bertubi-tubi dengan parangnya...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 216)

Berdasarkan petikan 10 di atas, cerita rakyat menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek jasmani yang dimiliki oleh Hingan yang merupakan seorang pemuda yang gagah perkasa. Watak Hingan yang gagah perkasa ini menunjukkan dirinya telah berjaya membunuh seekor naga dengan menggunakan parangnya secara berkali-kali menikam jantung naga yang buas tersebut. Hal ini bersesuaian dengan aspek jasmani yang ditunjukkan dalam cerita rakyat Hingan Pemuda Yang Berkuasa di mana Hingan yang

mempunyai tubuh badan yang sihat dan kuat serta kesihatan mental yang stabil sehingga dapat menumpaskan seekor naga yang buas tersebut. Aspek jasmani yang terdapat pada watak Hingan juga dapat dilihat apabila Hingan mendaki bukit-bukit ke arah gua yang menjadi tempat tinggal seekor naga yang buas tersebut. Hal ini dapat dilihat apabila kita mempunyai tubuh badan yang sihat dan kuat serta kesihatan mental yang stabil, kita akan berusaha dengan lebih keras bagi mencapai sesuatu perkara yang kita idamkan dalam hidup kita. Berdasarkan waktu semasa, para pelajar perlu menjadi seperti Hingan yang berusaha dalam membuat sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh kerana usaha tidak akan sesekali mengkhianati hasil. Justeru itu, hal ini akan menyebabkan para pelajar akan menjadi lebih yakin bagi mencapai sesuatu kejayaan di mana mereka mempunyai jasmani yang sihat dan kuat bagi meneruskan kejayaan mereka.

4.2.2 Emosi

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) telah mentafsirkan emosi perasaan jiwa yang kuat seperti takut, gembira, sedih dan sebagainya. Emosi ini dapat dilihat dari pelbagai perspektif kerana ia mempunyai permaknaan yang berbeza. Menurut Daniel Goleman (1998), emosi adalah keadaan di mana seseorang itu mampu menzahirkan melalui perubahan yang jelas yang berlaku pada tubuhnya di mana setiap aktiviti atau pergolakan perasaan, fikiran, nafsu, setiap keadaan mental yang hebat dan luar biasa yang merujuk kepada pemikiran dan perasaan tertentu, keadaan biologi dan psikologi dari satu siri kecenderungan untuk bertindak. Dengan erti kata lain, emosi adalah sesuatu keadaan yang teransang dari organisma seseorang yang mampu berubah tanpa disedari malahan seseorang akan dikatakan mengalami gangguan emosi jika keadaan emosi yang dialami menimbulkan gangguan pada dirinya. Misalnya, seseorang itu berasa sangat sedih atau

tidak merasa bahagia atau emosinya menimbulkan konflik iaitu terlalu kerap marah, maka risiko tinggi untuk mengalami gangguan emosi di mana dalam kehidupan ini, manusia tidak boleh lari dari sebarang permasalahan namun mereka boleh meredakan emosi ke arah lebih rasional dan bijak mengatasi perasaan tersebut. Justeru itu, pengkaji telah mengenal pasti cerita-cerita rakyat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* seperti Batu Belah Batu Bertangkup, Pak Pandir Memandikan Anak, Bukit dan Pokok, Nasib Pokok Pisang dan Pokok Durian, Kisah Cangkerang Kura-kura Retak, Awang dan Ibunya, Kintan dan Bintik, Leher Angsa Panjang, Pertengkar Dua Sahabat, Harimau yang Malang, Junah dan Raja Nyamuk, Puteri Gaharu dan Pandai Emas Pandai Besi yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek emosi.

Aspek emosi yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Batu Belah Batu Bertangkup. Perkara ini jelas diperlihatkan dalam petikan 11 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Tidak lama kemudian, Mak Tanjung pulang. Hatinya sedih benar kerana anak-anaknya tidak mengingatinya. Dia merajuk lalu berlari menuju ke gua Batu Belah Batu Bertangkup. Melur dan Pekan mengejar emak mereka tetapi malangnya apabila mereka sampai, batu itu sudah tertangkup. <u>Emak mereka sudah tiada. Melur dan Pekan menangis di depan batu belah sehingga tertidur...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 13)

Berdasarkan petikan cerita tersebut, pengarang menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek emosi di dalam watak Mak Tanjung. Watak Mak Tanjung ini menunjukkan bahawa dia terlalu bersedih kerana anak-anaknya tidak mengingatinya lagi dan apabila sedih itu menguasai diri, ia dapat mengganggu kestabilan emosi secara tidak langsung manusia akan cenderung melalukan sesuatu yang sukar dijangka. Dapat dilihat watak Mak Tanjung yang merajuk lalu berlari ke gua Batu Belah Batu Bertangkup sehingga

batu itu kemudiannya memakan dirinya. Keadaan ini kemudiannya akan memberi kesan kepada anak-anaknya di mana apabila mereka perkhabaran tentang emaknya, perasaan sedih dan bersalah terhadap diri sendiri akan menghantui diri mereka. Mereka akan mengalami gangguan emosi yang serius dan keadaan ini akan menyebabkan mereka tertekan dan cenderung untuk suka menyendiri. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar zaman sekarang, dunia remaja juga tidak dinafikan sentiasa dipenuhi dengan cabaran emosi yang tidak stabil. Sebagai contoh, perasaan sedih setelah tamatnya pengajian namun terdapat banyak graduan yang masih menganggur atau mendapat pekerjaan, tetapi tidak bekerja di dalam sektor yang dipelajarinya juga merupakan salah satu kecenderungan untuk mengalami gangguan emosi. Hal ini kerana berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan, terdapat seramai 462,100 penganggur aktif di negara ini setakat Ogos 2023 (Kosmo, 2023). Lebih 90,000 graduan berdepan dengan masalah pengangguran akibat kekurangan peluang pekerjaan di samping pengeluaran lepasan universiti secara berlebihan oleh institusi tinggi tempatan (Muhammad Saufi Hassan, 2023). Oleh itu, pelajar harus sentiasa berfikiran positif dan sentiasa bersikap terbuka di samping bijak mengatasi perasaan sedih agar perasaan itu tidak mematahkan semangat untuk berjaya dalam apa jua perkara yang mereka usahakan.

Selain itu, Pak Pandir Memandikan Anak juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 12 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Pada ketika itu <u>Mak Andeh pun pulang. Dia meraung sekuat hatinya melihat keadaan anaknya. Mak Andeh terus menangis sambil memarahi Pak Pandir.</u> Dia mengatakan Pak Pandir sangat bodoh kerana lain yang disuruhnya lain yang dibuat. Dia menyuruh Pak Pandir memandikan anak mereka di dalam air suam bukannya air panas. Barulah Pak Pandir sedar akan

	kebebalannya. <u>Dia menangis sekutu hati kerana anak kesayangannya telah tiada. Dia sangat menyesal atas apa yang berlaku tetapi apakan daya, nasi sudah menjadi bubur.</u> Tinggallah Pak Pandir dan Mak Andeh hidup dalam kesedihan...
--	---

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 11)

Berdasarkan petikan 12 cerita rakyat tersebut, watak Pak Pandir dan Mak Andeh telah menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek emosi. Watak Mak Andeh ini memperlihatkan bahawa dia amat sedih melihat keadaan anaknya setelah pulang dari huma untuk melihat padi yang sudah masak serta marah akan tindakan kurang bijak yang telah dilakukan oleh suaminya. Watak Pak Pandir juga dapat dilihat yang menangis tak berlagu bahawa cahaya matanya sudah tiada di muka bumi kerana tindakannya yang telah membunuh anaknya sendiri. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar, zaman sekarang tidak boleh dinafikan dengan cabaran emosi yang kurang stabil dapat diperlihat setiap hari di platform media sosial. Sebagai contoh, terdapat banyak kes-kes yang melibatkan emosi pelajar dipaparkan di media akhbar seperti salah satu kisah baru-baru ini terjadi seorang kanak-kanak berusia 12 tahun melecur seluruh badan akibat terkena renjatan elektrik selepas dipercayai tersentuh perkakasan elektrik di dalam bilik janakuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mengambil bola. Tidak dapat membayangkan nasib dan emosi seorang kanak-kanak yang dahulunya ceria dan aktif di sekolah berubah ke perkara yang menyayatkan hati. Sudah pasti emosi kanak-kanak ini terkesan dan trauma akan menghantui dirinya, para pelajar boleh menjadikan cerita rakyat ini sebagai satu teladan dan munasabah diri yang berguna kepada mereka. Hal ini kerana mereka tidak boleh terlalu bersedih dengan perkara tersebut sehingga hidup mereka dibelenggu dengan perasaan sedih seperti Pak Pandir dan Mak Andeh hidup dalam kesedihan setelah kehilangan anak kesayangan mereka.

Cerita rakyat yang bertajuk Gajah Menjadi Batu memaparkan aspek emosi dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 13 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Apabila terlihat Sang Gedembai, mereka lalu bertanyakan mengapa dirinya sedih. Sang Gedembai pun menceritakan bagaimana anaknya mati. Sekumpulan gajah itu ketawa mendengar ceritanya. " <u>Mengapa kamu mesti bersedih? Anak kamu yang mati. Bukannya kamu,</u> " kata mereka. <u>Sang Gedembai yang berasa geram lalu menyumpah mereka menjadi batu...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 18)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Gajah Menjadi Batu, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Sang Gedembai telah memperlihatkan emosi sedih dan geram dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Watak Sang Gedembai dilihat dirinya mengalami kesedihan di mana anaknya sudah mati akibat dihimpap pokok kemudian membawa diri ke hutan. Hal ini juga dapat dilihat emosi geram atau marah yang ditunjukkan oleh Sang Gedembai setelah sekumpulan gajah memperlekehkan keberadaan dirinya yang berduka lara akibat kehilangan anaknya tersebut lalu Sang Gedembai menyumpah sekumpulan gajah tersebut menjadi batu. Sehubungan dengan itu, para pelajar yang melihat seseorang itu mengalami kesedihan yang melampau sebaiknya tidak memperlekehkan perkara yang disedihkan tersebut tetapi memberi semangat supaya orang yang bersedih tersebut mendapat kembali semangat juang yang telah hilang tersebut. Dengan mengambil contoh yang sama seperti petikan atas, tular di media sosial berkenaan dengan seorang kanak-kanak berumur 12 tahun yang melecur bagi mengambil bola di bilik jana kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB), terdapat seorang lelaki yang berada di situ memarahi mangsa sedangkan beliau seharusnya menenangkan mangsa berikutnya mangsa yang masih mengalami kesakitan

dan terbaring dengan menjerit kepanasan. Pengkaji merasakan bahawa orang sekeliling yang tidak cakna tentang emosi dan keadaan seseorang yang bersedih dan beremosi ini akan memburukkan lagi keadaan tersebut. Justeru itu, para pelajar yang mempunyai emosi yang stabil boleh menjadikan cerita rakyat Gajah Menjadi Batu ini sebagai satu nilai pendidikan yang menyuluh diri mereka pada masa hadapan.

Aspek emosi turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Bukit dan Pokok berdasarkan petikan 14 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Dahulu, pokok-pokok dan bukit bersahabat baik. Pelbagai jenis pokok tumbuh di atas bukit antaranya ialah, buluh, neram, ara, merbau dan lain-lain lagi. <u>Bukit sangat sayang semua pokok kerana tanpa pokok, bukit akan runtuh. Pokok-pokok juga sangat sayangkan bukit kerana bukit membekalkan air yang dapat menyuburkan mereka.</u> Namun di dalam bukit ada banyak emas. Bukit khuatir manusia akan meletupkannya dan mengambil semua emas di dalamnya...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 36)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Bukit dan Pokok, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Bukit dan pokok telah memperlihatkan emosi memerlukan antara satu sama lain dan khuatir dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Memang tidak dinafikan bahawa bukit dan pokok ibarat kuku dan isi yang tidak boleh dipisahkan kerana kedua-dua memerlukan kelebihan masing-masing bagi mereka terus kekal hidup. Walau bagaimanapun, terdapat banyak pembangunan baru yang dibina sehingga menyebabkan kawasan-kawasan bukit ditoreh untuk kepentingan manusia. Sebagai contoh, gunung di Perak yang dahulunya subur dan menghijau kini semakin terhakis kerana umum mengetahui bahawa negeri itu merupakan pengeluar utama bahan binaan seperti batu kapur dan batu marmor putih. Perkara ini seharusnya

diterapkan dalam diri pelajar bagaimana mereka mahu kekal relevan dalam revolusi pekerjaan kelak. Pelajar-pelajar harus sentiasa memastikan diri mereka bersedia bagi menempuh alam pekerjaan yang mana sudah beralih ke Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Jika tidak, para pelajar akan mempunyai emosi yang tidak stabil kerana tahap keyakinan diri yang luntur malahan tahap kepengetahuan mereka terhadap sesuatu bidang pengkhususan yang lemah menjadikan mereka rasa susah untuk memasuki alam pekerjaan.

Seterusnya, aspek emosi juga dapat dilihat berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Nasib Pokok Pisang dan Pokok Durian seperti petikan 15 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	... “Kau terlalu sompong wahai pokok durian. Kini nasib kau sama sepertiku,” kata pokok pisang. <u>Pokok durian menangis.</u> <u>Dia tidak sangka dia juga akan menerima nasib yang sama seperti pokok pisang.</u> Dia berasa malu kepada pokok pisang...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 67)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Nasib Pokok Pisang dan Pokok Durian, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Pokok durian pada mulanya berlagak dan megah diri akan dirinya yang mempunyai batang pokok yang keras setelah melihat pokok pisang ditebang lalu rebah ke tanah. Akibat angin kuat yang bertiup kencang dan menyebabkan pokok durian rebah ke bumi bersebelah dengan pokok pisang, pokok durian malu akan perkara yang menimpanya. Pokok durian telah memperlihatkan emosi sedih manakala pokok pisang memperlihatkan emosi marah yang bertepatan dengan FPK. Sebagai seorang pelajar, janganlah kita bersikap angkuh kerana semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P), kita akan bekerja secara satu kumpulan sama bagi tugasan berkumpulan malahan untuk tugasan individu juga memerlukan kita mempunyai sistem sokongan daripada rakan-rakan sekelas yang lain bagi bertanyakan sesuatu soalan

yang kita kurang jelas dan faham atau lain-lain perkara. Justeru itu, sekiranya kita bersikap angkuh dengan rakan-rakan sekelas, mereka akan memulaukan kita dan keadaan ini akan menjadikan emosi kita tidak stabil apabila kita tidak mempunyai kawan yang ramai.

Aspek emosi yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Kisah Cangkerang Kura-kura Retak. Hal ini boleh dilihat melalui petikan 16 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Setelah siap segalanya, itik pun membawa kura-kura terbang. Mereka terbang melalui sebuah kampung. <u>Apabila melihat kura-kura terbang, kanak-kanak di situ menjerit keriangan. Disebabkan gembira, kura-kura terlupa akan amaran itik.</u> Dia lalu membuka matanya untuk melihat kanak-kanak itu. Kura-kura ingin mengatakan sesuatu namun sebaik sahaja dia membuka mulutnya, dia terhempas ke bumi. Kakinya luka dan cangkerangnya retak!...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 84)

Berdasarkan petikan 16 di atas, cerita rakyat ini telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek emosi. Watak kura-kura telah menunjukkan emosi gembira bersesuaian dengan FPK. Watak kura-kura ini bersahabat baik dengan itik, suatu hari keadaan tanaman dan kolam pun kering akibat kemarau lalu itik mengajak kura-kura dengan menumpangkannya terbang bersama. Watak kura-kura dilihat gembira tak terhingga kerana dirinya boleh terbang seperti sahabat baiknya, itik akan tetapi kegembiraan itu sekejap sahaja apabila dirinya lupa akan amaran itik mengenai buka mulut dan mata. Justeru itu, sebagai seorang pelajar, janganlah kita sentiasa mengambil mudah tentang amaran dan teguran daripada orang lain yang lebih dulu makan garam daripada kita kerana mereka sudah mempunyai pengalaman dan mereka tidak mahu kesalahan yang pernah mereka lakukan akan dilakukan oleh kita kerana perkara itu tidak

mendatangkan manfaat kepada kita. Malahan, setiap amaran dan teguran daripada orang lain ini disebabkan mereka lebih tahu apa yang akan jadi sekiranya kita melakukan perkara tersebut. Namun begitu, jika dilihat pelajar masa ini, makin dilarang, makin dibuat dan kesudahannya, perkara malapetaka akan menimpa diri mereka sendiri. Oleh itu, para pelajar haruslah menjadikan cerita rakyat daripada kisah cangkerang kura-kura ini sebagai satu pengajaran kerana sikap kura-kura yang tidak mengambil berat tentang amaran si itik sehingga menyebabkan cangkerangnya retak. Perkara ini membawa maksud, tanpa cangkerang, tidak bergunalah hidup si kura-kura berikutan cangkerang itu merupakan pelindung kepada dirinya daripada diancam musuh.

Awang dan Ibunya juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 17 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Ketika dalam pelayaran, Awang singgah di Pangkalan Beoh dan ternampak seorang wanita tua. <u>Wanita tua itu menangis sambil memanggil anaknya, Awang.</u> Dia menarik tangan Awang kerana dia mengenali anaknya itu. Apabila melihat wanita tua itu, isteri Awang lantas meludah jijik lalu menolaknya jatuh ke tanah. Air muka Awang berubah. Dia menangis lantas memeluk ibunya. Awang meninggalkan isterinya yang sompong dan memimpin tangan ibunya...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 89)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Awang dan Ibunya, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Awang telah memperlihatkan emosi sedih dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Awang seorang yang anak yang taat dan tinggal bersama ibunya yang menyara hidup mereka berdua. Memang tidak dinafikan bahawa kasih sayang antara ibu bapa dan anak merupakan ikatan yang sangat utuh. Dapat dilihat, ibu sangat mengenali anaknya misalnya jika anak itu mempunyai permasalahan, ibu dapat membaca pergolakan jiwa anaknya hanya dengan melihat air

muka dan perubahan tingkah laku anaknya. Sebagai seorang anak, kita haruslah menyayangi kedua-dua orang tua kita kerana mereka sudah bersusah payah membesar dan mendidik kita menjadi anak yang berguna. Dari kita lahir ibarat kain putih yang tidak bercorak sehingga kita dewasa, ibulah yang menyinari kehidupan anak-anak. Tiada harta yang lebih berharga di dunia selain kasih sayang antara ibu bapa dan anak sama seperti kata popular “Ibu, Engkaulah Ratu Hatiku”.

Aspek emosi juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Kintan dan Bintik berdasarkan petikan 18 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Kintan merajuk lalu berjumpa Bintik. <u>"Bintik, saya sedih sekali. Emak saya marahi saya. Saya bukannya sengaja tumpahkan nasi.</u> Bintik, alangkah bagusnya kalau saya juga mempunyai sayap seperti kamu. Bolehlah saya terbang dan pergi dari sini," kata Kintan. "Naiklah ke belakang saya. Saya akan bawa kamu terbang ke langit dan jauh dari sini," kata Bintik. Kintan pun naik ke belakang Bintik dan meninggalkan rumahnya...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 117)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Kintan dan Bintik, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Watak Kintan ini telah memperlihatkan bahawa dia amat sedih setelah dimarahi oleh emaknya kerana tidak sengaja menumpahkan nasi. Kesedihan yang dialami oleh Kintan menyebabkan dirinya nekad mahu meninggalkan rumah. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar, dapat dilihat kini pelajar zaman sekarang tidak seperti zaman dahulu kerana zaman sekarang, anak-anak lebih mudah sensitif dan emosi kerana mungkin peredaran zaman yang sudah menyediakan apa yang mereka pinta. Pun begitu, dapat dilihat sudah menjadi kebiasaan ibu bapa suka membandingkan keputusan peperiksaan anak-anak mereka dengan jiran

sebelah mahupun anak saudara-mara mereka yang lain yang menjadikan anak-anak mereka berasa sedih. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji merasa keupayaan seseorang dari segi pembelajaran tidak boleh dibandingkan kerana ada sesetengah pelajar cepat tangkap apa yang diajarkan oleh guru dan ada sesetengah pelajar harus berulang kali melakukan perkara yang sama untuk faham sesuatu bab. Justeru itu, ibu bapa seharusnya menaikkan semangat anak-anak supaya mereka melakukan dengan lebih baik di peperiksaan akan datang secara tidak langsung keadaan ini tidak akan memberi kesan kepada emosi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya emosi anak-anak berada dalam keadaan tidak stabil dan terganggu, mereka akan cenderung untuk bertindak di luar kawalan seperti melarikan diri dari rumah atau pun di sekolah, mereka akan bertindak agresif seperti ponteng sekolah, buli dan lain-lain yang membolehkan perkara ini memalukan bukan sahaja pihak sekolah namun memalukan air muka pihak keluarga.

Cerita rakyat yang bertajuk Leher Angsa Panjang memaparkan aspek emosi dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 19 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Angsa dan itik bersahabat baik. Mereka akan pergi ke mana-mana berdua sekalipun mencari makanan. Suatu hari, mereka mencari makanan di tepi sungai. Angsa mengajak itik menyudu di celah pasir. Tiba-tiba keluar seekor cacing. Angsa dan itik mengejar cacing itu sehingga cacing itu masuk di celah akar-akar kayu. Angsa berputus asa dan ingin mencari makanan di tempat lain namun itik meminta angsa memasukkan muncungnya di celah-celah akar. Angsa pun memanjangkan lehernya untuk mencari cacing. Tiba-tiba, dahan pokok jatuh lalu menghempap kepala angsa. Muncung angsa tersepit di celah akar. <u>Itik cepat-cepat menolak dahan itu dan angsa cuba menarik muncungnya. Setelah berhempas</u>

	<u>pulas, akhirnya angsa berjaya menarik muncungnya keluar dari celah akar...</u>
--	---

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 121)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Leher Angsa Panjang, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Dapat dilihat bahawa persahabatan angsa dan itik merupakan persahabatan yang sihat kerana mereka masih memerlukan antara satu sama lain meskipun berada dalam kesusahan. Buktinya, itik tidak meninggalkan angsa sewaktu pokok menghempap kepalanya malah itik sedaya upaya membantu angsa untuk mengeluarkan lehernya daripada pokok yang menghempap kepalanya. Sebagai seorang pelajar, kita haruslah sentiasa membantu rakan-rakan yang berada dalam kesusahan kerana meskipun pertolongan kita itu sekecil kuman, namun bagi mereka yang memerlukan, ia menganggap pertolongan kita sebesar-besar lautan. Sebagai contoh, pertolongan antara rakan-rakan tidak semestinya memerlukan bantuan dari segi kewangan semata-mata namun memberi kata-kata semangat kepada rakan yang berputus asa juga merupakan satu bentuk bantuan kerana dengan kata-kata yang positif, kita dapat menaikkan semangat mereka untuk terus bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara.

Di samping itu, Pertengkaran Dua Sahabat juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 20 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...“Kalau hendak berdamai, saya mahu Buyong kembalikan kesemua telur yang saya beri padanya selama 10 tahun dan juga kesemua ayam yang bakal menetas dari telur-telur itu,” kata Hitam. Permintaannya sangat ganjil. Mustahil! Pak Kamis lalu bertanyakan kepada Buyong ada apa-apa yang pernah diberinya kepada Hitam. “Saya beri dia kacang. Sudah hampir sepuluh tahun. Saya juga hendak kacang saya balik dan juga pokok kacang yang bakal tumbuh dari kacang itu,” kata

	Buyong. Hitam tercengang mendengar permintaan Buyong itu. Lama dirinya terdiam. “ <u>Kalau begitu, kamu berdua tidak dapat memenuhi permintaan masing-masing eloklah kamu berdua berdamai,</u> ” kata Pak Kasim. Hitam dan Buyong pun berjabat tangan. Sejak itu, mereka menjadi sahabat baik dan saling menolong...
--	--

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 141)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Pertengkaran Dua Sahabat, petikan tersebut telah menunjukkan nilai pendidikan melalui emosi. Watak Buyong dan Hitam telah memperlihatkan emosi marah dan geram dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Watak Buyong dilihat mengalami emosi marah dan geram di mana dia menuduh Hitam memukul kaki lembunya sehingga patah manakala watak Hitam juga mengalami emosi marah dan geram di mana dia menuduh Buyong memukul kambingnya sehingga patah. Pun begitu, kedua-dua berdamai dengan cara baik setelah masing-masing tidak dapat memenuhi permintaan masing-masing dan meneruskan persahabatan mereka dengan lebih harmoni. Tidak dinafikan bahawa sebagai seorang manusia yang mempunyai hati dan perasaan, kadang-kadang kita mudah terasa dengan percakapan kawan-kawan kita. Namun begitu, selagi percakapan itu adalah tujuannya untuk memajukan diri kita dan tidak menghina, tidak perlulah kita menyimpan perasaan geram, marah dan dendam di dalam hati. Perkara ini biasanya terjadi sekiranya kita dalam kerja berkumpulan dalam menyiapkan tugas. Misalnya, ketika sesi ‘*brainstorming*’, mungkin idea dan pendapat kita itu bagus tetapi ditolak oleh ahli kumpulan lain berikutan faktor-faktor kekangan yang dianggap kurang sesuai. Sekiranya kita tidak berpuas hati, kita seharusnya menanyakan sebab idea itu ditolak. Hal ini kerana pemikiran kita lain-lain dan mungkin idea orang lain yang lebih tepat bersesuaian dengan situasi semasa. Oleh itu, sebagai seorang pelajar seharusnya kita bijak dalam mengawal emosi dan janganlah mempunyai perasaan negatif terhadap kawan-kawan kerana mereka jugalah

yang akan membantu kita di masa akan datang sekiranya kita memerlukan pertolongan daripada mereka.

Aspek emosi telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Setiakawan berdasarkan petikan 21 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Dahulu ada dua ekor gajah yang bersahabat baik. Seekor gajah jantan dan seekor lagi gajah betina. Setiap apa yang dilakukan pasti bersama-sama. Mereka mencari makanan bersama malah mereka berkongsi setiap makanan. Suatu hari, gajah jantan jatuh sakit. Dia berkata kepada gajah betina, “Saya rasa ajal saya hampir tiba. Selepas ketiadaan saya, kamu terpaksa mencari makanan sendirian.: Gajah betina sangat sedih. Selang beberapa hari kemudian, gajah jantan pun mati. <u>Gajah betina sangat sedih. Berhari-hari lamanya dia tidak makan dan minum.</u> Dia duduk di sebelah gajah jantan yang sudah mati itu. Akhirnya, gajah betina jatuh sakit dan dia pun mati di sisi sahabatnya, gajah jantan...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 145)

Berdasarkan petikan 21 cerita rakyat di atas, watak gajah betina telah menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek emosi. Watak gajah betina ini memperlihatkan bahawa dia amat sedih melihat keadaan gajah jantan yang mengalami sakit dan meninggal dunia setelah beberapa hari jatuh sakit. Gajah betina sangat sedih akan kehilangan gajah jantan sehingga dirinya pun pergi setelah beberapa hari tidak makan dan minum. Hal ini kerana mereka selalu membuat semua perkara bersama malah turut berkongsi makan bersama-sama. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar zaman sekarang tidak boleh dinafikan cabaran emosi yang kurang stabil atau sedih berlebih-lebihan dapat mengganggu kesihatan mental seseorang. Sebagai contoh, pelajar yang mengalami kesedihan kerana dipinggirkan oleh rakan-rakan sekelas secara tidak

langsung, pelajar itu akan menyendiri terlalu lama sehingga menganggu rutin hariannya. Pun begitu, pelajar tersebut seharusnya menanyakan hal seperti mengapa kawan-kawannya bertindak demikian; adakah disebabkan tingkah lakunya atau sebaliknya. Sekiranya kesalahan itu datang dari pihak dirinya, pelajar tersebut seharusnya segera meminta maaf dan berdamai dengan kawan-kawannya untuk mewujudkan suasana yang harmoni di kedua-dua belah pihak. Pun begitu, sekiranya keadaan ini berlanjutan, ibu bapa dan guru seharusnya memainkan peranan bagi membendung perkara ini daripada terus berlaku. Para pelajar boleh menjadikan cerita rakyat ini sebagai satu teladan dan munasabah diri yang berguna kepada mereka. Justeru itu, mereka tidak boleh dibelenggu dengan emosi sedih yang berlebihan seperti gajah betina hidup dalam kesedihan setelah kehilangan gajah jantan.

Aspek emosi yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Harimau Yang Malang. Perkara ini jelas diperlihatkan dalam petikan 22 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Suatu hari, petani dan isterinya pergi ke kebun seperti biasa. Namun di kebun, petani berasa gelisah. Ia pun mengajak isterinya pulang ke rumah. Setibanya di rumah, mereka melihat mulut harimau dipenuhi darah. Petani menyangka harimau itu telah membaham anaknya. Dengan pantas ia menikam harimau itu sehingga mati. Sesudah itu, petani dan isterinya berlari mendapatkan anak mereka. Anak mereka sedang nyenyak tidur di dalam buaian. Tiba-tiba mereka terpandang akan bangkai ular di bawah buaian. Tahualah mereka bahawa harimau sebenarnya menyelamatkan anak mereka daripada dibelit ular. <u>Petani sangat menyesal. Ia telah membunuh binatang peliharaan yang paling disayanginya tanpa usul periksa...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 168)

Berdasarkan petikan 22 di atas, nilai pendidikan dari aspek emosi telah dikenal pasti melalui cerita rakyat yang bertajuk Harimau Yang Malang. Petani telah memperlihatkan bahawa dia sangat menyesal atas perbuatannya iaitu membunuh binatang peliharaannya tanpa memeriksa dahulu perkara yang berlaku. Hal ini telah membuktikan bahawa emosi yang ditunjukkan oleh petani selaras dengan konsep FPK melalui aspek emosi. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar, pelajar dinasihati untuk memeriksa dahulu perkara yang terjadi sebelum membuat sesuatu keputusan yang boleh menentukan masa depan. Sebagai contoh, kes bunuh arwah Zulfarhan, seorang penuntut di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) disebabkan oleh mereka ingin mendapatkan pengakuan bahawa dia telah mencuri komputer riba meskipun itu merupakan tuduhan sahaja. Akhirnya, tindakan buli enam pelajar tersebut telah mencederakan mangsa yang kemudiannya mangsa telah pun meninggal dunia akibat kecederaan parah dan kes ini diklasifikasi sebagai kes bunuh di bawah Seksyen 304 (a) Kanun Keseksaan manakala 12 pelajar lagi disabitkan atas kesalahan menyebabkan kecederaan di bawah Seksyen 330 Kanun Keseksaan (Ridauddin Daud, 2021). Justeru itu, sebagai seorang pelajar, kita haruslah menyiasat sesuatu perkara terlebih dahulu sebelum membuatkan sesuatu keputusan malah, janganlah kita membuat keputusan dengan emosi yang sedang marah kerana ia akan mempengaruhi keputusan kita kelak.

Junah dan Raja Nyamuk juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 23 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Di negeri nyamuk, Junah dilayan mesra. Sebelum Junah pulang, raja nyamuk mengurniakannya barang kemas, kasut emas dan persalinan yang berharga. Junah berterima kasih kepada raja nyamuk atas budi baiknya. Junah kemudiannya membawa semua barang kemas itu pulang ke rumah. Ibu dan

	kakak tirinya sangat cemburu. Ibu tirinya lantas menyuruh anaknya, Liah pergi berjumpa dengan raja nyamuk. Liah pun menghadap raja nyamuk. <u>Ia memarahi raja nyamuk dan mengatakannya jahat.</u> <u>Raja nyamuk sangat murka lalu menghisap darah Liah sehingga kering.</u> Itulah akibatnya jika bersikap biadap dan sompong...
--	--

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 173)

Berdasarkan petikan 23 di atas, cerita rakyat tersebut telah memaparkan nilai pendidikan melalui emosi. Watak raja nyamuk dan Liah telah memaparkan emosi marah dalam cerita rakyat yang bersesuaian dengan konsep FPK. Watak raja nyamuk ini dilihat dirinya mengalami kemarahan setelah dia dimarahi dan tidak suka dengan sikap biadap yang ditunjukkan oleh Liah lalu menghisap darah Liah sehingga kering. Sehubungan dengan itu, para pelajar tidak seharusnya bersikap biadap di hadapan orang yang lebih tua atau berusia sehingga menaikkan kemarahan seseorang tersebut. Hal ini kerana kemarahan seseorang tidak akan muncul secara tiba-tiba tetapi kemarahan tersebut berlaku pasti ada perkara yang terjadi. Sebagai contoh, seorang pelajar perlu menjaga kata-kata semasa bertutur dengan guru ketika guru sedang mengajar supaya guru tersebut tidak memarahi mereka. Hal ini memberi erti, bukanlah orang lebih tua itu tidak boleh ditegur namun cara percakapan kita seharusnya menunjukkan bahawa kita menghormati mereka lalu mereka juga akan menerima teguran kita sekiranya mereka melakukan sesuatu kesalahan. Justeru itu, para pelajar boleh menjadikan cerita rakyat ini sebagai munasabah atau cerminan diri kepada mereka agar mereka tahu akibat sekiranya membuat orang lain marah.

Cerita rakyat yang bertajuk Puteri Gaharu memaparkan aspek emosi dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 24 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	<p>...Baginda berburu berbulan-bulan lamanya. Selepas setahun, barulah baginda berjaya menangkap rusa yang dinginnya. Baginda membawa rusa itu pulang ke istana dan mahu mempersembahkannya kepada isterinya. Namun setibanya di istana, baginda diberitahu bahawa isterinya sudah tiada lagi. <u>Raja Segunung Rimba sangat sedih. Baginda pun berangkat ke tempat di mana ia menemui isterinya dahulu.</u> Baginda mengambil sedikit kayu pokok gaharu lalu membawanya pulang ke istana. Di istana, baginda membakar kayu itu. Baunya harum semerbak. Semenjak itu baginda tidak lagi berburu. Jika baginda rindukan isterinya, baginda akan membakar kayu pokok gaharu...</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 176)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Puteri Gaharu, petikan tersebut telah menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek emosi. Watak Raja Segunung Rimba telah memperlihatkan baginda sangat sedih akan perkhabaran mengenai kematian isteri semasa baginda keluar pergi memburu. Bagi memperkaitkan dengan emosi pelajar, terdapat satu viral video di platform media sosial TikTok di mana video berdurasi 22 saat itu menunjukkan seorang ibu terpaksa menahan diri daripada memberitahu anaknya yang ketika itu sedang menjawab peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bahawa ayahnya sudah meninggal dunia (Saadiah Ismail, 2023). Bagi pendapat pengkaji, tindakan seorang ibu menahan diri daripada memberitahu anaknya ketika anaknya sedang menjawab peperiksaan SPM adalah disebabkan mahu anaknya terus menjawab soalan peperiksaan sehingga selesai kerana itu merupakan kertas yang terakhir di samping mahu menjaga

emosi anaknya untuk tidak diganggu ketika menjawab peperiksaan tersebut. Pun begitu, pengkaji berharap bahawa pelajar tersebut tidak menyalahkan ibunya dengan menyampai berita setelah dia tamat menjawab peperiksaan kertas terakhir kerana ibunya hanya mahu yang terbaik untuk anaknya. Sebagai seorang pelajar yang menghadapi situasa ini, kita boleh bersedih tetapi janganlah bersedih terlalu lama sehingga menganggu emosi dan tahap kesihatan mental kita.

Akhir sekali, aspek emosi turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Pandai Emas Pandai Besi berdasarkan petikan 25 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Emosi	...Suatu hari, rumah pandai emas dimasuki pencuri. Habislah semua emasnya dicuri. Pandai emas sangat sedih namun ia tidak berputus asa. Ia pun mengumpul semula emas-emas lalu menjualnya. Malangnya, apabila banyak emas dikumpul, pencuri masuk ke rumahnya lagi dan mencuri semua Kecewalah pandai emas. Ia mengadukan nasibnya kepada pandai besi. Pandai besi berkata, “Aku cadangkan kita bekerjasama. Aku akan buatkan senjata untuk kamu supaya emas-emas kamu tidak dicuri lagi.” Maka sejak hari itu, tiadalah lagi pencuri masuk ke rumah pandai emas lagi. Perniagaan pandai emas dan <u>pandai besi bertambah maju</u> . <u>Mereka berdua menjadi kaya-raya. Pandai emas gembira kerana orang ramai sentiasa membeli emas-emasnya</u> . <u>Manakala pandai besi pula gembira kerana besi-besinya diguna pakai untuk membuat pelbagai jenis senjata untuk menjaga keselamatan...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 203)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Pandai Emas dan Pandai Besi, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui emosi. Pandai Emas dan Pandai Besi telah memperlihatkan emosi gembira dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan

FPK. Memang tidak dinafikan bahawa sekiranya kita berusaha untuk melakukan sesuatu, tetapi hasilnya tetap sama iaitu gagal seperti pandai emas yang telah dua kali berusaha untuk menjaga emas-emasnya namun tetap dicuri, maka hasil titik peluh kita akan sia-sia dan menjadikan kita seorang yang tidak bersemangat dan berputus asa. Pun begitu, sebagai seorang pelajar, kita haruslah mencari jalan penyelesaian yang dapat membantu mengekang isu tersebut supaya permasalahan itu tidak menjadi penghalang untuk kita terus berjaya sehingga ke menara gading. Dapat dilihat, tindakan pandai emas dan pandai besi yang bekerjasama membantu perniagaan masing-masing ini membuatkan hasil sekali gus menyelesaikan permasalahan kecurian oleh pihak pandai emas dan pandai besi juga mendapat keuntungan hasil daripada kerjasamanya dengan pandai emas. Justeru itu, sebagai seorang pelajar, kita haruslah mencari peluang untuk memajukan diri sendiri dan jangan berputus asa sekiranya usaha kita tidak membuatkan hasil, sebaliknya cipta peluang untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan.

4.2.3 Rohani

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) menyatakan bahawa aspek rohani merupakan satu konsep yang bersifat dalaman yang berkait rapat dengan kerohanian, keperibadian diri atau hakikat insan itu sendiri. Hakikat insan merujuk kepada soal hakikat kejadian diri, tujuan kehidupan, kematian dan kehidupan sesudahnya dari sudut ontologinya. Dengan erti kata lain, sebagai orang Islam, tidak dinafikan bahawa al-Quran merupakan panduan dan rujukan penting dalam segenap aspek kehidupan kerana melalui amalan membaca, memahami dan mengamalkan isi kandungan kalam Allah SWT, ia berupaya menjadi inspirasi dan pemangkin semangat bagi masyarakat Islam untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan di dunia dan di akhirat (Sinar Harian, 2020). Menurut Abdullah Muhammad Zin (2023), Penasihat Agama

kepada Perdana Menteri, kerohanian merujuk kepada elemen hati (qalb) yang membawa kepada perkembangan personaliti manusia secara seimbang. Kerohanian adalah imuniti dan kawalan dalaman yang memainkan peranan membawa kebaikan. Hati dipenuhi kekuatan iman, taqwa, tawakal, sabar, ikhlas, jujur dan amanah yang membawa keredaan dan kesejahteraan. Tuntasnya, nilai kerohanian ini membolehkan manusia mempunyai akhlak dan tingkah laku yang baik serta memelihara nilai-nilai itu walau apa juga perubahan yang berlaku di persekitarannya. Oleh itu, pengkaji mengenal pasti cerita-cerita rakyat dalam teks yang diselenggarakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir iaitu Bawang Putih Bawang Merah, Angsa Berbulu Emas, Perahu Bunga Emas, Raja Kuyuk, Tukang Besi dan Tukang Kayu, Melor dan Melah, Kalimah Bismillah, Kaca Bertukar Emas, Bertukar Menjadi Batu, Tuhan Maha Adil, Pemilihan Pengganti serta Kelekatu Sombong yang mempunyai perkaitan dengan aspek rohani sebagai nilai pendidikan.

Aspek rohani yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Bawang Putih Bawang Merah. Hal ini jelas diperlihatkan dalam petikan 26 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Putera menghampiri Mak Kundur dan Bawang Merah lalu berkata, “Kamu berdua telah melakukan kesalahan iaitu, berbohong dan menganiaya saudara sendiri. Beta tak tahuolah kamu ini ibu jenis apa!” Mak Kundur dan Bawang Merah menangis dan meminta ampun. <u>Bawang Putih yang baik hati meminta putera itu mengampunkan mereka. Putera itu berasa kagum dan terharu mendengar permintaan Bawang Putih...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 20)

Petikan 26 menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek rohani iaitu sifat pemaaf ditonjolkan oleh watak Bawang Putih yang baik hati. Hal ini kerana dia memaafkan Mak Kundur dan Bawang Merah biarpun mereka telah melakukan kejahanan

ke atas dirinya berkali-kali. Cerita rakyat ini menunjukkan nilai pemaaf yang perlu ada dalam konteks kekeluargaan kerana boleh mengelakkan daripada terputusnya hubungan akibat berlakunya perselisihan dalam hubungan kekeluargaan. Meskipun pergaduhan di antara adik-beradik tidaklah dianggap sesuatu yang serius namun begitu pada era ini, kebanyakan punca pergaduhan adalah disebabkan isu harta pusaka di mana perkara ini harus dianggap serius berikutan perasaan ketidakpuasan hati dan berdendam adalah merupakan nilai-nilai yang patut dijauhi dari dalam diri manusia. Bagi perkaitan dengan aspek pendidikan, sebagai seorang pelajar, sikap pemaaf harus diterap dalam diri bagi menzahirkan keunggulan peribadi seorang pelajar yang cemerlang. Seseorang pelajar yang memiliki sikap pemaaf, secara tidak langsung hatinya akan bersih dan tenang. Hal ini kerana memaafkan bukan bermaksud tanda kita seorang yang lemah, tetapi Allah SWT juga akan menambahkan kemuliaan kepada diri kita. Sebagai seorang pelajar, kita cenderung akan berasa marah terhadap kawan-kawan yang mungkin jika bekerja satu kumpulan, mereka tidak memberi kerjasama untuk menjayakan kerja itu. Pun begitu, kita haruslah menegur dan menasihati cara kerja mereka daripada terus menerus berasa geram, marah, dendam dan beremosi sendirian. Oleh itu, cerita rakyat ini berjaya menggambarkan nilai pemaaf melalui watak Bawang Putih dan seharusnya diambil iktibar oleh masyarakat khususnya para pelajar.

Aspek rohani turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Angsa Berbulu Emas berdasarkan petikan 27 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Selepas dari hari itu, setiap hari angsa akan ke rumah wanita tersebut dan memberikan sehelai bulu emasnya. Kini hidup wanita itu dan anak-anaknya telah senang. Timbulah perasaan tamak di dalam hati wanita itu. Suatu hari dia berkata kepada dua orang anaknya, " <u>Ibu hendak cabut semua bulu emas angsa</u>

itu. Kita tak boleh percaya padanya. Mana tahu nanti dia tak datang lagi ke rumah kita.”...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 22)

Berdasarkan petikan 27, petikan menunjukkan watak seorang wanita yang tidak bersyukur dengan rezeki yang diperoleh dalam kehidupannya. Perasaan tamak telah menguasai dirinya sehingga dia tidak mengendahkan nasihat daripada dua orang anaknya. Sehubungan dengan itu, dia ingin mencabut kesemua bulu emas angsa tersebut sehingga akhirnya menyebabkan wanita itu menanggung akibat daripada perbuatannya itu. Watak wanita tersebut terlalu tamak dan telah menerima akibat iaitu satu kerugian yang tidak dapat diselamatkan lagi. Hal ini kerana angsa tersebut telah pergi dan meninggalkan tempat itu. Nilai Islam yang diutarakan dalam cerita rakyat ini sangat jelas yang mana ia mendidik umat Islam supaya sentiasa bersyukur dengan rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. Dapat dilihat kini, kita berada di zaman permodenan yang mana kesemua beralih ke teknologi canggih yang memerlukan rangkaian Internet dalam mengakses apa-apa info. Meskipun gajet memberikan banyak kelebihan, namun tidak dinafikan keburukan daripada medium ini juga tidak dapat ditandingi kerana ia banyak memberi pengaruh kepada pemikiran anak-anak. Dapat dilihat bagi membantu proses pembelajaran mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT), kerajaan memberikan peruntukan sebanyak RM450 juta dengan kira-kira menempah 350,000 unit peranti ‘tablet’ percuma kepada pelajar yang berada dalam kelompok keluarga B40. Hal ini bertujuan untuk membantu pembelajaran mereka untuk kelangsungan pendidikan ketika fasa peralihan endemik (Kementerian Komunikasi dan Digital, 2023). Program ini dijangka telah memberikan manfaat kepada kira-kira 600,000 ribu pelajar di samping program ini membuktikan keprihatinan kerajaan yang cakna dengan keperluan pembelajaran terutamanya bagi golongan B40 dalam membentuk komuniti digital Keluarga Malaysia. Sehubungan itu, nilai bersyukur dalam cerita rakyat ini memberi

cetusan rasa motivasi terhadap khalayak dan sekali gus membawa dorongan yang besar dalam pembentukan akhlak kepada masyarakat.

Selain itu, Perahu Berbunga Emas juga memperlihatkan aspek rohani dalam petikan 28 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Wali itu pergi ke rumah pembesar dan memintanya memulangkan harta benda rakyat. Tetapi pembesar tidak mengendahkan permintaannya. Sebaliknya pembesar memaki hamun dan menghalau wali keluar dari rumahnya. Pengikut pembesar turut menyepak terajang wali. Wali juga dihukum keluar daripada negeri itu. Wali yang berasa sangat sedih dengan perlakuan pembesar dan pengikutnya lalu bersumpah, “Perahu yang membawa harta benda kepunyaan rakyat yang diambil secara paksa oleh pembesar tidak akan sampai ke tangan Maharaja Siam. <u>Dengan izin Allah, perahu itu akan Tenggelam!</u> ” <u>Dengan sekelip mata sahaja, perahu yang sarat dengan harta benda rakyat itu tenggelam...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 25)

Berdasarkan petikan 28 di atas, nilai pendidikan melalui aspek rohani telah diperlihatkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Perahu Berbunga Emas. Cerita rakyat ini mengisahkan seorang wali yang menyuruh para pembesar memulangkan semula harta benda yang dikutip kepada rakyat kembali. Wali melarang para pembesar memungut harta benda rakyat kerana rakyat telah menderita disebabkan perbuatan mereka tersebut. Pembesar telah melakukan perbuatan yang keji terhadap niat baik wali tersebut. Doa yang wali mohon kepada Allah SWT telah berjaya menggelamkan kapal tersebut. Sebagai seorang pelajar, kita tidak digalakkan mengambil hasil kerja orang lain kemudian mendakwa kerja tersebut dibuat hasil dari titik peluh kita sedangkan orang lain yang bersusah payah menyiapkan kerja tersebut. Perkara ini biasanya terjadi di dalam bidang

reka fesyen (*fashion designer*) di mana sikap menciplak hasil kerja orang dan mendakwa itu hasilnya sendiri kerap terjadi. Tidak dinafikan sekiranya kita mengambil ilham daripada ilustrasi fesyen pereka masih dianggap normal, namun janganlah menciplak sebulat-bulatnya hasil titik peluh orang lain yang bersusah payah memerah tenaga untuk memikirkan sesuatu karakter rekaan bagi menarik orang ramai untuk membeli produk tersebut.

Cerita rakyat yang bertajuk Raja Kuyuk memaparkan aspek rohani dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 29 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Raja Kuyuk berasa hairan lalu bertanya kepada raja Brunei Sultan Hasyim, "Maaf jika beta bertanya, apakah yang kamu sema lakukan itu?" Sultan Hasyim pun menjawab, <u>Kami semua mengerjakan sembahyang lima waktu. Kami menyembah Tuhan kami yang Maha Esa Allah SWT. Allah yang mencipta langit dan bumi, mencipta segala makhluk di langit mahupun di bumi. Kami semua beragama Islam.</u> " Raja Kuyuk tertarik mendengar penjelasan Sultan Hasyim lalu menyatakan hasrat untuk menganut agama Islam. Perasaan Raja Kuyuk bertambah tenang setelah menganut agama Islam. Rezeki Raja Kuyuk dan rakyat jelatanya melimpah ruah setelah menganut agama Islam...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 54)

Berdasarkan petikan 29 di atas, cerita rakyat menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek rohani yang dimiliki oleh Sultan Hashim dan pengikut-pengikutnya. Sultan Hashim dan pengikut-pengikutnya amanah dalam mengerjakan suruhan dan perintah Allah SWT iaitu mengerjakan solat lima waktu sehari semalam walaupun sibuk dengan urusan pentadbiran. Perbuatan ini mencerminkan bahawa orang Islam yang taat dengan perintah Allah SWT bagi memastikan beliau mendapat sebuah kehidupan yang bahagia

di dunia dan di akhirat. Agama Islam mewajibkan semua umat-Nya menunaikan sembahyang untuk mendapat syafaat di dunia dan di akhirat. Nabi Muhammad SAW merupakan nabi terakhir yang diutuskan oleh Allah SWT untuk membimbing manusia ke arah kebenaran. Umat Nabi Muhammad telah diperintahkan untuk mengerjakan solat lima waktu setiap hari. Perkara ini merupakan kelebihan dan anugerah Allah SWT kepada umat nabi Muhammad kerana solat akan memberi perlindungan di hari pembalasan kelak. Sebagai contoh, sememangnya di setiap sekolah sudah dipraktikkan untuk membaca Yassin setiap pagi di tapak perhimpunan sebelum memulakan sesi P&P malahan sebelum waktu pulang, pelajar-pelajar dikehendaki menunaikan solat fardhu Zohor secara berjamaah terlebih dahulu.

Aspek rohani telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Tukang Besi dan Tukang Kayu berdasarkan petikan 30 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...“Kamu berdua mesti pindah dari sini. Kerja yang kamu lakukan terlalu bising dan saya tidak menyukainya,” kata orang kaya itu. Mereka tidak mahu berpindah kerana tempat itu milik mereka yang diwarisi daripada datuk nenek mereka lagi. Pagi esoknya, orang kaya mendengar bunyi bising. Tukang besi dan tukang kayu masih lagi melakukan kerja mereka. Apabila dia buka tingkap, dia menepuk dahinya lalu terduduk. <u>Dia melihat tukang besi berpindah ke tapak tukang kayu. Tukang kayu pula berpindah ke tapak tukang besi.</u> <u>Tahulah orang kaya bahawa dia tidak boleh menyekat rezeki orang lain...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 70)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Tukang Besi dan Tukang Kayu telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek rohani. Watak tukang besi dan tukang kayu ini telah disuruh oleh orang kaya untuk keluar daripada kawasan tersebut. Orang

kaya tersebut mengatakan bahawa kerja-kerja tersebut telah menganggu dirinya kerana tukang kayu dan tukang besi terlalu bising. Walaupun telah disuruh keluar oleh orang kaya, orang kaya menyedari bahawa dia tidak boleh menyekat rezeki orang lain kerana Allah SWT yang memberikan rezeki kepada hambanya bukannya manusia. Bagi memperkaitkan dengan situasi kini, zaman sekarang banyak manusia yang memperlekehkan kerja atau rezeki seseorang di platform media sosial. Sebagai contoh, dapat dilihat di media sosial sering kali dikongsikan oleh graduan lepasan universiti yang sementara mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, mereka bekerja terlebih dahulu di restoran makanan, stesen minyak, kedai runcit dan lain-lain tempat yang tidak setanding dengan sijil sama ada diploma mahu pun ijazah. Golongan ini biasanya mendapat kecaman dan kritikan bukan sahaja daripada orang luar, tetapi juga dalam golongan ahli keluarga mereka sendiri sedangkan mereka semua alpa bahawa rezeki seseorang itu datangnya daripada Allah SWT. Justeru itu, janganlah kita memperlekehkan kehidupan seseorang kerana kita tidak tahu nasib kita kelak dan kita tidak tahu kesusahan dan kepayahan mereka mencari pekerjaan namun masih tiada rezeki.

Seterusnya, aspek rohani juga dapat dilihat berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Melor dan Melah seperti petikan 31 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	... “Mari saya turunkan kayu di atas kepala nenek dahulu,” kata Melor. Kemudian dia memberikan air kepada wanita tua itu untuk diminum. Setelah itu, dia mengangkat kayu dan meletakkannya di atas kepala wanita tua itu semula. <u>“Baik sungguh hati kamu, cu. Deritamu akan berakhir tidak lama lagi.</u> Sekarang setiap kali kamu membuka mulut, mulut kamu akan berbau harum. Malah sekuntum bunga dan batu permata akan keluar dari mulut kamu,” kata wanita tua itu...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 75)

Berdasarkan petikan cerita tersebut, dapat dilihat nilai pendidikan melalui aspek rohani. Dapat dilihat melalui cerita rakyat bertajuk Melor dan Melah ini menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek rohani iaitu tolong-menolong di antara watak Melor dengan watak seorang perempuan tua. Watak Melor yang membantu melepaskan perempuan tua itu daripada kesusahan akibat ditimpa oleh kayu di atas badannya membuatkan perempuan tua itu membala jasa Melor dengan memberikan hadiah seperti apabila Melor membuka mulut, mulutnya akan keluar sekuntum bunga dan batu permata di samping mulutnya juga akan berbau harum. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat ini jelaslah membuktikan bahawa sikap Melor yang telah menolong perempuan tua ini merupakan suatu perlakuan yang mulia dan sememangnya nilai murni ini harus dicontohi oleh pelajar-pelajar. Dalam konteks ini, pelajar-pelajar boleh mengamalkan nilai murni ini dalam diri dan kehidupan mereka supaya mereka. Misalnya, pelajar-pelajar boleh meringankan beban guru dengan membantu guru mengangkat buku-buku ke bilik darjah meskipun tidaklah mendapat perbalasan hebat seperti Melor namun, pahala menolong guru itu sudah cukup untuk menjadikan kita sebagai individu yang mulia.

Pemilihan Pengganti juga memperlihatkan aspek rohani dalam petikan 32 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
RohaniSetelah memastikan semua orang tiada, mereka pun memetik buah mempelam itu. Setelah itu mereka menyerahkan mempelam itu kepada tuan guru mereka. Tuan guru pun mengumpulkan kesemua muridnya. Namun, seorang muridnya bernama Kadim tidak kelihatan. Tuan guru dan anak muridnya yang lain menunggu kehadiran Kadim. “ <u>Kadim, mana buah mempelam kamu? Kenapa kamu tidak bawa ke sini?</u> ” tanya tuan guru. “Saya tidak dapat petik buah mempelam di dusun tuan guru kerana Allah Maha Melihat.”

	<p><u>kata Kadim.</u> Tuan guru amat berpuas hati dengan Kadim lalu melantiknya sebagai pengganti. Murid-murid yang lain juga bersetuju dengan pelantikan Kadim...</p>
--	--

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 77)

Berdasarkan petikan 32 di atas, dapat dilihat nilai pendidikan melalui aspek rohani. Kadim seorang anak murid kepada tuan guru silat yang sudah tua di mana dirinya mencari pengganti dengan menyuruh anak-anak muridnya memetik buah mangga tanpa dilihat oleh seorang pun. Semua anak muridnya memetik buah tersebut tetapi Kadim tidak memetiknya. Hal ini dapat membuktikan bahawa cerita rakyat ini mempunyai nilai pendidikan melalui aspek rohani yang bersesuaian dengan FPK. Aspek rohani ini telah memperlihatkan watak Kadim ini tidak memetik buah mangga di dusun tuan guru kerana Allah Maha Melihat segala gerak-geri dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh manusia diketahui oleh Allah SWT. Sebagai seorang pelajar yang mempunyai aspek rohani, mereka perlu sedar akan perbuatan mereka sentiasa di bawah pengawasan Allah SWT. Sebagai contoh, ada sesetengah pelajar yang meniru ketika di dalam dewan peperiksaan, meskipun pengawas yang menjaga tidak berjaya menangkap pelajar yang meniru namun ketahuilah bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi tindak tanduk setiap umatnya dan perbuatan meniru ini merupakan perbuatan yang tidak baik. Hal ini kerana, pelajar yang berbangga dengan hasil keputusan menirunya lebih teruk berbanding pelajar yang mendapat keputusan gagal dengan hasil usahanya sendiri. Ini bermakna, pelajar tersebut akan lebih berusaha untuk mengulang kaji pelajaran kerana dia sudah tahu kelemahan dirinya dalam bab-bab yang tidak dapat ‘score’.

Aspek rohani turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Kalimah Bismillah berdasarkan petikan 33 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Petang itu, sewaktu ingin menanak nasi, Kenanga membaca Bismillah lalu menyelukkan tangannya untuk mencedok beras. Tiba-tiba, dia terpegang sesuatu. Dia pun menjerit. Alangkah terkejutnya Kenanga apabila melihat gelang emas. Jali yang terdengar jeritan itu lantas tergopoh-gapah ke dapur. Rupa gelang emas itu serupa dengan ular yang dimasukkannya ke dalam tempayan. "Maafkan abang, Kenanga. Niat abang tidak baik. Sekarang baru abang sedar. <u>Rupa-rupanya kalimah Bismillah itulah yang menjadikan ular itu bertukar menjadi gelang emas. Mulai sekarang, abang juga akan membaca Bismillah setiap kali memulakan sesuatu kerja,</u> " kata Jali...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 93)

Berdasarkan petikan cerita rakyat yang bertajuk Kalimah Bismillah di atas, nilai pendidikan dapat dilihat melalui aspek rohani. Watak Kenangan merupakan seorang yang sentiasa memulakan sesuatu perkara dengan mengucapkan Bismillah akan tetapi tindakan yang dilakukan oleh Kenanga ditentang oleh suaminya, Jali yang sentiasa merungut apabila isterinya membaca Bismillah dan meletakkan ular ke dalam tempayan. Ular tersebut bertukar menjadi emas kerana Kenanga yang selalu membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan sesuatu kerja. Tidak dinafikan di dalam Islam, kita sebagai muslim haruslah sentiasa mengamal amalan membaca Bismillah dalam melakukan sesuatu perkara selagi ianya tidak bertentangan dengan syarak seperti sebelum makan, sebelum tidur, di awal doa dan sebagainya. Hal ini kerana keberkatan Yang Maha Esa akan menjadikan hidup kita akan sentiasa di bawah rahmatNya. Perkara ini jelas memperlihatkan ganjaran seorang muslim khususnya individu bergelar pelajar yang

sentiasa bertawakal dan mengingati Allah SWT dengan sentiasa membaca kalimah Bismillah sebelum memulakan apa jua kerja.

Di samping itu, Kaca Bertukar Emas juga memperlihatkan aspek rohani dalam petikan 34 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Dia berdoa dengan kuat selama tiga malam berturut-turut. Jirannya yang merupakan seorang yang kaya tidak dapat tidur dengan lena lalu mengumpulkan botol-botol kaca di dalam sebuah guni dan mencampakkannya ke dalam pondok wanita tua itu. <u>Apabila wanita tua itu membuka guni itu, alangkah terkejutnya din apabila mendapati wang emas bertimbun-timbun di dalamnya wanita tua mengucapkan syukur...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 96)

Petikan 34 di atas jelas menggambarkan nilai pendidikan melalui aspek rohani. Watak wanita tua tersebut telah memperlihatkan aspek rohani yang bertepatan dengan konsep FPK. Watak wanita tua ini juga merupakan seorang yang miskin tetapi tetap memikirkan nasib ikan haruan walaupun dirinya terlalu lapar dan dahaga. Aspek rohani yang dipaparkan oleh wanita ini adalah sifat bersyukur ke atas pemberian Tuhan kepada dirinya. Hal ini kerana dia tidak pernah mengeluh dengan rezeki yang diberikan oleh Tuhan walaupun hidupnya serba kekurangan. Bagi memperkaitkan dengan pelajar, seorang pelajar seharusnya bersyukur dengan setiap rezeki yang dia dapat dan janganlah mempersoalkan rezeki orang lain. Sebagai contoh, rezeki orang lain ketika dia mendapat keputusan cemerlang meskipun kita tidak mendapat keputusan cemerlang, seharusnya kita mestilah sentiasa bersikap positif dan percaya pada rezeki Allah SWT. Kita seharusnya bertanyakan cara-cara pelajar cemerlang tersebut belajar sama ada jadual pembelajarannya dan aktiviti hariannya agar kita turut bersama-sama mendapatkan keputusan yang baik kelak. Sifat bersyukur oleh seorang pelajar dapat menggambarkan

pelajar tersebut mempunyai nilai tambah yang berguna dalam kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, para pelajar boleh menjadikan cerita rakyat bertajuk Kaca Bertukar Emas sebagai refleksi diri mengenai sentiasa bersyukur ke atas setiap pemberian Tuhan.

Aspek rohani yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Bertukar Menjadi Batu. Hal ini boleh dilihat melalui petikan 35 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...Sebenarnya dia mempunyai niat buruk. Sebaik sahaja belayar, dia pun meminta semua perwira itu mengeluarkan minuman keras. Mereka ingin berpesta dan mabuk sepanjang malam. Tetapi Putera Cham tidak menyedari bahawa guru agamanya juga turut bersembunyi di atas kapal itu. <u>Apabila mengetahui niat buruk Putera Cham itu, guru agamanya lantas menegahnya. Namun, tegahannya itu tidak diendahkan malah dia memaki dan menyebat gurunya itu sehingga meninggal dunia.</u> Tiba-tiba, cuaca berubah. Ribut taufan melanda. Kapal Putera Cham terumbang-ambing. Dengan tidak semena-mena, kakinya tidak dapat bergerak. Kapal dan seluruh isinya bertukar menjadi batu...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 122)

Berdasarkan petikan 35 di atas, cerita rakyat yang bertajuk Bertukar Menjadi Batu mempunyai nilai pendidikan melalui aspek rohani. Watak Putera Cham telah memperlihatkan dia sanggup melakukan apa sahaja demi kepuasaan nafsu dan kehendaknya sehingga sanggup membunuh. Dia telah membunuh guru agamanya setelah gurunya menasihati agar menghentikan niat untuk berpesta dan meminum minuman keras yang dilakukan oleh Putera Cham tersebut. Cerita rakyat ini telah menggambarkan setiap perkara yang berlaku akan ada balasan oleh Tuhan sama ada di dunia atau di akhirat. Sebagai seorang pelajar, cerita rakyat ini boleh dijadikan cerminan moral kepada mereka yang mempunyai niat yang jahat ke atas individu yang lain. Hal ini kerana setiap

perbuatan jahat kita akan balasan yang ditunggu kita pada masa depan. Dengan mengambil contoh yang sama seperti petikan aspek rohani di atas, kes yang mengemparkan di Malaysia iaitu kes bunuh arwah Zulfarhan Osman telah menyayat hati setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Padahal perbuatan membuli sesama rakan sendiri, enam penuntut universiti akhirnya disabitkan atas kesalahan membunuh tanpa niat manakala 12 pelajar lagi disabitkan atas kesalahan menyebabkan kecederaan dengan Seksyen berbeza. Perkara ini berlaku disebabkan cerminan moral mereka yang tipis. Justeru itu, cerita rakyat ini sangat bertepatan dengan konsep FPK iaitu mempunyai nilai pendidikan melalui aspek rohani.

Cerita rakyat yang bertajuk Tuhan Maha Adil juga memperlihatkan aspek rohani dalam petikan 36 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...“Adakah patut batang pokok labu yang sebesar jari itu, buahnya sebesar buyung?” rungut Lela. Kemudian dia terus berjalan sehingga tiba di bawah pokok keranji. Lela bersandar pada perdu pokok itu lalu merungut lagi, “Memang Tuhan tidak adil! Adakah patut pokok keranji besar begini buahnya kecil?” Tiba-tiba sebiji buah keranji jatuh di atas kepala Lela. Sambil mengusap kepalanya, Lela berkata, “Mujur buah keranji ini kecil. Jika sebesar labu, habislah kepalamu pecah!” <u>Ketika itu barulah Lela sedar bahawa Tuhan Maha Adil. Setiap yang dijadikan ada hikmahnya. Lela insaf dan berjanji untuk membaiki hidupnya.</u> Sejak itu, Lela tidak lagi malas bekerja...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 152)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Tuhan Maha Adil, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek rohani. Watak Buyung telah menggambarkan seorang pemuda yang tidak tahu bersyukur akan pemberian Tuhan. Watak Buyung juga mempercayai bahawa Tuhan tidak pernah adil terhadap dirinya.

Buyung menjadi seorang yang bersyukur dan tidak mempertikai keadilan Tuhan setelah buah keranji yang kecil jatuh di atas kepalanya. Hal ini bertepatan dengan konsep FPK iaitu nilai pendidikan melalui aspek rohani yang harus sentiasa bersyukur ke atas pemberian Tuhan. Bagi memperkaitkan dengan pelajar, zaman sekarang banyak pelajar yang tidak tahu mensyukuri setiap kejayaan yang dicapai oleh mereka lalu mempertikaikan kejayaan mereka tersebut. Pelajar-pelajar yang mempunyai aspek rohani yang bagus, dia akan sentiasa mensyukuri setiap keputusan yang diperoleh semasa peperiksaan atau kehidupan dan percaya setiap yang terjadi pasti ada hikmah disebaliknya. Cerita rakyat ini boleh menjadikan para pelajar mempunyai “kepercayaan kepada Tuhan” yang selaras dengan matlamat FPK serta Rukun Negara. Justeru itu, pelajar-pelajar harus mempelajari sifat bersyukur ke atas semua perkara walaupun perkara tersebut tidak yang diharapkan oleh mereka.

Aspek rohani turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Kelekatu Sombong berdasarkan petikan 37 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Rohani	...“Kawan-kawan, mari kita terbang dekat dengan api obor itu,” kata salah seekor kelekatu. “Tak mahulah, kami tak berani nak terbang dekat dengan api obor itu,” jawab kelekatu-kelekatu lain. “Penakut betul kamu semua ini. <u>Biar aku seorang pergi terbang dekat dengan api obor itu,</u> ” kata kelekatu itu dengan sompong. <u>Dia pun dengan pantas terbang menuju api obor.</u> <u>Apa lagi sampai sahaja pada api itu, kedua-dua sayapnya terbakar.</u> Kelekatu itu tidak boleh terbang lagi. Dia jatuh ke lantai...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 206)

Berdasarkan petikan di atas, nilai pendidikan iaitu aspek rohani dapat dilihat melalui watak seekor kelekatu yang sompong. Cerita rakyat ini memperlihatkan seekor

kelekatu yang tidak mengambil endah akan nasihat kelekatu-kelekatu lain supaya tidak cuba mendekati api obor tersebut. Sifat sompong dan megah oleh kelekatu tersebut yang mendekati api obor telah menyebabkan kedua-dua sayapnya terbakar serta tidak mampu untuk terbang lagi. Cerita rakyat ini jelas menunjukkan sikap sompong dan megah diri akan memakan diri sendiri dan juga orang lain. Bagi memperkaitkan dengan pelajar zaman sekarang, mereka dinasihati supaya sentiasa mempraktikkan sikap rendah diri dalam kehidupan. Hal ini kerana sekiranya para pelajar mempraktikkan sikap ini mereka akan lebih selesa untuk didekati oleh rakan-rakan yang lain. Sebagai contoh, seorang pelajar yang mendapat keputusan akademik yang cemerlang sentiasa memberi tunjuk ajar kepada pelajar yang sedikit lemah dalam akademik. Perkara ini akan menyebabkan pelajar yang lemah tersebut tidak malu untuk menanyakan soalan-soalan kepada pelajar yang cemerlang kerana dia mempunyai sikap rendah diri. Para pelajar boleh menjadi cerita rakyat ini sebagai sebuah refleksi diri tentang kehidupan. Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan melalui aspek rohani ini amat penting agar para pelajar dapat menjalani kehidupan yang harmoni.

4.2.4 Intelek

Intelek seseorang individu berkait rapat dengan aspek jasmani, emosi dan rohani. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), intelek bermaksud kemampuan daya berfikir dan memahami atau menganalisis sesuatu perkara. Individu yang memiliki mental yang sihat semestinya berupaya berfikir dan memahami dengan jelas segala arahan, ilmu dan mampu bertindak dengan aktif. Potensi intelek merupakan keupayaan mental iaitu yang berkaitan dengan akal dan daya fikir yang dimiliki oleh seseorang. Sehubungan dengan itu, cerita-cerita rakyat yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dipilih oleh pengkaji iaitu Pelanduk Yang Bijak, Si Luncai dengan

Labunya, Sang Kancil dengan Buaya, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, Monyet dengan Kura-kura, Penjual Cepiau dengan Monyet, Bangau dan Ketam, Harimau Ditipu Kancil, Kancil Yang Bijak, Keldai dengan Serigala, Bulan Dua dan Rajin Berusaha yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek intelek.

Aspek intelek yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Pelanduk Yang Bijak. Hal ini jelas diperlihatkan dalam petikan 38 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Pelanduk yang melihat lelaki itu datang, berpura-pura mematikan diri. Dia menahan nafas dan mulutnya berbuih. “Sayang betul pelanduk ini sudah mati,” kata lelaki itu lagi. Dia pun membuka tali jerat pada kaki pelanduk lalu menghumbannya ke dalam semak. <u>Apabila berasa sudah selamat, pelanduk itu segera mlarikan diri. Lelaki itu berasa marah kerana ditipu oleh pelanduk yang bijak...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 8)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Pelanduk Yang Bijak, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui intelek. Pelanduk tersebut telah memperlihatkan intelek kepandaian dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Dapat dilihat pelanduk yang cuba menipu seorang lelaki yang ingin memburunya dan tipu helahnya berjaya memperdayakan lelaki tersebut. Sebagai seorang pelajar, kita haruslah berfikiran kreatif dan cepat bertindak sekiranya kita menghadapi sesuatu situasi yang memerlukan kita berfikir di luar kotak. Dalam dunia pasaran kerja kini, kreativiti dan inovasi adalah dua perkara yang sangat diperlukan tidak kira sama ada sektor kerajaan maupun sektor swasta. Tidak dinafikan sekiranya pelajar mempunyai kebolehan seperti ini, sudah pasti perkara ini menjadi nilai tambah kepada diri mereka untuk bersaing dengan calon temuduga yang lain. Justeru itu, kepandaian seseorang itu bukan sahaja dari

sudut akademik, tetapi kepandaian seseorang dilihat dari pelbagai aspek termasuk cara seseorang itu berfikir dan menyelesaikan sesuatu permasalahan.

Cerita rakyat yang bertajuk Si Luncai dengan Labunya memaparkan aspek intelek dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 39 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	<p>...Tiba-tiba, dari dalam guni terdengar suara, “Si Luncai terjun dengan labu-labunya. Biarkan! Biarkan!” Rupa-rupanya, Si Luncai yang menyanyi. Orang-orang suruhan raja tertarik mendengar nyanyian Si Luncai itu. Beberapa orang daripada mereka mula menyanyi, “Si Luncai terjun dengan labu-labunya!” Beberapa orang yang lain pula menjawab, “Biarkan! Biarkan!” Mereka menyanyikan lagu itu berulang-ulang kali sehingga mereka semua terleka. Melihat keadaan itu, <u>Si Luncai pun keluar daripada guni lalu mengisikan beberapa biji labu ke dalam guni sebagai ganti</u>. Selepas itu, dia terjun dari perahu dengan memegang dua biji labu air sebagai pelampung dan berenang ke daratan berhampiran. Apabila sampai di tengah laut, orang-orang suruhan raja pun mencampakkan guni itu ke dalam laut. Mereka menyangka Si Luncai telah mati lalu memberitahu hal itu kepada raja. Yang sebenarnya, Si Luncai telah selamat tiba di tepi pantai...</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 10)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Si Luncai dengan Labunya, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui intelek. Si Luncai telah memperlihatkan intelek kepandaian dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Dapat dilihat Si Luncai yang memperdayakan orang suruhan raja sehingga mereka tidak perasan bahawa dia telah pun berjaya menyelamatkan diri daripada perahu mereka. Sebagai seorang pelajar, kita haruslah berfikiran kreatif dan cepat bertindak sekiranya kita menghadapi sesuatu situasi yang memerlukan kita berfikir di luar kotak. Dapat dilihat

si Luncai yang terjun bersama-sama labu-labunya untuk dijadikan sebagai alat pelampung menunjukkan bahawa dia seorang yang berinovasi. Dalam dunia pasaran kerja kini, kreativiti dan inovasi adalah dua perkara yang sangat diperlukan tidak kira sama ada sektor kerajaan maupun sektor swasta. Tidak dinafikan sekiranya pelajar mempunyai kebolehan seperti ini, sudah pasti perkara ini menjadi nilai tambah kepada diri mereka untuk bersaing dengan calon temuduga yang lain. Justeru itu, kepandaian seseorang itu bukan sahaja dari sudut akademik, tetapi kepandaian seseorang dilihat dari pelbagai aspek termasuk cara seseorang itu berfikir dan menyelesaikan sesuatu permasalahan.

Selain itu, Sang Kancil dengan Buaya juga memperlihatkan aspek rohani dalam petikan 40 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Tiba-tiba, Sang Kancil melihat seekor buaya. Dia lalu mendapat satu akal. "Wahai sekalian buaya! Aku telah diperintakan oleh Raja Sulaiman untuk mengira bilangan kamu semua. Raja Sulaiman hendak memberikan anugerah kepada kamu. Cepat berbaris dari sebelah sini hingga ke seberang sungai sana!" kata Sang Kancil. Setelah semua buaya siap beratur, <u>Sang Kancil pun melompat ke atas kepala setiap buaya itu sambil bernyanyi, "Satu dua tiga lekuk, jantan betina aku ketuk. Empat lima enam dan tujuh, lapan sembilan dan sepuluh!"</u> Sang Kancil menyanyi dengan riang sehingga tiba <u>di seberang sungai.</u> Dia melompat ke tebing lalu berpaling ke arah buaya-buaya dan berkata, "Terima kasih wahai buaya sekalian kerana telah menunaikan permintaan Raja Sulaiman. Sekarang kamu semua boleh bersurai!" Kemudian Sang Kancil menuju ke pokok jambu air yang merah buahnya dan makan dengan gembira...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 12)

Berdasarkan petikan 40 di atas, cerita rakyat yang bertajuk Sang Kancil dan Buaya telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui intelek. Watak Sang Kancil telah memperlihatkan aspek pemikiran intelek dalam cerita rakyat yang bertepatan dengan FPK. Watak Sang Kancil ini dapat dilihat memperdayakan buaya-buaya dengan agar dirinya boleh merentasi sungai tanpa sebarang masalah dan memakan jambu air dengan gembira. Bagi memperkaitkan dengan seorang pelajar, kita perlu berfikiran secara kreatif serta cepat bertindak jika kita mengalami sebarang masalah yang memerlukan kita berfikir di luar kotak. Seseorang pelajar yang mempunyai kemampuan daya fikir, memahami dan menganalisis sesuatu perkara dengan baik merupakan seorang pelajar yang cemerlang. Kecemerlangan seseorang tidak bergantung kepada prestasi akademik semata-mata tetapi merangkumi kesemua aspek termasuk pemikiran intelek. Sebagai contoh, pelajar-pelajar dapat menghasilkan idea-idea yang baru serta segar dalam penulisan mereka ketika menjawab peperiksaan atau membuat tugas supaya idea-idea mereka dapat digunakan bagi memanfaatkan masyarakat setempat. Oleh itu, pemikiran intelek sememangnya menjadikan seseorang pelajar itu sebagai pelajar yang cemerlang.

Mengapa Pinggang Kerengga Ramping juga memperlihatkan aspek intelek dalam petikan 41 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Akhirnya Raja Kerengga memberikan satu penyelesaian yang berasas. Raja Kerengga bertitah, “Beta mahu semua rakyat mengikat perut kuat-kuat. <u>Jika perut dikat, kita akan rasa kurang lapar. Beta sudah mencubanya.</u> ” Semua rakyat kerengga taat kepada perintah raja mereka. Mereka mengikat perut masing-masing. Mereka berasa gembira kerana cara itu memang berkesan. Apabila banjir telah surut, mereka pun dapat mencari makanan seperti biasa. Mereka semua membuka ikatan...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 15)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Mengapa Pinggang Kerengga Ramping, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Raja Kerengga telah menunjukkan pemikiran intelek dalam cerita rakyat ini selaras dengan matlamat konsep FPK. Petikan ini dapat melihat Raja Kerengga seorang yang mempunyai bertanggungjawab dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat-rakyat sekali gus menyelamatkan nyawa rakyat-rakyatnya daripada mati kelaparan. Raja Kerengga juga digambarkan sebagai watak yang mempunyai pemikiran intelek kerana Raja Kerengga menganalisis dan memahami masalah semua serta beliau juga membuat keputusan yang boleh menentukan nasib rakyat-rakyatnya serta diri sendiri. Bagi memperkaitkan dengan pelajar, para pelajar yang menjadi ketua dalam sesuatu tugas atau persatuan perlu mempunyai kemampuan daya fikir yang tinggi supaya sebarang masalah yang dihadapi suatu hari nanti dapat diselesaikan tanpa sebarang masalah serta campur tangan daripada pihak luar. Hal ini kerana sememangnya tanggungjawab sebagai seorang ketua dalam memastikan pengikut-pengikutnya berada dalam keadaan baik serta setiap perancangan berjalan seperti yang dirancang. Para pelajar yang mempunyai pemikiran intelek ini telah membuktikan bahawa kecemerlangan yang dipaparkan dalam akademik seharusnya selaras dengan kebolehan pemikiran intelek.

Aspek intelek turut dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk Monyet dengan Kura-kura berdasarkan petikan 42 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Sampai di tengah sungai, kura-kura berkata kepada monyet, “Sebenarnya monyet, aku perlukan hati kamu untuk mengubati isteriku yang sedang sakit.” <u>Monyet lalu memikirkan helah untuk menyelamatkan dirinya.</u> Ia berkata, “Hati aku tertinggal di pohon jambu air tadi. Jika kamu betul-betul

memerlukannya, marilah kita berpatah balik.” Kura-kura pun membawa monyet ke tebing sungai. Tiba sahaja di tebing, monyet terus melompat ke atas dahan pokok jambu air lalu berteriak, “Selamat tinggal wahai sahabatku! Aku tidak perlukan sahabat seperti kamu lagi!”...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:

hlm 15)

Berdasarkan petikan 42 di atas, cerita rakyat ini dapat memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Watak monyet ini telah menunjukkan aspek intelek yang bertepatan dengan konsep FPK. Watak monyet ini dilihat cuba menyelamatkan diri daripada tipu helah yang ditunjukkan oleh kura-kura yang ingin mengambil hati monyet sebagai ubat kepada isterinya yang sedang sakit. Dapat dilihat watak monyet mencari helah untuk menyelamatkan dirinya daripada memberikan hati kepada kura-kura dengan mengatakan hatinya tertinggal di atas pokok lalu monyet berjaya menyelamatkan diri. Sebagai seorang pelajar, sudah semestinya akan ada seseorang yang cuba untuk mempergunakan kita sebagai seorang rakan. Hal ini kerana manusia itu mempunyai sifat ego yang mana dia merasakan dia perlu mendapatkan sesuatu tanpa memikirkan hati dan perasaan orang lain meskipun perkara tersebut mendatangkan kemudaratan kepada orang tersebut. Pun begitu, sekiranya kita mempunyai rakan seperti itu, kita haruslah menjauhi darinya kerana rakan tersebut tidak akan membawa manfaat kepada kita. Di dalam situasi seperti ini, kita haruslah berfikiran kreatif dan cepat bertindak sekiranya kita menghadapi sesuatu keadaan yang memerlukan kita berfikir di luar kotak. Para pelajar boleh menjadikan watak monyet ini sebagai teladan yang berguna dalam membuat satu keputusan yang telah menyelamatkan nyawanya. Sehubungan dengan itu, pemikiran intelek yang bagus dapat membolehkan kita berfikir secara kritikal dalam membuat keputusan.

Seterusnya, aspek intelek juga dapat dilihat berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Penjual Cepiau dengan Monyet seperti petikan 43 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Monyet-monyet yang memakai cepiaunya pun meniru perbuatan Si Dogol. Mereka juga menghentak-hentak kaki ke tanah. <u>Si Dogol mendapat akal. Dia membaling cepiaunya ke tanah lalu dikuti oleh semua monyet.</u> Si Dogol cepat-cepat memungut cepiaunya yang jatuh ke tanah dan memasukkan ke dalam bakul. Dia terus berlari meninggalkan tempat itu kerana takut dikejar monyet-monyet dan terus menuju ke pekan...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:

hlm 19)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Penjual Cepiau dengan Monyet, petikan tersebut memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Si Dogol telah menunjukkan aspek intelek dalam cerita rakyat ini yang bersesuaian dengan FPK. Hal ini dapat dilihat Si Dogol yang memperdayakan monyet-monyet yang memakai cepiaunya. Sebagai seorang manusia yang mempunyai akal fikiran, sudah pasti kita mengetahui bahawa tindak tanduk kita akan diikuti oleh monyet seperti yang digambarkan dalam cerita rakyat ini. Justeru itu, Si Dogol mendapat idea di mana dia membaling cepiaunya dan monyet-monyet tersebut meniru aksinya lalu Si Dogol mendapat kembali cepiaunya. Bagi memperkaitkan dengan situasi pelajar, para pelajar harus sentiasa berfikir secara kreatif dalam melakukan sesuatu perkara yang tidak boleh dijangka oleh orang lain mengikut situasi yang bersesuaian. Para pelajar boleh menjadikan Si Dogol sebagai contoh di mana dia seorang yang berfikir secara kreatif ketika menghadapi kesusahan iaitu monyet tersebut telah memakai cepiaunya. Justeru itu, kepintaran seseorang itu dapat dilihat dari pelbagai aspek termasuk cara seseorang itu berfikir dan menyelesaikan sesuatu masalah.

Aspek intelek yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Bangau dan Ketam. Hal ini boleh dilihat melalui petikan 44 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Kali ini tiba giliran bangau membawa ketam. Ketam lalu berpaut pada leher bangau dan terbang. <u>Dari jauh, ketam dapat melihat longgokan tulang-tulang ikan di tebing sungai.</u> <u>Fahamlah ketam bahawa bangau telah memperdayanya.</u> <u>Dengan pantas, ia menyepit leher bangau.</u> Bangau mengerang kesakitan dan terpaksa melepaskan ketam. Ketam segera kembali ke kolam...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 28)

Berdasarkan petikan 44 di atas, cerita rakyat ini dapat dilihat nilai pendidikan melalui aspek intelek. Watak ketam telah memperlihatkan aspek intelek yang selaras dengan konsep FPK. Hal ini dapat dilihat watak Ketam yang cuba menyelamatkan dirinya menjadi mangsa makanan bangau yang membawanya ke sungai. Ketam yang mengetahui niat jahat bangau tersebut terus menyepit leher bangau. Sebagai seorang pelajar, kita seharusnya bertindak cepat dalam membuat sebarang keputusan yang menjadi penentu masa depan kita sekiranya menghadapi sesuatu situasi yang memerlukan kita bertindak dengan pantas. Sebagai contoh situasi, dapat dilihat dalam tugas berkumpulan yang memerlukan kita bekerjasama menghasilkan jambatan melalui apa-apa peralatan yang diberi oleh panel seperti kotak, penyedut minuman (*straw*) atau botol air kosong, pelajar haruslah berfikiran kreatif dan cepat bertindak untuk memastikan jambatan yang dibina tidak akan runtuh dalam tempoh masa yang diberikan. Justeru itu, kepandaian seseorang pelajar itu bukan sahaja dari sudut akademik tetapi kepandaian tersebut dilihat daripada pelbagai aspek termasuk cara seseorang itu berfikir dengan cepat serta menyelesaikan masalah.

Sang Kancil dan Beruang juga memperlihatkan aspek emosi dalam petikan 45 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	... “Oh sahabatku, aku lihat air liurmu meleleh. Adakah kamu lapar?” tanya kancil. “Benar, aku sangat lapar,” kata beruang. <u>Kancil pun membawa beruang ke satu tempat. Katanya tempat itu terdapat madu yang lazat. Tiba di suatu tempat, beruang mendengar bunyi berdengung. “Itulah bunyi madu lebah yang manis,” kata kancil.</u> Beruang yang tidak sabar lalu pergi ke tempat itu. Tiba-tiba beruang melolong kesakitan kerana disengat lebah. Badannya sakit-sakit. Kancil pun terselamatlah daripada menjadi mangsa niat buruk beruang...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 71)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Sang Kancil dan Beruang, petikan di atas menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Sang Kancil dilihat telah memperdayakan beruang dengan mengatakan ada sebuah tempat yang mempunyai madu yang sangat lazat sehingga beruang lupa akan niat yang pertama iaitu ingin memakan Sang Kancil. Sang Kancil berjaya melarikan diri dan terselamat daripada menjadi mangsa makanan beruang setelah memperdayakan beruang tersebut. Petikan ini sangat bertepatan dengan konsep FPK yang menunjukkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Bagi memperkaitkan dengan pelajar, mereka perlu berfikir di luar kotak dalam menyelesaikan segala masalah. Hal ini kerana pemikiran di luar kotak ini sememangnya menjadikan seseorang itu mempunyai daya fikir aras tinggi. Pelajar yang mempunyai pemikiran intelek boleh menggunakannya sebagai nilai tambah kepada diri mereka bagi bersaing dengan pelajar-pelajar yang lain kerana pada zaman ini, kebanyakan pelajar sudah mempunyai tahap intelek yang tinggi. Justeru itu, perkara-perkara lain seperti cara bertindak, berkomunikasi dan sebagai diambil kira sebagai faktor dalam peringkat temu

duga bagi sektor pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pemikiran intelek ini sangat penting dalam membuat sebarang keputusan serta menyelesaikan segala masalah dengan rasional.

Aspek intelek juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Harimau Ditipu Kancil berdasarkan petikan 46 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...“Bagaimana kalau aku yang memalu gong itu?” rayu harimau. Kancil pun bersetuju lalu memberikan sepotong kayu kepada harimau. <u>Kancil menyuruh harimau memalu gong itu selepas dia meninggalkan hutan itu. Selepas kancil hilang dari pandangan, harimau pun memalu sarang tebuan itu dengan sekuat hatinya.</u> Maka, keluarlah tebuan dan menyengatnya! Harimau lari lintang-pukang lalu terjun ke dalam sungai yang tidak jauh dari situ...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 98)

Berdasarkan petikan 46 di atas, cerita rakyat yang bertajuk Harimau Ditipu Kancil ini telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Watak kancil yang telah memperdayakan harimau dengan mengatakan Raja Sulaiman akan datang ke hutan dan perlu memalu gong sebagai tanda kehadiran Raja Sulaiman. Hal ini dapat dilihat bahawa kancil telah berjaya terselamat daripada menjadi makanan harimau setelah kancil memperdayakannya. Perkara ini sangat bertepatan dengan aspek intelek mengikut konsep FPK melalui watak kancil yang mempunyai pemikiran intelek dalam menyelamatkan dirinya. Pun begitu, dengan memberikan contoh, pengkaji melihat kepada watak Harimau. Dapat dilihat, meskipun pelajar hidup di zaman yang pembangunannya sudah membangun dan moden, malah segala maklumat hanya boleh didapatkan di hujung jari, pelajar-pelajar seharusnya memiliki pengetahuan asas misalnya berkaitan dengan peraturan sekolah seperti larangan merokok. Dapat dilihat di mana watak harimau ditipu oleh kancil ini disebabkan dia memikir bahawa itu gong dan bukanlah sarang tebuan

sedangkan sekiranya kita mempunyai pengetahuan asas, sudah pasti kita tidak dapat ditipu oleh sesiapa pun. Oleh itu, pengkaji berharap pelajar zaman ini perlulah lebih arif dalam sesuatu perkara kerana maklumat boleh didapatkan secara pantas kerana kini ianya di hujung jari.

Cerita rakyat yang bertajuk Kancil Yang Bijak memaparkan aspek intelek dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 47 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Kancil lalu membawa harimau ke tebing sungai. <u>“Di dalam sungai ini, ada seekor harimau yang lebih besar dan garang daripada kamu. Jika kamu tidak percaya, tengoklah ke dalam sungai,”</u> kata kancil. Harimau pun menjengukkan kepalanya ke dalam sungai. Dilihatnya ada seekor harimau sepertinya lalu diterkamnya. Malangnya, harimau yang dilihatnya itu hanyalah bayang-bayangnya sahaja. Akibatnya, harimau mati kelemasan. Kancil sangat gembira. Kini binatang-binatang di hutan tidak lagi ketakutan. Mereka berterima kasih kepada kancil atas kebijaksanaannya...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 106)

Berdasarkan petikan 47 di atas, watak kancil ini memaparkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Dapat dilihat watak kancil yang cuba menipu dan memperdayakan harimau setelah harimau mengugut untuk memakannya. Kancil dengan pantas bertindak dan mengatakan kepada harimau terdapat haiwan lain yang lagi besar daripada dirinya. Perkara ini telah menyebabkan si harimau mati kelemasan apabila menyangka bahawa bayang-bayangnya itu adalah haiwan besar seperti yang dimaksudkan oleh kancil. Kebijaksanaan kancil tersebut telah menyebabkan haiwan-haiwan lain di hutan tidak lagi hidup dalam ketakutan setelah kematian harimau. Nilai pendidikan melalui watak kancil ini sangat bersesuaian dengan konsep FPK iaitu aspek intelek. Bagi memperkaitkan

dengan pelajar, sebagai seorang pelajar, sekiranya berhadapan situasi yang mencabar, seharusnya mereka perlulah bersikap lebih tenang dan memikirkan apakah strategi yang perlu digunakan untuk memastikan mereka dapat mencapai objektif kejayaan sesuatu perkara. Oleh itu, mereka boleh menjadikan cerita rakyat ini sebagai sebuah pemikiran intelek dalam bertindak dengan pantas untuk membuat sebarang keputusan yang melibatkan diri sendiri.

Aspek intelek yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Keldai dengan Serigala. Hal ini boleh dilihat melalui petikan 48 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Keldai ketakutan tetapi jika dia lari, pasti serigala akan mengejarnya. Keldai mendapat satu akal lalu berjalan ke arah serigala. Serigala berkata, “Eh, kau tidak takut denganku? Mengapa kau tidak lari?” “Aku mahu lari tetapi sebelum itu, bolehkah kau buangkan serpihan duri di dalam kuku kaki belakang aku ini?” jawab keldai sambil menunjukkan kaki belakangnya kepada serigala. “Baiklah,” balas serigala. <u>Semasa serigala menunduk kepalanya untuk melihat kaki belakang keldai, keldai terus menendang muka serigala dengan kuat.</u> Serigala menjerit kesakitan. Keldai terus cabut lari. “Suatu hari nanti aku akan tangkap kau keldai! Aku akan makan kau!” jerit serigala yang marah...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 163)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Keldai dengan Serigala, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Watak keldai telah membuktikan bahawa cerita rakyat ini bertepatan dengan konsep FPK yang memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Dapat dilihat watak keldai yang memperdayakan serigala dengan helah serpihan duri di kaki telah berjaya menyelamatkan dirinya daripada menjadi mangsa terkaman serigala. Watak keldai ini juga telah

menggambarkan situasi di mana dia mengetahui dirinya tidak selalu serigala sekiranya dia tidak berfikir di luar kotak untuk melepaskan diri daripada serigala, maka dia akan menjadi makanan serigala. Bagi memperkaitkan dengan keadaan sekarang, para pelajar seharusnya menjadi seorang yang mempunyai kemampuan daya berfikir yang tinggi supaya tidak membuat keputusan yang boleh menjerat diri sendiri. Hal ini kerana mereka yang mempunyai pemikiran intelek akan menganalisis sebarang kemungkinan yang berlaku sebelum membuat keputusan seperti watak keldai tersebut. Justeru itu, kepintaran seseorang itu bukan sahaja dari sudut akademik tetapi kepintaran seseorang dilihat dari pelbagai aspek termasuk cara seseorang itu berfikir dan menyelesaian sesuatu permasalahan.

Bulan Dua juga memperlihatkan aspek intelek dalam petikan 49 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Sahabatnya pun meminjamkannya sejumlah padi dan jagung. Tidak lama kemudian, musim hujan tiba. Tanaman dapat hidup dengan subur. Mereka mendapat hasil yang banyak. Mengikut perjanjian, sahabatnya pun datang untuk mengutip hutang. Tetapi lelaki itu tidak mahu membayarnya. Ia berkata, “Benar, saya berjanji untuk membayar hutang pada bulan dua musim ini, tetapi cuba kamu lihat di langit, bulan cuma satu sahaja. Tahu lah ia bahawa sahabatnya telah memperdayanya. Ia sangat sedih lalu mengadu hal itu kepada kancil. Kancil berkata, “Bawalah sahabatmu itu ke tepi perigi di kaki bukit malam nanti.” Ia tidak tahu apa yang akan dilakukan oleh kancil namun menurut jua arahannya. Pada waktu malam, ketiga-tiga mereka berkumpul di tepi perigi. <u>“Di langit sana ada satu bulan dan di dalam perigi ini ada satu bulan. Nah, cukuplah dua bulan! Sekarang kamu mesti membayar hutangnya.”</u> kata kancil. Sahabatnya menyesal dan

	<u>malu dengan sikapnya.</u> Ia pun membayar hutangnya dan berjanji tidak akan memperdayanya lagi...
--	--

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 165)

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, watak kancil telah diperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Watak kancil telah diminta tolong oleh sahabatnya setelah ditipu oleh sahabat baiknya kerana sahabat baiknya tersebut tidak mahu memulangkan hutang iaitu padi dan jagung dengan mengatakan akan membayar sekiranya bulan mempunyai dua. Watak kancil telah memaparkan kepandaian dia dalam membuat penyelesaian yang bijak serta memahami permasalahan yang berlaku bertepatan dengan konsep FPK iaitu aspek intelek. Sebagai seorang pelajar yang mempunyai pemikiran intelek, kita seharusnya memahami dan menganalisis segala masalah yang terjadi sebelum membuat keputusan. Para pelajar yang mempunyai pemikiran intelek ini akan membuatkan diri mereka akan sentiasa bersedia dan tenang sekiranya menghadapi sebarang masalah. Hal ini kerana mereka akan memahami dahulu permasalahan yang berlaku kemudian membuat analisis mengenai keputusan yang bakal dibuat oleh mereka. Oleh itu, pemikiran intelek akan menjadikan seseorang itu menjadi pelajar yang lebih bijaksana seperti watak kancil menyelesaikan masalah dua bulan.

Akhir sekali, aspek intelek telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Rajin Berusaha berdasarkan petikan 50 di bawah:

Nilai Pendidikan	Petikan
Intelek	...Suatu hari, kawan-kawan Buyung mengadakan majlis khatam Quran di rumah tuk guru. Mereka menjemput Buyung tetapi Buyung malu hendak pergi. Ia pun membawa dirinya ke hutan dan bersembunyi di dalam gua. <u>Di dalam gua ia melihat sebuah batu menjadi lekuk kerana air menitis di atasnya. “Berapa lamakah air itu menitis sehingga batu itu menjadi lekuk?” soal Buyung sendirian. Sedarlah Buyung bahawa jika</u>


ia rajin berusaha dan tidak berputus asa, ia juga akan pandai mengaji. Buyung keluar dari gua lalu menuju ke majlis khatam Quran kawan-kawannya. Buyung berjanji dengan tuk gurunya yang dia tidak akan malas lagi. Akhirnya, Buyung berjaya menamatkan mengaji seluruh al-Quran. Ibunya sangat gembira. Kenduri doa selamat diadakan di rumah tuk guru. Semua kawan Buyung hadir. Mereka turut gembira kerana Buyung kini pandai mengaji seperti mereka...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 172)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Rajin Berusaha, petikan tersebut telah memperlihatkan nilai pendidikan melalui aspek intelek. Buyung seorang yang lambat membaca biarpun telah diajar berkali-kali oleh gurunya. Buyung juga memperlihatkan dirinya mempunyai pemikiran intelek kerana dia mendapati batu yang keras boleh menjadi lekuk dengan titisan air dan menyoal dengan dirinya sendiri “berapa lamakah batu tersebut menjadi lekuk dengan titisan air?”. Hal ini bertepatan dengan nilai pendidikan melalui aspek intelek berteraskan konsep FPK. Hal ini berlaku demikian kerana menunjukkan bahawa sekiranya kita mahukan sesuatu, kita haruslah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh demi mencapai kemahuan kita tersebut. Bagi memperkaitkan dengan pembelajaran, para pelajar sudah sudah diajar untuk menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam setiap soalan tugas mahupun soalan peperiksaan. Perkara akan menyebabkan mereka akan lebih banyak berfikir sekali gus mempunyai daya fikiran yang kreatif serta aras tinggi dalam memikirkan sesuatu perkara sebelum membuat sebarang keputusan. Sehubungan dengan itu, pemikiran aras tinggi ini sememangnya para pelajar perlu mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

4.3 Mengangkat Keunggulan Teks

Setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang atau penulis sudah pasti mereka mahukan karya tersebut dihasilkan dengan penuh bermakna bukan sahaja kepada diri mereka tetapi kepada masyarakat. Menurut Muhammad Hafizan Aliff Halimi & Che Abdullah Che Ya (2023) menyatakan bahawa keunggulan dalam konteks kesusasteraan secara khususnya penghasilan karya oleh seseorang pengarang merupakan satu tahap pencapaian yang tertinggi dalam penciptaan sesebuah karya. Hal ini kerana setiap pengarang yang menghasilkan sesebuah karya mesti memiliki harapan dan hasrat bagi meletakkan karyanya mencapai satu tahap keunggulan teks. Pengarang yang menghasilkan sesebuah karya juga mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksaan bagi mencapai kepada sebuah karya yang mencapai keunggulan teks tersebut. Keberanian yang dimaksudkan adalah sesuatu pemikiran dan idea baharu serta bersedia bagi membuat perubahan dan inovasi manakala kebijaksanaan disifatkan sebagai perkara yang mendorong untuk kerja yang dibuat dengan kesedaran serta bergerak dalam landasan keilmuan. Karya teks yang unggul dapat direalisasikan sekiranya pengarang mempunyai sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam menghasilkan karya. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih teori Teksdealisme menerusi prinsip individualisme bagi mengangkat keunggulan teks dalam kandungan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.



Rajah 4.2: Pecahan Penggunaan Teori Teksdealisme dalam Kajian

4.3.1 Gaya Individu

Gaya individu merupakan aspek bahasa yang digunakan pengarang sehingga berjaya memperoleh bahasanya sendiri (Mana Sikana, 2006). Hal ini kerana seseorang pengarang harus belajar daripada orang yang lebih matang dan berani mengolah gaya baharu bagi mengatasi kekerdilan dalam penggunaan bahasa agar dapat mempertajamkan daya kreativiti mereka. Penggunaan bahasa dalam kesusastraan amat berbeza dengan bahasa komunikasi lain disebabkan oleh di dalamnya terkandung nilai estetik iaitu nilai yang boleh membangkitkan perasaan seseorang. Dapat dilihat, setiap karya yang dihasilkan oleh setiap pengarang, mereka mempunyai identiti yang menggambarkan bahawa itu adalah hasil karya mereka sendiri. Sehubungan dengan itu, gaya bahasa yang terkandung dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* telah mengangkat keunggulan teks cerita rakyat yang terpilih.

Gaya individu yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Anjing dengan Bayang-bayang Hal ini boleh dilihat melalui petikan 51 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan sinkof	...Kemudian ia segera mlarikan diri. <u>“Eh, anjing tak guna!</u> <u>Berani engkau mencuri!”</u> teriak peniaga itu. Dia mengejar anjing itu dengan pisau pemotong dagingnya tetapi anjing itu berlari terlalu pantas. Anjing terus berlari sekutu hatinya sehingga tiba di sebatang sungai...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 14)

Berdasarkan petikan 51 di atas, keunggulan teks telah dilihat melalui penggunaan sinkof yang biasanya digunakan oleh masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui watak peniaga memarahi seekor anjing yang mencuri daging akibat kelaparan. Anjing tersebut mlarikan diri dengan pantas setelah dikejar oleh peniaga sambil memegang pisau pemotong daging. Penggunaan sinkof ini sudah menjadi kebiasaan masyarakat Melayu yang gemar menggunakan isitilah ‘tak’ bagi menggambarkan sesuatu perkara di mana seseorang cuba memberi penegasan dalam perbualan kepada individu yang lain. Sebagai contoh, penggunaan sinkof dalam teks ini “tak guna” yang memberi makna kepada anjing yang mencuri daging tidak memberi manfaat kepada peniaga tersebut. Hal ini sangat bersesuaian dengan gaya individu yang memperlihatkan penggunaan gaya bahasa singkat bagi perkataan ‘tidak’ menjadi ‘tak’. Oleh itu, penggunaan sinkof dalam teks ini telah mengangkat keunggulan teks cerita rakyat Anjing dengan Bayang-bayang.

Gaya individu telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Khadam Yang Bijak berdasarkan petikan 52 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan metafora	... Raja dan khadam berjalan begitu lamanya sehingga raja berkata, “Khadam, beta keletihan dan sangat lapar. Beta muah makan.” Khadam lalu mengeluarkan bekalan makanan yang dibawanya. <u>Baginda menyantap makanan itu dengan penuh selera.</u> Sekejap sahaja nasi Baginda habis. “Selera sungguh hamba melihat tuanku makan,” kata khadam...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 27)

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, keunggulan teks dapat dilihat melalui penggunaan metafora. Hal ini dapat dilihat melalui seorang raja bersama khadamnya di mana khadam tersebut memberikan bekalan makanan yang dibawa olehnya kepada raja. Penggunaan metafora dalam sesebuah teks ini memberikan satu makna yang berlainan dari makna yang cuba disampaikan. Penggunaan metofara jelas dilihat melalui perkataan “penuh selera” dalam teks di atas. Penggunaan metafora ini menunjukkan raja sangat bernafsu menjamah makanan yang dibawa oleh khadam sehingga habis makan. Situasi ini menunjukkan bahawa makanan tersebut mengikut cita rasa selera raja sehingga raja tersebut boleh menjamah makanan sehingga licin. Penggunaan ayat ‘penuh selera’ ini bukan sahaja digunakan sejak dulu lagi, malah penggunaannya masih kekal ke abad ini jika seseorang itu muah mentafsirkan makanan itu sedap dan dijamah dengan penuh selera. Sehubungan dengan itu, perkara ini bersesuaian dengan mengangkat keunggulan teks menggunakan metafora dalam cerita rakyat Khadam Yang Bijak.

Selain itu, gaya individu yang telah ditunjukkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Menuntut Bela berdasarkan petikan 53 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan perlambagaan	<p>... Parang Jalong dan Chibal Murud berada terlalu jauh dengan kampungnya. Perjalanan ke tempat Parang Jalong dan Chibal Murud memakan masa selama setahun. <u>Kaasan mendaki bukit-bukit, merentas hutan belantara dan meredah onak duri.</u> Dalam perjalanan, pelbagai halangan dihadapinya. Kaasan berdoa agar perjalanannya selamat sampai...</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 52)

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, gaya individu telah diperlihatkan dalam penggunaan perlambangan. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Kasaan yang menggembira jauh untuk membala dendam dan menuntut bela atas kematian ibu bapanya yang dibunuh oleh Parang Jalol dan Chibal Murud. Penggunaan perlambangan dalam sesebuah teks ini sudah menjadi kebiasaan masyarakat orang Melayu yang gemar menggunakan sesuatu perkataan dalam memberi gambaran simbol yang membawa makna tertentu mengikut keadaan dan situasi semasa. Sebagai contoh, penggunaan perlambangan iaitu “onak duri” yang menjadi simbol kepada kehidupan yang mencabar dalam usaha mencapai sesuatu yang diidamkan oleh seseorang. Malahan, penggunaan “onak duri” masih lagi digunakan pada zaman sekarang untuk menunjukkan kesusahan kehidupan seseorang itu sehingga dia berjaya sampai ke tahap yang telah menjadi satu kebanggaan untuk dirinya. Justeru itu, perkara ini sangat bertepatan dengan gaya individu dalam mengangkat keunggulan teks yang menggunakan perlambangan sebagai gaya bahasa.

Cerita rakyat yang bertajuk Sang Kancil Menolong Kerbau memaparkan gaya individu dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 54 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan sinkof	...Pada masa itu, muncullah Sang Kancil. Sang Kerbau meminta bantuan Sang Kancil. “Bagaimana boleh jadi macam ini?” tanya Sang Kancil. “Aku tolong lepaskan Sang Buaya. <u>Sekarang dia nak makan aku pula,</u> ” jawab Sang Kerbau. <u>“Aku tak percaya kau boleh mengangkat pokok ini,”</u> kata Sang Kancil kepada Sang Kerbau. “Cuba kau angkat sekali lagi,” kata Sang Kancil kepada Sang Kerbau...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 59)

Berdasarkan cerita rakyat Sang Kancil Menolong Kerbau, keunggulan teks telah dicapai melalui penggunaan sinkof. Penggunaan sinkof ini adalah singkatan kepada sesuatu perkataan yang tidak mlarikan maksud asal sesebuah perkataan. Perkara ini dapat dilihat melalui watak Sang Kerbau yang cuba menerangkan kepada Sang Kancil keadaan yang berlaku di situ yang melibatkan dirinya dan Sang Buaya yang tidak mengenang budi Sang Kerbau. Hal ini bersesuaian dengan gaya individu yang memperlihatkan penggunaan gaya bahasa singkatan iaitu sinkof bagi perkataan “hendak” menjadi “nak” dan “engkau” menjadi “kau”. Penggunaan sinkof ini sudah menjadi kebiasaan masyarakat zaman sekarang dalam perbualan harian dan kebiasaan ini dibawa ke dalam teks sesebuah karya. Malahan, penggunaan perkataan singkatan dalam perbualan harian adalah untuk mengeratkan hubungan antara individu supaya tidak merasakan jarak ketika berkomunikasi. Hal ini kerana penggunaan perkataan formal akan menyebabkan komunikasi menjadi janggal. Justeru itu, penggunaan singkatan ini tidak mengubah makna perkataan asal dan lebih mudah untuk disebut oleh para pembaca. Oleh itu, penggunaan sinkof dalam teks ini telah mengangkat keunggulan teks cerita rakyat yang terkandung dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

Angan-angan Mat So’od juga memperlihatkan keunggulan teks dalam petikan 55 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan sinkof	...Bila lembu kita telah beranak, membiak dan membesar, kita akan mempunyai lembu yang sangat banyak," kata Mat So'od. "Aku akan menjadi saudagar lembu, hidup kita akan menjadi kaya," jerit Mat So'od. <u>"Saya bolehlah beli pakaian baru bang?"</u> tanya isteri Mat So'od. <u>"Belilah sebanyak mana yang awak nak.</u> Awak nak beli kasut, selendang, barang-barang kemas apa-apa sahaja yang awak mahu belilah semanya. Awak tak perlu nak buat kerja-kerja rumah lagi. Saya akan upah orang gaji untuk buat semua kerja-kerja rumah itu" ...

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 63)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Angan-angan Mat So'od, petikan tersebut telah memperlihatkan gaya individu melalui penggunaan sinkof. Penggunaan sinkof ini menjadi kebiasaan masyarakat zaman sekarang dalam sesuatu perbualan harian. Penggunaan sinkof ini juga sudah banyak dilihat dalam sesebuah karya sastera yang dikarang oleh seseorang penulis. Hal ini kerana penggunaan sinkof ini lebih mudah dibaca dan difahami mengikut keadaan dan situasi jalan cerita tersebut. Perkara ini dapat dilihat menerusi watak isteri Mat So'od yang ingin membeli pakaian baru sekiranya suaminya, Mat So'od yang menjadi kaya-raya. Melalui petikan di atas, penggunaan perkataan "bang" oleh isteri Mat So'od menggambarkan panggilan manja antara pasangan suami isteri apabila ingin meminta sesuatu kepada pasangannya. Jika dilihat, penggunaan perkataan "abang" agak sedikit kasar berbanding "bang" yang sedikit lembut jika ingin meminta sesuatu. Hal ini sangat bertepatan dengan gaya individu yang menggunakan sinkof iaitu "abang" menjadi "bang". Justeru itu, keunggulan teks dapat diangkat melalui cerita rakyat ini dengan menggunakan perkataan singkatan atau sinkof.

Gaya individu juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk

Kejuran berdasarkan petikan 56 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan metafora	...Akhirnya Isap berhenti kerana kepenatan. Isap kesal kerana Badar tidak menunggunya. <u>Dia mahu memberikan buah tangan untuk Badar.</u> Semenjak hari itu, Badar tidak lagi ke rumah Isap dan persahabatan mereka putus.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 209)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan penggunaan metafora dalam mengangkat keunggulan teks. Hal ini dapat dilihat melalui watak Isap yang mengejar Badar apabila dirinya cuba memberikan sesuatu kepada rakannya tersebut. Penggunaan metafora ini sangat bertepatan dalam mengangkat keunggulan teks yang menggunakan metafora dalam cerita rakyat ini. Penggunaan metafora jelas ditunjuk melalui perkataan “buah tangan” dalam teks di atas. Penggunaan metafora ini menunjukkan Isap mahu memberikan hadiah kepada Badar akan tetapi dirinya tidak dapat mengejar Badar. Dapat dilihat, penggunaan perkataan “buah tangan” masih popular di zaman ini terutamanya ketika berkunjung saudara-mara. Ia adalah simbolik dalam masyarakat Melayu yang masih dipraktikkan. Sehubungan dengan itu, penggunaan metafora dalam sesebuah teks dapat memberikan satu makna yang berlain dari makna yang tersurat sekali gus penggunaan metafora dapat mengangkat keunggulan teks dalam cerita rakyat yang bertajuk Kejujuran.

Cerita rakyat yang bertajuk Pokok Nipah memaparkan gaya individu dengan jelas menerusi teks. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 57 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan metafora	Rupa-rupanya tukil-tukil disangkut oleh manusia untuk menakung air matanya yang meleleh keluar. “Hmm, manis betul rasanya. Airnya jernih pula,” kata manusia. “Beginilah nasib kita, kawan-kawan. <u>Musim kering begini ramailah manusia menyukai air mata kita.</u> Kalau musim hujan dapatlah

	kita berbuah dan membiak," kata pokok nipah kepada kawannya. "Tetapi aku gembira kerana berguna kepada manusia," tambah pokok nipah itu lagi.
--	---

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 127)

Berdasarkan petikan 57 di atas, keunggulan teks telah dilihat melalui penggunaan metafora yang biasanya digunakan oleh masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat menerusi watak pokok nipah yang menceritakan akan keadaan dirinya yang sedang kesedihan akibat perbuatan manusia akan tetapi dalam masa yang sama pokok nipah juga gembira kerana dirinya memberikan banyak faedah dan manfaat kepada manusia. Perkara ini bertepatan dengan prinsip individualisme dalam usaha mengangkat keunggulan teks dalam sesebuah karya dengan menggunakan metafora dalam penceritaan. Penggunaan metafora memberi makna yang lain dari makna yang cuba disampaikan dalam teks cerita rakyat Pokok Nipah. Sebagai contoh, pengguna metafora "air mata" menggambarkan pokok nipah itu dapat menghasilkan air nira yang banyak memberikan manfaat dan khasiat kepada manusia yang meminumnya. Justeru itu, penggunaan metafora dalam cerita rakyat ini dapat mengangkat keunggulan teks selaras dengan prinsip individualisme.

Di samping itu, Helang Yang Setia juga memperlihatkan gaya individu dalam petikan 58 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan metafora	...Pemburu bersedih dan menyesal kerana memanah helangnya. Dia tidak tahu bahawa air sungai itu telah tercemar dengan bisa ular. Kasihan helang. Tetapi tidak ada gunanya lagi pemburu menyesal kerana <u>nasi telah menjadi bubur...</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 213)

Berdasarkan petikan cerita rakyat yang bertajuk Helang Yang Setia di atas, keunggulan teks dapat dilihat menerusi penggunaan metafora. Hal ini dapat dilihat

apabila pemburu itu sangat sedih dan menyesal akan kesalahannya yang memanah helangnya kerana dihalang oleh helangnya apabila cuba menghilangkan haus dahaga dengan meminum air sungai yang telah tercemar akibat bisa ular. Penggunaan metafora dalam sesebuah karya atau teks dapat memberikan sesuatu erti yang berlainan dari erti yang tersurat. Sebagai contoh, penggunaan metafora dalam teks cerita rakyat ini jelas dilihat melalui ayat “nasi telah menjadi bubur”. Penggunaan metafora ini melihat pemburu tidak dapat mengubah apa-apa lagi untuk menghidupkan kembali helang yang sangat berjasa tersebut. Sebenarnya, penggunaan metafora seperti ini adalah ingin menunjukkan bahawa masyarakat Melayu masih mengangkat ayat tersurat atau tersirat dalam menegur atau berkata sesuatu kepada seseorang agar perkataan yang disampaikan itu tidak mengguris hati yang menerimanya. Oleh itu, perkara ini sangat bersesuaian dalam mengangkat keunggulan teks menggunakan metafora selaras dengan prinsip individualisme.

Gaya individu telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Bayayong dan Bidadari Bongsu berdasarkan petikan 59 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan kata ganda	... <u>Ada seorang pemuda yang kaya-raya bernama Bayagong</u> . Ibunya menyuruh dia berkahwin namun, <u>Bayagong tidak bersedia lagi untuk berkahwin sehingga dia terjumpa dengan beberapa orang perempuan jelita sedang bermandi-manda di sungai</u> . Bayagong bersembunyi di sebalik pokok lalu melarikan baju salah seorang daripada mereka. Setelah puas bermandi-manda, wanita-wanita itu pun mengambil baju mereka.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 218)

Berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk Bayayong dan Bidadari Bongsu di atas, dapat dilihat penggunaan kata ganda dalam mencapai dan mengangkat keunggulan teks.

Bayayong merupakan seorang pemuda yang berharta tetapi belum bersedia untuk mendirikan rumah tangga akan tetapi setelah bertemu dengan Bidadari Bongsu, dia berkahwin dengan Bidadari Bongsu. Penggunaan kata ganda dalam sesebuah teks dapat mewujudkan kata yang digandakan sama ada sebahagian atau keseluruhan. Penggunaan kata ganda jelas dilihat melalui perkataan “kaya-raya” dan “bermandi-manda” dalam teks di atas. Penggunaan kata ganda atau kata ganda berirama ini dapat menjadikan perkataan yang ditambah tersebut mengalami perubahan bunyi. Sehubungan dengan itu, perkara ini bersesuaian dalam mengangkat keunggulan teks menggunakan kata ganda selaras dengan prinsip individualisme.

Semut Berperang dengan Gajah juga memperlihatkan gaya individu dalam petikan 60 di bawah:

Gaya Individu	Petikan
Penggunaan kata ganda	<p>...Tiba-tiba, <u>rakyat gajah berlari ke sana sini sambil terjerit-jerit kesakitan</u>. Ada juga yang <u>berguling-guling kesakitan</u>.</p> <p>Rupa-rupanya rakyat semut telah masuk ke dalam belalai gajah-gajah lalu menggigitnya. Raja Semut dan rakyat-rakyatnya menang dalam peperangan itu...</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 219)

Berdasarkan petikan 60 di atas, keunggulan teks dapat dilihat melalui pengguna kata ganda. Hal ini dapat dilihat bahawa peperangan yang berlaku di antara tentera gajah dan tentera semua yang disebabkan oleh gajah-gajah telah memijak sarang kepunyaan semut-semut. Penggunaan kata ganda dalam sesebuah teks dapat mewujudkan kata yang digandakan sama ada sebahagian atau keseluruhan. Sebagai contoh, penggunaan kata ganda dalam teks cerita rakyat ini jelas dilihat melalui perkataan “tiba-tiba”, “terjerit-jerit”, “gajah-gajah” dan “rakyat-rakyatnya”. Penggunaan kata ganda atau kata ganda seluruh ini merupakan kata dasarnya diulang serta digandakan sepenuhnya. Sebenarnya,

penggunaan kata ganda ini adalah untuk menjelaskan bilangan yang banyak dalam sesuatu situasi. Dalam cerita rakyat ini, dapat dilihat jumlah bilangan gajah-gajah dan semut-semut yang tidak boleh dinyatakan berapakah bilangan kesemua mereka. Oleh itu, perkara ini sangat bersesuaian dalam mengangkat keunggulan teks menggunakan kata ganda dengan prinsip individualisme.

4.3.2 Tindakan Individu

Tindakan individu adalah tindakan kepada bagaimana seseorang pengarang itu melaksanakan tindakan-tindakan dalam penulisannya dalam membina individualisme pengarang. Hal ini kerana tindakan yang dilaksanakan memerlukan ilmu, renungan dan keberanian yang lebih kepada sikap dan gerakan pengarang (Manu Sikana, 2015). Tindakan individu juga merupakan usaha pengarang bagi membuat hasil karya yang boleh memberi pengaruh dan kesan kepada para pembaca serta dunia kesusastraan itu sendiri. Justeru itu, keunggulan teks cerita rakyat yang terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* telah berjaya dicapai.

Tindakan individu yang digambarkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Saudagar dan Abdul. Perkara ini jelas diperlihatkan dalam petikan 61 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Keberanian	Abdul tidak akan lupakan ibu. Abdul mengikut saudagar pulang ke bandar. Di bandar, saudagar mengajar Abdul berdagang. Saudagar kemudiannya memberi modal dan menyuruh Abdul berdagang. <u>Namun Abdul lebih suka berpoya-poya daripada berdagang.</u> Akibatnya, saudagar kerugian. Ia menghalau Abdul dari rumahnya.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 40)

Berdasarkan petikan 61 di atas, dapat dilihat tindakan individu yang mengangkat keunggulan teks melalui keberanian. Abdul seorang yang ingin belajar mengenai perdagang dan meminta saudagar mengajarnya. Saudagar telah memberikan Abdul wang untuk memulakan perdagang akan tetapi Abdul tidak fokus berdagang dan terlalu bersuka ria menghabiskan wangnya daripada berdagang membawa hasil yang lumayan. Watak Abdul seorang yang tidak mengambil serius dan malas untuk berdagang sehingga dirinya dihalau keluar oleh saudagar. Hal ini dapat membuktikan bahawa cerita rakyat ini mengangkat keunggulan teks di mana teks ini berani menggambarkan sikap pemalas sesebuah masyarakat yang tidak berusaha walaupun telah disediakan kemudahan untuk bekerja. Perkara ini menjadi isu sensitif bagi sesetengah pihak kerana kebanyakannya tidak mengangkat isu sikap malas sebagai topik utama. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat yang bertajuk Saudagar dan Abdul telah menunjukkan keberanian dalam tindakan individu yang menonjolkan prinsip individualisme.

Selain itu, Melanggar Janji juga memperlihatkan tindakan individu dalam petikan 62 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Renungan	<p>Seman kemudiannya bertanyakan ibunya, "Ibu ada ternampak sebuah batu?" "Ya ibu nampak, tetapi ibu telah buangkannya," jawab si ibu. "Ibu telah membuangnya? Itu adalah batu yang diberikan oleh isteri saya, kenapa ibu membuangnya tanpa memberitahu kepada saya dahulu?" teriak Seman ke arah ibunya sambil bercekak pinggang. Terduduklah si ibu sambil menangis ketakutan. Rupa paras Seman yang kacak serta merta berubah menjadi buruk. <u>Seman telah melanggar janji yang telah dibuat dengan isterinya iaitu, jangan derhaka.</u> Seman telah pun menderhakai ibunya sendiri.</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 48)

Berdasarkan petikan cerita rakyat yang bertajuk Melanggar Janji di atas, keunggulan teks dapat dilihat menerusi tindakan individu iaitu renungan. Seman merupakan seorang pemuda yang memiliki rupa yang hodoh sebelum berjumpa dengan isterinya. Isterinya memberikan Seman sebuah batu dan menyuruh Seman berjanji supaya tidak menderhaka kepada sesiapa. Seman mula melupakan janji tersebut dengan memarahi ibunya setelah ibunya membuang batu yang diterima daripada isterinya. Keadaan itu menjadikan rupa paras Seman menjadi seperti asal iaitu hodoh. Hal ini dapat membuktikan bahawa teks ini telah mengangkat keunggulan teks yang selaras dengan prinsip individualisme iaitu teks ini memperlihatkan renungan yang berguna kepada masyarakat supaya tidak menderhaka kepada sesiapa terutamanya ibu sendiri. Teks ini juga memberikan satu renungan mengenai sebuah janji yang harus ditepati walaupun memang pada dasarnya, kita sebagai seorang manusia susah untuk berpegang pada janji tersebut. Justeru itu, cerita rakyat ini telah mengangkat keunggulan teks dalam memperlihatkan renungan sebagai tindakan individu.

Cerita rakyat yang bertajuk Pemilihan Pengganti memaparkan tindakan individu dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 63 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Renungan	Setelah memastikan sema orang tiada, mereka pun memetik buah mempelam itu. Setelah itu mereka menyerahkan mempelam itu kepada tuan guru mereka. Tuan guru pun mengumpulkan kesemua muridnya. Namun, seorang muridnya bernama Kadim tidak kelihatan. Tuan guru dan anak muridnya yang lain menunggu kehadiran Kadim. "Kadim, mana buah mempelam kamu? Kenapa kamu tidak bawa ke sini?" tanya tuan guru. " <u>Saya tidak dapat petik buah mempelam di dusun tuan guru kerana Allah Maha Melihat.</u> " kata Kadim

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 77)

Berdasarkan petikan 63 di atas, dapat dilihat tindakan individu yang mengangkat keunggulan teks melalui renungan. Kadim seorang anak murid kepada tuan guru silat yang sudah tua di mana dirinya mencari pengganti dengan menyuruh anak-anak muridnya memetik buah mangga tanpa dilihat oleh seorang pun. Semua anak muridnya memetik buah tersebut tetapi Kadim tidak memetiknya. Hal ini dapat membuktikan bahawa cerita rakyat ini mengangkat keunggulan teks di mana teks ini memberikan sebuah renungan berilmiah yang berunsur keagamaan kepada masyarakat. Renungan ini memperlihatkan watak Kadim ini tidak memetik buah mangga di dusun tuan guru kerana Allah Maha Melihat segala gerak-geri dan tindak-tanduk yang dilakukan oleh manusia diketahui oleh Allah SWT. Melalui cerita rakyat ini, penulis mahukan pembaca agar sentiasalah berbuat baik dan janganlah sesekali membuat kesalahan yang melanggar syariat Islam iaitu “mencuri”. Sehubungan dengan itu, prinsip individualisme telah ditonjolkan melalui tindakan individu iaitu renungan dalam mengangkat keunggulan teks.

Tindakan individu juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Pesanan Ibu berdasarkan petikan 64 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Renungan	<u>Anak haruan berasa menyesal kerana tidak mendengar nasihat ibunya.</u> Tiba-tiba anak pengail memasukkan tangannya ke dalam bakul. Dia mengangkat anak haruan lalu melepaskannya. “Saya lepaskan kamu kerana kamu mash kecil lagi,” katanya. Gembiranya bukan kepalang anak haruan itu. Dia lantas berenang ke arah ibunya dan berjanji akan patuh kepada pesan ibunya

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 78)

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, keunggulan teks telah diangkat melalui tindakan individu iaitu renungan. Tindakan ini dapat dilihat melalui watak anak haruan yang tidak langsung mendengar nasihat ibunya mengenai mata kail. Ibunya selalu

berpesan kepada anaknya supaya jangan sesekali makan cacing yang disangkut di mata kail. Hal ini kerana mulut akan tersangkut di mata kail lalu manusia akan menarik anaknya ke darat. Perkara ini telah memberikan sebuah renungan yang berguna untuk anak-anak agar sentiasa mendengar nasihat yang diberikan kepada mereka oleh ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap nasihat yang diberikan oleh mereka pasti memberi satu manfaat serta kebaikan kepada anak-anak disebabkan mereka lebih makan garam dahulu daripada anak-anak. Oleh itu, perkara ini bertepatan dengan tindakan individu iaitu renungan dalam mengangkat keunggulan teks selaras dengan penggunaan prinsip individualisme.

Si Pemalas juga memperlihatkan tindakan individu dalam petikan 65 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Keberanian	<u>Rai seorang budak yang malas. Dia tinggal bersama abangnya.</u> <u>Abangnya sering menasihatinya supaya bersikap rajin namun sedikit pun nasihat abangnya tidak diendahkannya.</u> Dia akan melarikan dirinya ke dalam hutan dan tidur di sana. Suatu hari, abangnya meminta Rai menjaga anak-ananya. Apabila abangnya pergi, Rai terus ke dapur dan makan semua makanan yang ada. Selepas itu, dia akan memetik jari memanggil Si Meot, kucing mereka. Selepas itu Rai akan tidur. Rai terjaga daripada tidur apabila abangnya pulang. Abangnya menghalaunya dari rumah. “Pergi kamu dari sini. Bela Meot lebih baik dari kamu. Apa sahaja yang kamu tahu? Makan minum tidur sahaja!”

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 82)

Berdasarkan petikan 65 di atas, dapat dilihat tindakan individu iaitu keberanian telah mengangkat keunggulan teks. Rai merupakan seorang yang sangat malas dan tidak mahu membuat sebarang kerja serta gemar makan, minum dan tidur sahaja sebagai rutin hariannya. Rai juga seorang yang tidak langsung mengambil segala nasihat yang

diberikan oleh abangnya biarpun sudah berkali-kali abangnya memberi nasihat sehingga dihalau keluar rumah oleh abangnya. Hal ini dapat menggambarkan bahawa cerita rakyat yang bertajuk Si Pemalas ini mengangkat keunggulan teks kerana berani memperlihatkan sikap pemalas seseorang yang tidak mempunyai sebarang usaha untuk menjadi seorang yang lebih berguna kepada keluarga sendiri mahupun masyarakat. Perkara ini telah menjadi isu sensitif untuk sesetengah pihak atau individu disebabkan mengangkat isu sikap pemalas sebagai tajuk utama. Oleh itu, cerita rakyat ini menunjukkan keberanian dalam tindakan individu yang menonjolkan prinsip individualisme.

Tindakan individu juga dapat digambarkan dalam cerita rakyat yang bertajuk Ular dan Gurunya, Buluh berdasarkan petikan 66 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Ilmu	Kejadian itu sampai kepada pengetahuan Raja Sulaiman. Baginda sangat murka lalu bertitah, “Kamu sangat kejam wahai buluh. Aku sumpah kamu menjadi bisu.” Sejak itu, buluh tidak lagi boleh bercakap. Walaupun begitu, ular tetap menghormati bekas gurunya. Suatu hari, sebatang pokok buluh tumbang lalu menghempap seekor ular. <u>Serta-merta ular itu menjadi lemah dan terus mati. Sehingga hari ini, ular menjadi lemah jika dipukul dengan buluh.</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 86)

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, dapat dilihat keunggulan teks telah diangkat melalui tindakan individu iaitu ilmu. Watak yang ditunjukkan dalam cerita rakyat ini adalah buluh dan juga ular. Buluh telah berlaku kejam terhadap ular di mana menyuruh ular memotong kaki dan tangan lalu perkara ini diketahui oleh Raja Sulaiman dan menyumpah buluh menjadi bisu. Hal ini dapat memperlihatkan bahawa teks ini bertepatan dengan tindakan individu dalam mengangkat keunggulan teks iaitu ilmu yang disampaikan dalam teks ini adalah ular akan menjadi lemah dan tidak bermaya sekirannya

dipukul dengan buluh. Ilmu yang disampaikan ini boleh dijadikan panduan oleh masyarakat jika memasuki kawasan hutan belantara. Justeru itu, cerita rakyat bertajuk Ular dan Gurunya, Buluh telah mengangkat keunggulan teks dalam memperlihatkan ilmu sebagai tindakan individu berlandaskan prinsip individualisme.

Cerita rakyat yang bertajuk Kalimah Bismillah memaparkan tindakan individu dengan jelas menerusi jalan cerita. Hal ini dapat dilihat melalui petikan 67 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Renungan	<p>Kenanga suka membaca Bismillah dalam setiap kerja yang dilakukannya. Tetapi perbuatannya itu tidak disukai oleh suaminya. Jali seringkali merungut. <u>“Ah, tak payahlah nak sibuk-sibuk baca Bismillah! Buat sahajalah kerja itu,”</u> rungut Jali. Kenanga tidak pedulikan rungutan suaminya dan tetap membaca kalimah Bismillah. Jali yang geram dan marah lantas menangkap seekor ular tedung yang dijumpai di kebunnya lalu memasukkannya ke dalam tempayan beras. “Rasakan kali ini,” tempik Jali dengan kuat.</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 93)

Berdasarkan petikan cerita rakyat yang bertajuk Kalimah Bismillah di atas, keunggulan teks dapat dilihat melalui tindakan individu iaitu renungan. Watak Kenangan merupakan seorang yang sentiasa memulakan sesuatu perkara dengan mengucapkan Bismillah akan tetapi tindakan yang dilakukan oleh Kenanga ditentang oleh suaminya, Jali yang sentiasa merungut apabila isterinya membaca Bismillah. Perkara ini dapat menunjukkan bahawa teks ini telah mengangkat keunggulan teks yang berlandaskan prinsip individualisme. Hal ini berlaku demikian kerana teks di atas memberikan sebuah renungan yang berguna kepada masyarakat mengenai membaca Bismillah sebelum memulakan sesuatu perkara. Kalimah Bismillah sepatutnya diamalkan oleh semua masyarakat yang beragama Islam, kalimah Bismillah ini juga membawa pengertian

“Dengan Nama Allah”. Justeru itu, setiap manusia yang beragama Islam seharusnya memulakan sesuatu dengan perkataan Bismillah agar perjalanan kehidupan sehari-hari berjalan dengan lancar dan diredhai Allah. Sehubungan dengan itu, renungan yang terkandung dalam cerita rakyat ini sememangnya telah mengangkat keunggulan teks sebagai tindakan individu.

Di samping itu, Penjual Kayu Api juga memperlihatkan tindakan individu dalam petikan 68 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Renungan	“Oh, banyaknya wang! Kalau aku ambil tentu aku sudah kaya-raya dan tidak perlu bekerja,” kata Jafur. Jafur teragak-agak untuk mengambil wang itu. Satu suara menyuruhnya ambil sahaja duit itu. Senja itu, Jafur ke rumah saudagar itu memberikan kayu kepadanya. “Kamu telah menunaikan janji. Aku amat perlukan kayu api dan anakku sedang sakit. Tetapi aku kehilangan uncangku yang berisi wang,” kata saudagar itu. “Saya jumpa uncang wang ini dan saya pasti ia milik tuan,” kata Jafur. <u>Saudagar itu terpegun dengan sikap mulia Jafur lalu mengajak Jafur kerja bersamanya. Jafur gembira dengan tawaran itu.</u>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 99)

Berdasarkan petikan 68 di atas, dapat dilihat tindakan individu yang mengangkat keunggulan teks melalui renungan. Jafur telah menjumpai sejumlah wang yang berjumlah besar dan hampir-hampir untuk mengambil wang tersebut kerana dirinya tidak perlu bersusah payah untuk bekerja lagi. Jafur tidak mengambil wang tersebut lalu meneruskan kerja iaitu menghantar kayu api ke rumah pelanggan yang merupakan pemilik uncang wang tersebut. Tindakan individu melalui sebuah renungan yang bermanfaat kepada masyarakat supaya sentiasa mengingati penciptaan kita iaitu Allah SWT. Hal ini kerana setiap perkara yang berlaku di dalam dunia sentiasa dirahmati olehNya, membaca

Bismillah merupakan salah satu cara memulakan sesuatu perkara dengan rahmatNya. Malahan, sebagai seorang manusia, kita tidak boleh mengambil hak milik orang lain dan haruslah memulangkan kepada tuannya kerana perbuatan mengambil hak milik orang lain adalah sama seperti mencuri. Oleh yang demikian, tindakan individu melalui renungan telah membuktikan bahawa keunggulan teks telah diangkat berlandaskan prinsip individualisme.

Tindakan individu telah diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk Doa Yang Mujarab berdasarkan petikan 69 di bawah:

Tindakan Individu	Petikan
Ilmu	<p>Suatu hari, tuk gurunya jatuh sakit. Anak murid tuk guru itu lalu datang ke rumah Yatim. Yatim pun membaca jampi lalu memberikan kepada anak murid tuk gurunya. Tidak lama kemudian, tuk guru itu pun sembah. Dia pun bertanyakan kepada Yatim jampi apa yang dibacanya. <u>Yatim berkata,</u> <u>“Jampi ini yang diajar oleh tuk guru. Empat perkataan itulah.”</u> <u>Tuk guru itu terdiam.</u> Rupa-rupanya ayat yang diajarnya itu ditakdirkan Tuhan sebagai ubat yang mujarab.</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 137)

Berdasarkan petikan 69 di atas, tindakan individu iaitu ilmu telah diperlihatkan sebagai mengangkat keunggulan teks yang berdasarkan prinsip individualisme. Watak yang bernama Yatim merupakan seorang pemuda yang belajar sebuah doa oleh gurunya. Yatim juga seorang yang boleh menyembuhkan orang yang sakit dengan doa yang dipelajari oleh Yatim semasa mengaji bersama gurunya. Perkara ini telah membuktikan bahawa teks cerita rakyat di atas bersesuaian dengan tindakan individu dalam mengangkat keunggulan teks iaitu ilmu. Ilmu yang disampaikan terdapat dalam cerita rakyat adalah doa yang mujarab menjadi apabila kita sentiasa mengamalkannya dan percaya segala perkara yang berlaku atas keizinan Allah SWT. Sebagai contoh, Yatim

menggunakan ilmu yang diajari oleh gurunya sehingga berjaya menjadi seorang yang boleh menyembuhkan orang lain. Justeru itu, cerita rakyat ini telah mengangkat keunggulan teks dalam membuktikan ilmu sebagai tindakan individu berlandaskan prinsip individualisme.

Tindakan individu yang telah didapati oleh pengkaji melalui cerita rakyat bertajuk Hidung Pak Deli. Hal ini boleh dilihat melalui petikan 70 di bawah

Tindakan Individu	Petikan
Keberanian	<p>Di Kampung Pinang Sebatang, tinggal Pak Deli bersama isterinya, Mak Sopiah dan tiga orang anak mereka. <u>Pak Deli sangat malas. Kerjanya menyabung ayam sahaja. Terpaksalah Mak Sopiah dan anak-anaknya bekerja mengambil upah menumbuk padi.</u> Suatu hari, Mak Sopiah menyuruh Pak Deli mengail ikan untuk dimasak dan dijadikan lauk. Pergilah Pak Deli ke sungai mengail ikan. Malangnya, tidak ada seekor ikan pun yang berjaya dikailinya. Pak Deli berputus asa lalu pulang ke rumah. Dalam perjalanan, Pak Deli menemui seorang bomoh. “Ambillah tiga batu hikmat ini. Lambunglah dan minta apa sahaja. Permintaan kamu akan ditunaikan,” kata bomoh itu.</p>

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: hlm 188)

Berdasarkan petikan cerita rakyat yang bertajuk Hidung Pak Deli, dapat dilihat tindakan individu yang mengangkat keunggulan teks menerusi keberanian. Pak Deli adalah seorang yang sangat malas untuk membuat sesuatu pekerjaan serta menyabung ayam sebagai aktiviti yang tidak berfaedah. Hal ini telah menyebabkan Mak Sopiah dan anak-anaknya terpaksa bekerja bagi menampung keperluan keluarga sedangkan Pak Deli sebagai seorang ketua keluarga. Perkara ini telah membuktikan bahawa cerita rakyat ini mengangkat keunggulan teks di mana teks ini berani memperlihatkan sikap pemalas seseorang individu yang tidak bertanggungjawab sebagai ketua keluarga, cepat berputus

asa dalam membuat sesuatu perkara dan terlalu mempercayai kepercayaan karut yang ditunjuk oleh bomoh atau dukun. Perkara ini menjadi isu sensitif bagi sesetengah pihak atau individu kerana petikan di atas seperti menggambarkan kehidupan masyarakat terdahulu terutamanya orang Melayu. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat di atas telah menunjukkan keberanian dalam tindakan individu yang menonjolkan prinsip individualisme.

4.4 Dapatan Kajian

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2005) menyatakan bahawa dapatan kajian merupakan hasil yang didapati atau diketahui daripada kajian, penyelidikan dan penemuan sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana dapatan kajian memainkan peranan yang sangat penting dalam menunjukkan segala hasil yang dicapai oleh pengkaji. Justeru itu, pengkaji telah membuktikan bahawa dalam dapatan kajian ini telah menjawab objektif kajian iaitu mengenal pasti nilai pendidikan dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* dan menganalisis *366 Cerita Rakyat Terkenal* bagi mengangkat keunggulan teks menggunakan teori Teksdealisme.

4.4.1 Hasil Dapatan Kajian Nilai Pendidikan

Pengkaji telah memberi mengkaji nilai pendidikan dengan menggunakan aspek-aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) dalam mengenal pasti nilai pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih sebanyak 50 cerita rakyat yang terkandung dalam teks ini yang telah mencapai objektif kajian. Nilai pendidikan melalui aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan matlamat Kementerian

Pendidikan Malaysia iaitu melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Nilai pendidikan melalui aspek jasmani sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertepatan dengan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Pengkaji telah menjumpai dan menganalisis sebanyak 10 cerita rakyat yang mempunyai aspek jasmani pada jalan cerita yang disampaikan dalam teks tersebut. Berdasarkan 10 cerita rakyat tersebut, pengkaji mendapati bahawa kesihatan jasmani ini bukan sekadar kesihatan badan sahaja malah kesihatan mental yang stabil juga merupakan aspek jasmani. Bagi memperkaitkan dengan aspek jasmani dengan pelajar, pelajar yang berkualiti bukan sekadar memiliki akademik yang cemerlang tetapi juga mempunyai jasmani yang sihat bagi meneruskan kecerdasan mental dan fizikal dalam kehidupan seharian. Perkara ini turut disokong oleh Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2013) berpandangan bahawa kesihatan jasmani sangat penting kerana jasmani yang sihat boleh membuatkan individu dapat melakukan segala tanggungjawab yang lain. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa *366 Cerita Rakyat Terkenal* mempunyai aspek jasmani yang selaras dengan FPK.

Selain itu, pengkaji telah membuktikan bahawa teks yang dikaji oleh pengkaji telah menemui dan menganalisis sebanyak 15 cerita rakyat yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek emosi. Sebanyak 15 cerita rakyat yang telah dijumpai oleh pengkaji bagi mengenal pasti aspek emosi yang menjadi nilai pendidikan dalam teks cerita rakyat tersebut seperti emosi sedih, marah, geram dan lain-lain lagi. Berdasarkan 15 cerita rakyat tersebut, pengkaji mendapati bahawa kepelbagaiannya emosi yang ditunjukkan melalui watak-watak dalam cerita rakyat tersebut kebanyakannya emosi

yang tidak stabil. Hal ini kerana kecerdasan emosi yang stabil boleh membuatkan seseorang atau individu tersebut berfikiran waras dalam membuat sebarang keputusan. Menurut Muhammad Idham et al. (2010) menyatakan bahawa individu yang memiliki kecerdasan emosi yang bagus akan menjadi individu yang lebih sihat serta berjaya. Perkara ini sangat bertepatan dalam memperkaitkan dengan pelajar, pelajar yang berkualiti sentiasa bijak dalam menguruskan kecerdasan emosinya bagi tidak halangan untuk meneruskan pembelajaran harian.

Pengkaji juga telah mengenal pasti dan menganalisis sebanyak 12 cerita rakyat terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek rohani. Hal ini bertepatan dengan objektif kajian yang ingindicapai oleh pengkaji selaras dengan FPK. Berdasarkan 12 cerita rakyat yang dikaji oleh pengkaji telah mendapati bahawa aspek rohani ini bukan sekadar diketahui tetapi harus diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai bekalan di masa hadapan kelak. Bagi memperkaitkan aspek rohani ini dengan pelajar, pelajar perlu mempunyai kerohanian dan sahsiah yang terpuji. Hal ini kerana pengaplikasian aspek rohani dalam diri boleh menjadikan seseorang pelajar itu seorang yang berpandang tinggi oleh orang lain. Perkara ini turut disokong oleh Khairunnisa Azman & Ruhizan Mohammad Yasin (2020) berpandangan bahawa tingkah laku manusia dibentuk oleh kerohanian yang dimiliki oleh seseorang tersebut. Secara umumnya, pelajar yang memiliki tingkah laku yang bagus boleh menjadikan dirinya sebagai contoh pelajar kepada pelajar-pelajar yang lain.

Akhir sekali, nilai pendidikan melalui aspek intelek sejarah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bersesuaian dengan objektif yang telah dicapai oleh pengkaji. Pengkaji telah memperlihatkan bahawa teks cerita rakyat dijumpai dan dianalisis sebanyak 13 cerita rakyat yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek intelek. Berdasarkan 13 cerita rakyat yang telah dikenal pasti tersebut, pengkaji

memperlihatkan bahawa pemikiran intelek menerusi watak-watak yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Hal ini kerana pemikiran intelek sungguh penting dalam kalangan pelajar yang berada dalam dunia serba teknologi ini. Menurut Jesinta Macsie Jaimis & Nurfaradilla Mohamad Nasri (2021), kejayaan seseorang pelajar adalah bergantung kepada kemampuan pelajar tersebut dalam berfikir secara kritikal dalam membuat keputusan. Hal ini kerana kemampuan pelajar tersebut yang mempunyai pemikiran kritikal dapat menjadi asas kepada peningkatan pemikiran intelek seorang pelajar tersebut seperti menyelesaikan masalah, menilai dan menganalisis sebarang penyelesaian yang berkualiti.

4.1.2 Hasil Dapatan Kajian Mengangkat Keunggulan Teks

Pengkaji telah menganalisis teks terkandung yang dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* dalam mengangkat keunggulan teks menggunakan teori Teksdealisme yang diasaskan oleh Mana Sikana. Pengkaji juga telah memilih dua kriteria yang terdapat dalam prinsip individualisme iaitu gaya individu dan tindakan individu bagi mengangkat keunggulan teks tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih sebanyak 20 cerita rakyat yang terkandung dalam teks ini yang telah mencapai objektif kajian.

Gaya individu telah mengangkat keunggulan teks yang terkandung *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselenggarakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Menurut Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar (2018) menyatakan bahawa Mana Sikana mempunyai gaya bahasa yang tersendiri dalam menyampaikan pemikiran, idea dan peristiwa dalam menghasilkan sesebuah karya. Pengkaji telah menganalisis 10 cerita rakyat bagi mengangkat keunggulan teks melalui gaya individu atau gaya bahasa iaitu penggunaan metafora, kata ganda, perlambangan

dan juga sinkof. Berdasarkan 10 cerita yang dianalisis ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat tersebut telah mengangkat keunggulan teks selaras dengan prinsip individualisme yang diasaskan oleh Mana Sikana. Penggunaan gaya bahasa yang berlainan setiap cerita rakyat tersebut boleh menimbulkan dan menonjolkan keunggulan teks serta menarik minat para pembaca.

Selain itu, pengkaji telah membuktikan bahawa teks yang dikaji oleh pengkaji telah menjumpai dan menganalisis sebanyak 10 cerita rakyat yang telah mengangkat keunggulan teks yang terkandung dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Sebanyak 10 cerita rakyat yang telah dijumpai oleh pengkaji bagi menganalisis cerita rakyat yang mengangkat keunggulan teks melalui tindakan individu seperti renungan, ilmu dan keberanian. Menurut Fauzi Hasan et al. (2018) berpandangan bahawa tindakan pengarang bagi menghasilkan teks yang dapat memberi pengaruh dan kesan kepada pembaca. Justeru itu, berdasarkan 10 cerita rakyat yang mempunyai renungan, ilmu dan keberanian ini, para pembaca dapat menjadikan cerita rakyat tersebut sebagai manfaat, pengajaran dan teladan yang berguna kepada mereka agar sentiasa munasabah diri sendiri.

4.5 Kesimpulan

Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselanggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir telah memperlihatkan nilai pendidikan yang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) melalui aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Nilai pendidikan tersebut selaras dengan matlamat utama kewujudan FPK iaitu melahirkan warganegara Malaysia yang seimbang dan harmoni dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek pada masa hadapan. Teks ini juga telah memaparkan keunggulan teks yang diangkat menggunakan teori Teksdealisme iaitu

prinsip individualisme dengan menggunakan kriteria gaya individu dan tindakan individu. Kriteria yang terdapat dalam prinsip individualisme ini telah mengangkat keunggulan teks cerita rakyat yang dikaji oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, nilai pendidikan menggunakan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta prinsip individualisme telah mengangkat keunggulan teks melalui *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian terakhir bagi kajian ini. Bab ini membincangkan berkenaan dengan tafsiran hasil kajian yang telah dilakukan di bahagian bab empat bagi mengenal pasti sama ada objektif kajian yang ditetapkan di bab satu dapat dipenuhi. Hal ini kerana kandungan pada bahagian ini telah merumuskan satu kesimpulan keseluruhan secara ringkas mengenai bab-bab yang telah dibincangkan dan dianalisis oleh pengkaji. Selain daripada itu, bab ini turut menghuraikan implikasi kajian serta beberapa cadangan penambahbaikan terhadap kajian yang boleh dilaksanakan di masa akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini merupakan analisis cerita rakyat terpilih dalam *366 Cerita Rakyat Terkenal* sebagai medium pendidikan dengan mengaplikasikan teori Teksdealisme. Pengkaji memfokuskan kepada cerita cerita dalam kajian ini, di mana pengkaji menjadikan sumber buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diselenggara oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqa Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir serta buku cerita rakyat ini merupakan terbitan cetakan pertama daripada Edukid Publication Sdn. Bhd. pada tahun 2023. Kajian ini memperlihatkan cerita rakyat sebagai medium pendidikan yang berlandaskan penggunaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kajian ini juga mengaplikasikan teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenarnya adalah Abdul Rahman Hanapiyah pada tahun 1993 sehingga

1995. Justeru itu, pengkaji telah mengkaji nilai pendidikan yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* serta menganalisis teks tersebut bagi mengangkat keunggulan pengarang menggunakan teori Teksdealisme.

Berdasarkan rumusan yang dijalankan oleh pengkaji, dapat dilihat bahawa *teks 366 Cerita Rakyat Terkenal* mempunyai nilai pendidikan yang selaras dengan aspek-aspek Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai pendidikan yang dikenal pasti turut memperlihatkan keupayaan seseorang pelajar tersebut mencapai matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Sebanyak 10 cerita rakyat yang mempunyai aspek jasmani, 15 cerita rakyat yang mempunyai aspek emosi, 12 cerita rakyat mempunyai aspek rohani dan 13 cerita rakyat yang mempunyai nilai pendidikan melalui aspek intelek. Cerita rakyat yang dipilih sebanyak 50 cerita rakyat telah memaparkan nilai pendidikan melalui watak perwatakan dan jalan cerita. Hal ini kerana nilai-nilai pendidikan yang dikenal pasti dapat melakukan perubahan dalam kehidupan individu khususnya kepada pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar masa kini kerap kali mengabaikan kestabilan nilai-nilai pendidikan iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam pembelajaran serta kehidupan mereka. Perkara ini akan menyebabkan mereka tidak boleh mencapai kecermelangan dalam pembelajaran serta kehidupan sekiranya tiada keseimbangan yang stabil dalam jasmani, emosi, rohani dan intelek. Justeru itu, cerita-cerita rakyat yang dipilih dapat memberi kesedaran kepada pelajar dalam membentuk jati diri yang lebih stabil dan positif.

Selain itu, pengkaji juga melihat teori Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan pengarang dalam penghasilan *366 Cerita Rakyat Terkenal* melalui prinsip

individualisme. Penghasilan teks ini jelas memperlihatkan keunggulan pengarang dengan memilih dua kriteria yang terdapat dalam prinsip individualisme iaitu gaya individu dan tindakan individu. Sebanyak 20 cerita rakyat yang terkandung dalam teks ini telah dipilih oleh pengkaji bagi mengangkat keunggulan pengarang. Pengkaji telah menganalisis keunggulan pengarang melalui kriteria gaya individu yang memperlihatkan penggunaan aspek bahasa yang digunakan oleh pengarang. Penggunaan aspek bahasa ini telah memaparkan sebanyak 10 cerita rakyat yang mempunyai gaya bahasa seperti penggunaan metafora, kata ganda, perlambangan dan sinkof. Gaya individu ini boleh menimbulkan dan menonjolkan keunggulan pengarang serta menarik minat para pembaca dengan penggunaan gaya bahasa yang berlainan setiap cerita rakyat tersebut. Sebanyak 10 cerita rakyat bagi menganalisis keunggulan pengarang melalui tindakan individu. Tindakan individu menunjukkan pengarang melakukan tindakan-tindakan dalam penulisan bagi mengubah pandangan atau pendirian pembaca seperti renungan, ilmu dan keberanian. Sehubungan dengan itu, teori Teksdealisme dapat melihat keunggulan pengarang dalam mengangkat keunggulan berdasarkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

5.3 Implikasi Kajian

Kajian mendapati bahawa cerita rakyat sebagai medium pendidikan telah membantu pendidik membina kurikulum yang lebih tertumpu pada penggunaan cerita rakyat untuk meningkatkan pembelajaran. Hal ini kerana cerita rakyat ini boleh membantu pendidik dalam mengintegrasikan dan memilih cerita rakyat yang sesuai untuk sesi pembelajaran. Pendidik juga boleh membuat kurikulum yang lebih kontekstual dan menarik dengan memasukkan cerita rakyat yang berkaitan dengan tujuan pendidikan. Sebagai contoh, seorang guru menggunakan pengetahuan ini untuk membuat keputusan yang lebih tepat

apabila memilih bahan untuk memenuhi matlamat pembelajaran pelajar. Kaedah ini bukan sahaja menjadikan pembelajaran lebih menarik tetapi juga meningkatkan pengalaman pendidikan dengan komponen budaya dan moral yang terdapat dalam cerita rakyat. Sehubungan dengan itu, penggunaan cerita rakyat mungkin merupakan kaedah pengajaran yang lebih efektif serta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik untuk pelajar.

Selain itu, implikasi kajian ini dapat memberi rasional kepada pihak berkuasa pendidikan untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan cerita rakyat dalam pendidikan formal. Hal ini disebabkan oleh peranan yang lebih aktif dalam penerbitan bahan bacaan berkualiti tinggi dan pembangunan program pengajaran yang merangkumi cerita rakyat. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kelebihan menggunakan cerita rakyat dalam pengajaran boleh memberikan hujah yang kukuh kepada pihak berkuasa pendidikan berdasarkan penggunaan aspek-aspek yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Perkara ini akan menyebabkan cerita rakyat berpotensi membawa kepada sokongan yang lebih aktif dan promosi cerita rakyat dalam kurikulum pendidikan formal. Justeru itu, pihak berkuasa pendidikan diminta untuk melibatkan penerbit secara aktif dalam penciptaan bahan bacaan berkualiti tinggi yang merangkumi cerita rakyat. Hujah ini boleh membawa kepada langkah-langkah ketara untuk meningkatkan tempat cerita rakyat dalam pendidikan formal menjadikannya sumber pembelajaran yang berharga.

5.4 Cadangan daripada Hasil Kajian

Berdasarkan analisis dan hasil perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji telah mengetengahkan beberapa cadangan yang dipertimbangkan bagi digunakan pada

masa hadapan. Hal ini kerana nilai pendidikan yang diperlihatkan dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* dapat dijadikan sebagai medium pendidikan dalam kehidupan masyarakat khususnya pelajar-pelajar yang boleh menjadikan cerita rakyat tersebut sebagai pengajaran dan tauladan. Sehubungan dengan itu, beberapa cadangan yang bersesuaian dapat membentuk perwatakan generasi akan datang yang dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

5.4.1 Orang Awam

Peranan orang awam atau masyarakat ini memainkan peranan yang paling penting bagi menyokong dan meningkatkan bidang kesusastraan di mata dunia. Hal ini kerana peranan orang awam ini dapat membantu penulis-penulis sastera dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, orang awam menyebarkan kandungan cerita rakyat yang mempunyai nilai pendidikan melalui media sosial mereka. Perkara ini akan menyebabkan orang lain akan mengetahui lebih lanjut mengenai nilai pendidikan dalam sebuah teks cerita rakyat tersebut. Penggunaan media sosial secara meluas oleh orang awam dalam penyebaran cerita rakyat sebagai medium pendidikan dapat menyedarkan orang lain akan kepentingan nilai pendidikan tersebut. Orang awam juga dapat berkongsi pendapat serta pandangan mereka mengenai cerita rakyat sebagai medium pendidikan dan membincangkan dengan lebih lanjut akan nilai pendidikan yang terdapat dalam cerita rakyat. Oleh itu, penyebaran di platform media sosial dapat dijadikan sebagai sebuah cadangan pengkaji kepada orang awam.

Selain itu, orang awam yang bergelar ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menjadikan cerita rakyat sebagai medium pendidikan. Hal ini berkata demikian kerana ibu bapa perlu menerapkan dan memperkenalkan bahan bacaan

yang berfaedah dan berguna kepada anak-anak mereka. Sebagai contoh, ibu bapa membaca atau menyediakan kisah-kisah daripada cerita rakyat yang wujud di Malaysia untuk dijadikan pengajaran dan tauladan dalam kehidupan mereka. Ibu bapa juga digalakkan menyediakan kisah-kisah cerita rakyat yang mempunyai nilai-nilai pendidikan kepada anak-anak mereka. Perkara ini akan menyebabkan dapat membantu perkembangan anak-anak mereka supaya melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting kerana mereka merupakan individu yang paling rapat dengan anak-anak mereka berbanding orang lain.

5.4.2 Kerajaan

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerapkan pendidikan cerita rakyat atau kesusasteraan kanak-kanak sebagai subjek utama dalam sistem pendidikan negara iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hal ini kerana penerapan sistem pendidikan menjadikan subjek kesusasteraan sebagai subjek utama dapat mengubah lanskap pendidikan di negara kita. Sebagai contoh, mewujudkan subjek sastera kanak-kanak melalui pembelajaran cerita rakyat yang diajar kepada pelajar-pelajar darjah satu supaya mereka memahami dan mengetahui nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam sesebuah cerita rakyat tersebut. Perkara ini akan menyebabkan mereka memahami dan mengambil pengajaran mengenai nilai-nilai pendidikan menerusi jalan cerita atau watak perwatakan sesebuah cerita rakyat. Justeru itu, penerapan kesusasteraan kanak-kanak

sebagai subjek pembelajaran utama di sekolah sangat penting dalam usaha melahirkan masyarakat yang berguna kepada negara pada masa hadapan bertepatan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu memperkuatkan penyelidikan nilai pendidikan dalam cerita rakyat bagi setiap universiti yang menyediakan kursus kesusasteraan. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam urusan universiti harus mengalakkan pelajar-pelajar mereka membuat kajian berkaitan kesusasteraan khususnya cerita rakyat. Sebagai contoh, pelajar-pelajar universiti membuat kajian mengenai cerminan moral dalam cerita rakyat sebagai tajuk kajian. Perkara ini akan menyebabkan kajian mengenai cerita rakyat sebagai medium pendidikan dapat diperbanyakkan melalui cadangan ini. Dengan memperkuatkan lagi kajian mengenai nilai pendidikan dalam cerita rakyat turut membuatkan masyarakat khususnya pelajar yang mempelajari berkaitan kesusasteraan akan mendapat lebih banyak pengetahuan terhadap cerita rakyat sebagai medium pendidikan. Justeru itu, Kementerian Pengajian Tinggi memainkan peranan yang penting dalam membantu serta menjadikan cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

Pihak kerajaan juga melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) memainkan peranan yang penting dalam bidang kesusasteraan ini. Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu menapis segala kandungan pengeluaran karya sebelum dijual kepada pembaca. Hal ini kerana mereka merupakan pihak yang bertanggungjawab bagi menilai dan menapis pengeluaran buku supaya pengeluaran tersebut mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Kementerian juga bertanggungjawab menapis dalam usaha mengawal kandungan yang boleh dianggap sensitif atau merosakkan akidah seseorang individu. Sebagai contoh, pihak kementerian melarang pengeluaran buku cerita rakyat yang menyelitkan unsur-unsur yang tidak baik atau negatif kepada para pelajar.

Perkara ini akan menyebabkan proses dalam melakukan penghasilan buku yang negatif terhalang oleh penapisan yang berlaku. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sangat memainkan peranan yang penting dalam usaha memastikan karya-karya yang tidak memberi manfaat kepada pembaca tidak dijual kepada mereka.

5.4.3 Industri

Pihak industri seperti Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan organisasi yang banyak menerbitkan banyak karya di Malaysia. Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha mengetengahkan karya-karya sastera khususnya berkaitan cerita rakyat. Hal ini kerana penerbitan yang dilakukan sedikit sebanyak memberikan kesan yang positif kepada para pembaca khususnya para pelajar dalam pembentukan sahsiah diri mereka. Nilai-nilai pendidikan dalam cerita rakyat dapat menarik minat pelajar-pelajar untuk membaca disebabkan oleh mereka terlalu bergantung kepada gajet berbanding bahan bacaan yang ilmiah. Sebagai contoh, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka mengeluarkan buku cerita rakyat bergambar dalam usaha menarik minat para pembaca khususnya para pelajar yang meningkat usia. Perkara ini akan menyebabkan mereka tertarik dengan kandungan bahan bacaan tersebut sekali gus mengetahui nilai-nilai pendidikan yang boleh dijadikan pengajaran serta tauladan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka memainkan peranan yang sangat penting agar membolehkan para pelajar untuk membaca bahan bacaan tersebut.

Selain itu, pihak penerbit buku cerita rakyat perlu menghasilkan bahan bacaan yang mempunyai nilai pendidikan kepada para pembaca. Hal ini kerana bahan bacaan yang baik dapat membolehkan seseorang individu tersebut menjadi lebih berguna dengan mengetahui dan memahami nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam teks tersebut.

Pihak penerbitan perlu lebih aktif dalam menganalisis dan memilih cerita-cerita rakyat yang memberi nilai pendidikan yang positif kepada para pembaca. Perkara ini melibatkan penulis dan penyunting dalam proses ini dapat memastikan bahan bacaan yang dihasilkan memiliki kualiti pendidikan yang baik. Sebagai contoh, penghasilan buku cerita rakyat iaitu *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang diterbitkan oleh Edukid Publisher pada tahun 2023 telah memberikan impak yang positif. Justeru itu, peranan pihak penerbitan dapat menyumbang kepada perkembangan nilai pendidikan dalam cerita rakyat sekiranya bahan bacaan tersebut berkualiti.

5.4.4 Pengkaji Lain

Para pengkaji lain perlu memperluaskan lagi aspek kajian dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan dengan pengaplikasian teori Teksdealisme. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan memperbanyakkan kajian seperti ini dapat menambahkan mutu sekali gus memperbanyakkan bahan rujukan kepada para sarjana yang lain. Penghasilan kajian ini juga dapat membuka mata masyarakat khususnya para pelajar dengan kelebihan cerita rakyat sebagai medium pendidikan berdasarkan aspek-aspek yang diterapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Perkara ini akan menyebabkan kajian yang berkaitan cerita rakyat sebagai medium pendidikan semakin banyak bahan rujukan kepada pengkaji lain. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan bahan rujukan bukan sahaja kepada pengkaji yang lain tetapi juga kepada pihak universiti mahupun sekolah dalam usaha mengangkat cerita rakyat sebagai medium pendidikan.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang ditunjukkan melalui watak-watak dan penceritaan yang terkandung dalam cerita tersebut dapat memberi pengajaran serta teladan yang baik bagi mendidik masyarakat khususnya para pelajar. Hal ini kerana watak-watak yang digambarkan dalam cerita rakyat tersebut menunjukkan nilai-nilai pendidikan melalui elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai-nilai pendidikan ini dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat khususnya para pelajar untuk dijadikan panduan dan panduan dalam kehidupan harian mereka. Pengaplikasian teori Teksdealisme juga yang digunakan menerusi kajian ini mendapati bahawa penggunaan teori ini dapat memperlihatkan keunggulan pengarang telah diangkat yang menepati karya yang bermutu serta berkualiti. Keunggulan pengarang menerusi cerita rakyat ini dapat dilihat melalui tindakan individu dan gaya individu yang ditunjukkan bagi setiap penceritaan. Justeru itu, buku *366 Cerita Rakyat Terkenal* merupakan himpunan cerita-cerita rakyat yang bukan sahaja dapat dijadikan sebagai hiburan masyarakat semata-mata akan tetapi menerusi cerita rakyat tersebut dapat memberikan nilai-nilai pendidikan kepada para pembaca supaya menjadi lebih berguna selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

RUJUKAN

- Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 4(1), 32–39.
- Abdullah Muhammad Zin. (2017, Disember 29). Nilai kerohanian, jasmani perlu diseimbangkan. *Berita Harian Online*. Diakses pada November 25, 2023. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/12/368422=nilai-kerohanian-jasmani-perlu-diseimbangkan>
- Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. (2011). Pendidikan, kurikulum dan masyarakat: Satu integrasi. *Journal of Edupres*, 1, 350-356.
- Aminuddin Mansor. (2020, Ogos 24). Berbudi bahasa dalam kehidupan, *Sinar Harian*. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/97976/khas/pendapat/berbudi-bahasa-dalam-kehidupan>
- Ang Kean Hua. (2016). Pengenalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17 - 24.
- Belen Martin. (2022). Apakah teks sastera dan tipologinya. *Actualidad Literatura*. Diakses daripada <https://www.actualidadliteratura.com/ms/apakah-itu-teks-sastera/>
- Bernama. (2023, Julai 21). Lepasan spm tidak sambung belajar beri kesan kepada sumber manusia negara. *Astro Awani*. Diakses pada November 29, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lepasan-spm-tidak-sambung-belajar-beri-kesan-kepada-sumber-manusia-negara-429000>.
- Daniel Goleman. (1998). *Working with emotional intelligence*. Bantam Books.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dilah Tuah. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika* 92(2), 153-168.
- Edukid Distributors. (2023). *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Edukid Publisher Sdn. Bhd.
- Elavarassan Suppiah. (2019). *Drama KOMSAS: Satu kajian impak, pemahaman dan penerimaan murid SMK Malim Nawar, Perak menerusi teks kumpulan drama KOMSAS 2018 menggunakan teori Teksdealisme*. Disertasi Sarjana Muda. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya hamka: suatu pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.
- Fatimah Yassin. (1991). *Cerita rakyat sebagai alat pendidikan. Satu analisis isi yang bercorak etika*. Dialog kesusasteraan. Disunting oleh Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Mohd Ali & Madiawati Mamat. (2018). Individualisme Faisal Tehrani dalam kepengarangan berdasarkan novel-novel terpilih. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 31-60.
- Haji Muhammad Salleh. (2005). *Pengalaman puisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hajijah Jais. (2004). *Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan terhadap teori Teksdealisme* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).
- Hasan Langgulung. (2003). *Pendidikan Islam dalam abad ke-21*. Pustaka Al Husna Baru.
- Jesinta Macsie Jaimis & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kemahiran pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah serta kepentingannya kepada pelajar sekolah: Kajian sistematis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 296-307.
- Kementerian Komunikasi dan Digital. (2023). *Tablet Percuma Perantisiswa Keluarga Malaysia*. Kkd.gov.my. <https://www.kkd.gov.my/en/118-berita-terkini/22238-tablet-percuma-perantisiswa-keluarga-malaysia-prsis-pastikan-pengajian-mahasiswa-terpelihara>
- Ku Nur Asmida Ku Mohd Shahabudin. (2022). *Transkripsi keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya-karya thriller Ramlee Awang Murshid*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Kosmo. (2023, Oktober 11). Penganggur ramai, kerja sedikit. *Kosmo*. Diakses pada November 28, 2023. <https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/penganggur-ramai-kerja-sedikit/>
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Pengabsahan mitos kegagahan badang melalui metafora: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 20 (1), 49-78.
- Mana Sikana. (1998). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1996). *Teori sastera Teksdealisme*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Teori sastera Teksdealisme*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di takhta keunggulan*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Melvin Joni. (2019). Pendidikan jadi aset penting ubah taraf kehidupan. *BH Online*. Diakses dari pada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/04/553284/pendidikan-jadi-aset-penting-ubah-taraf-kehidupan>
- Mizan Qistina Wan Ibrahim (2021) *Kajian adaptasi hikayat ke filem: Analisis berdasarkan Hikayat Merong Mahawangsa*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). Penemuan nilai-nilai Islam dalam cerita lisan Melayu: Satu penelitian terhadap pendekatan karya dan khalayak. *Jurnal Melayu Bil. 20(1)*, 79-92.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2021). Cerminan nilai-nilai Islam dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*: Satu pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development* 9(1), 51-62.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui cerita-cerita rakyat Melayu: Kajian teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* diselenggara oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development* 5 (2), 67-74.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018) *nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 35-44.
- Mohammad Nor Fahmi Adaha Che Ayub. (2022). *Kearifan lokal dalam seloka Pak Kaduk & Pak Pandir: Aspek sindiran dan kenyataan*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mstar. (2019). Malaysia di landasan tepat, capai sasaran 30 peratus PISA. *Mstar*. Diakses daripada <https://www.mstar.com.my/klik/2019/12/17/pisa>
- Muhammad Idham, Zamri Mahamod, Melor Md Yunus, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Profil kecerdasan emosi guru pelatih bahasa mengikut tahun pengajian. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(2).
- Muhammad Irfan Waqiuuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan & Muhd Norizam Jamian. (2022). Cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan latar budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-21.
- Muhamad Izzuddin Ramli. (2022). *Kepengarangan Shamsuddin Othman dalam Kumpulan Puisi Taman Insaniah menerusi aspek intrinsik dan pengaruh retorik dengan pengaplikasian teori Teksdealisme*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Hafizan Aliff Halimi & Che Abdullah Che Ya. (2023). Keupayaan Teksdealisme dalam mengangkat keunggulan karya Malim Ghozali: Gunung Cha. *Jurnal Wacana Sarjana Volume 7(3)*, 1-17.
- Muhammad Hilmi Jalil & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2013). Kepentingan kesihatan diri dalam pembangunan insan: Analisis karya falsafah Hamka. *Jurnal Hadhari*, 5(2), 53-66.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita lisan: Satu penelitian Takmilah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(1), 11-25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. (2021). Polimik dalam cerita rakyat sebagai medium pendidikan moral kepada kanak-kanak. *Jurnal Melayu* 20(2), 194-212.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 48 – 56.
- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2022). Dokumentasi tradisi lisan dalam cerita rakyat untuk orang Melayu di Sarawak untuk persembahan teater. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34–41.

- Muhammad Ridzuan Mohd Ahdil. (2021). *Teguran masyarakat Melayu dalam koleksi seloka terpilih. Satu analisis Model Smcr oleh Wilbur Schramm*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Muhammad Saufi Hassan. (2023, Januari 18). 90,000 bakal menganggur. *Harian Metro*. Diakses pada November 27, 2023.
<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/937225/90000-bakal-menganggur>
- Muhammad Zaid Daud, Mary Fatimah Subet & Awang Azman Awang Pawi. (2023). Interpretasi politik tempatan dalam ungkapan “aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai”: Analisis pragmatik. *Asian People Journal (APJ)*, 6(1), 23-35.
- Muhammad Zakin Haziq Mohamad Zamberi. (2022). *Pendigitalan sastera: Suatu proses pemeliharaan sastera rakyat*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Naizatul Nazira Abdul Aziz. (2022). *Representasi lirik lagu rap Kmy Kmo dan Luca Sikta Satu analisis kepengarangan*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Ni Putu Candra Prastyo Dewi & I Nengah Suastika. (2021). Dekonstruksi dongeng Bawang Merah Bawang Putih dalam meningkatkan karakter anak usia sekolah dasar. *DWIJA CENDEKIA: Jurnal Riset Pedagogik*, 5(2), 270-283.
- Nik Murshidah Nik Din, Najihah Abd Wahid, Embong Rahimah, Khazri Osman & Nik Muniyati Nik Din. (2018). Analisis tekstual sebagai method dalam memahami ungkapan puisi Imam Al-Shafie RHM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 19, 112-119.
- Noor Aziera Mohamad Rohana, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nuruul Hidayah Mansor, Mohamad Shafiei Ayub & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah. (2017). Perpaduan etnik di Malaysia menurut ideologi pendidikan Za’ba. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 106-116.
- Nor Ayuni M. Aris. (2023). *Pembentukan sosioemosi kanak-kanak melalui teks Kumpulan Cerita Sang Kancil*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nordiana Ab Jabar & Mohd Faradi Mohamed Ghazali. (2021). Komunikasi bahasa sindiran dalam seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 37(1), 364-378.
- Nordiana Ab Jabar. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 172-191.
- Nur Muhamad Shahir Ayob (2019). Kehadiran pemikiran Anwar Ridhwan dari sudut kekuasaan politik dalam drama yang menjelma dan menghilang. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 247-266.
- Nur Shahirah Othman. (2020). *Akal budi orang Melayu dalam cerita rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu pengaplikasian teori Pengkaedah Melayu*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.

- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra masyarakat dalam naratif lisan: Satu pendekatan teori pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*, 9(2), 93–106.
- Nurilisha Mohammad Ali. (2021). *Ikon kepimpinan dalam cerita jenaka Melayu menggunakan teori Pengurusan Henry Fayol*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nurul Sahirah Nazaini & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2020). Keunggulan Hatta Azad Khan dalam monodrama Menunggu Lampu Hijau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-13.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif ‘Melayu malas’ dan ‘Melayu bodoh’ oleh Barat serta kebenarannya berdasarkan cerita jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(3), 71-82.
- Ridauddin Daud. (2021, November 2). Kes kematian Zulfarhan: 18 penuntut UPNM didapati bersalah. *Astro Awani*. Diakses pada Disember 10, 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-kematian-zulfarhan-18-penuntut-upnm-didapati-bersalah-328656>
- Ruziwati Abu Samah. (2019). Gaya keibubapaan dalam novel komsas sukar membawa tuah dan merenang gelora berdasarkan analisis teksdealisme. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 192 - 216.
- Saadiah Ismail. (2023, Ogos 22). Wanita tunggu anak selesai peperiksaan, baru maklumkan kematian ayahnya. *BH Online*. Diakses pada Disember 10, 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1143347/wanita-tunggu-anak-selesai-peperiksaan-baru-maklumkan-kematian>
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Human development in National Education Philosophy). *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83-100.
- Sara Beden. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis Teksdealisme. *PENDETA*, 10, 36-56.
- Saripah Dora Ismail & Azhar Wahid. (2020). Tahap kebolehan pelajar mendefinisikan patriotisme melalui pengajaran novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15, 59–68.
- Shafwan Hadi Umry, Siti Zubaidah & Tri Wahyuni. (2019). Penelitian folklor bercorak cerita jenaka dalam pengembangan sastra siber. In *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia II*, Vol. 2, 134-140.
- Setiyawan. (2017). Visi pendidikan jasmani dan olahraga. *Jurnal Ilmiah Penjas (Penelitian, Pendidikan Dan Pengajaran)*, 3(1).
- Sinar Harian. (2020, Januari 15). Al-quran mampu hidupkan jiwa, didik rohani dan minda manusia. *Sinar Harian*. Diakses pada November 29, 2023. <https://www.sinarharian.com.my/article/65999/sinar-islam/al-quran-mampu-hidupkan-jiwa-didik-rohani-dan-minda-manusia>

- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur spiritual dalam cerita lisan Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(2), 67-79.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). Fungsi makanan dalam interaksi sosial masyarakat Melayu: Satu kajian teks cerita rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2), 59 – 67.
- Sukor Beram, Marinah Awang & Ramlee Ismail. (2020). Pembangunan model kompetensi pemimpin pertengahan: Satu kajian reka bentuk dan pembangunan. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies Journal*, 2(1), 1-11.
- Tajul Ariffin Noordin. (2010). Pendidik bina kebenaran universal. *Pendidik*, 69, 55 – 57.
- UmaVathi Ramayah. (2022, Oktober 7). Bajet 2023: Sektor pendidikan terima peruntukan terbesar. *Astro Awani*. Diakses daripada <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/bajet-2023-sektor-pendidikan-terima-peruntukan-terbesar-384720>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN